

PROSIDING

SEMINAR KEBANGSAAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH KALI KE-18

KE ARAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PERSEKITARAN YANG
SELAMAT

*'TOWARDS THE PLANNING AND DEVELOPMENT OF A SAFE
ENVIRONMENT'*

APB084508
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
9 MAR 2001

M
307.121609.575
SEM
f

Anjuran:

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina

oleh
-ff

Dengan Kerjasama:

Pelajar Tahun 5 Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai, Johor

28-29 Februari 2000

SENARAI ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan

i

Prakata

iii

ISI KANDUNGAN

| | | |
|----|---|-----|
| 1. | Kertas Kerja Utama (Ucaptama I): Ke Arah Perancangan Dan Pembangunan Persekutaran Yang Selamat. Oleh: Y. Bhg. Dato' Profesor Hj. Zainuddin bin Muhammad. | 1 |
| 2. | Planning Towards The Safe Living Enviroment Oleh: Encik Ho Khong Ming | 18 |
| 3. | Environmental Considerations In The Development Of A Safe City Oleh: Profesor Dr. Abdul Samad Hadi | 31 |
| 4. | Falsafah Dan Tujuan Kawalan Pembangunan Dalam Mewujudkan Persekutaran Yang Selamat. Oleh: Yg. Bhg. Dr. Halimaton Saadiah binti Hashim. | 55 |
| 5. | Perancangan Bandar Selamat Bagi Golongan Istimewa. Oleh: Profesor Dr. Noor Sharifah binti Sutan Saidi. | 64 |
| 6. | Ke Arah Perancangan Dan Pembangunan Yang Selamat Menurut Perspektif Islam; Satu Pandangan. Oleh: Prof. Madya Dr. Hj. Ibrahim bin Ngah. | 75 |
| 7. | Kertas Kerja Utama (Ucaptama II): Towards The Planning And Development Of A Safe Environment: Current Practice. Oleh: Y. Bhg. Puan Khairiah binti Hj. Mohd. Talha. | 88 |
| 8. | Aplikasi Sistem Sokongan Perancangan (PSS), Contoh: Unjuran Dan Agihan Ruang Penduduk. Oleh: Prof. Madya Amiruddin bin Abu Bakar, et al. | 97 |
| 9. | Pengenalan Terhadap Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat Dalam Kawasan Perumahan Di Malaysia. Oleh: Lam Sew Chee. | 108 |

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

- | | | |
|-----|--|-----|
| 10. | Reka Bentuk Pengangkutan Yang 'Barrier-Free' Oleh: Oliver Ling Hoon Leh dan Tee Szu Fong. | 128 |
| 11. | Perancangan Kawasan Lapang Yang Selamat Di Kawasan Perumahan. Oleh: Nor Kalsun binti Mohd. Isa. | 138 |
| 12. | Pertimbangan Faktor Globalisasi Dalam Perancangan Sebuah Bandar Selamat. Oleh: En. Hamzah Jusoh. | 150 |

PRAKATA

Prosiding ini merupakan kumpulan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah Kali Ke-18 pada 28hb.-29hb. Februari 2000, di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Seminar ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina dengan kerjasama pelajar Tahun 5 Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah. Ia merupakan aktiviti tahunan bagi Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi Malaysia.

Seminar yang bertemakan '**Ke Arah Perancangan dan Pembangunan Persekutaran Yang Selamat**' ini selaras dengan perkembangan pesat negara menuju ke era negara maju. Kemajuan sesebuah negara tidak harus terletak kepada nilai kebendaan semata-mata, tetapi juga harus menjamin keselamatan penghuninya. Keselamatan yang terjamin akan meningkatkan keselesaan masyarakat dan seterusnya membantu usaha-usaha pembangunan dengan lebih bermutu.

Prosiding ini mengandungi dua perkara utama iaitu perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat secara teori yang didahului dengan ucaptama I serta secara amalan yang didahului oleh ucaptama II. Selain itu, ia juga membincangkan mengenai isu semasa dan masa hadapan untuk direnung oleh profesion yang terlibat dalam pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial negara bagi mencapai tahap keselamatan yang memberangsangkan.

Menurut Y. Bhg. Dato' Prof. Zainuddin Muhammad, perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat dapat diwujudkan melalui pelaksanaan prinsip pembangunan mampan serta memfokuskan kepada manusia (Sustainable people centred development model). Penekanan juga harus diberikan kepada jalinan tiga hubungan, iaitu hubungan manusia dengan Pencipta, manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Ketiga-tiga jalinan ini harus diterapkan melalui mekanisme sistem perancangan sedia ada serta piawaian dan konsep-konsep perancangan.

Dalam prosiding ini, En. Ho Khong Ming menyentuh mengenai persekitaran kediaman yang selamat. Menurut beliau, kawasan kediaman yang selamat ialah kediaman yang selamat kepada kehidupan, harta, kesihatan yang terjamin serta selamat dari sudut 'personal' dan sosial. Selain itu,

beliau juga turut menyentuh mengenai ciri-ciri serta langkah-langkah untuk mewujudkan kawasan kediaman yang selamat. Selain daripada kawasan kediaman, alam persekitaran juga perlu dipertimbangkan bagi mewujudkan perancangan dan pembangunan yang selamat. Menurut Prof. Dr. Abdul Samad Hadi, pertimbangan-pertimbangan tersebut termasuklah mengenai struktur tanah dan topografi kawasan. Perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat juga harus tertumpu kepada semua manusia termasuk golongan kurang upaya seperti yang dibentangkan oleh Prof. Dr. Noor Sharifah dan Oliver Ling Hoon Leh. Perancangan selamat untuk golongan tersebut haruslah direalisasikan melalui pelaksanaan konsep persekitaran tanpa halangan, garis panduan perancangan, penyelidikan serta perundangan. Ini selaras dengan kertas kerja yang dihasilkan oleh Dr. Halimaton Saadiah yang menjelaskan beberapa garis panduan am dalam perancangan serta cadangan mengenai penyelidikan yang diperlukan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat.

Prosiding ini juga mengandungi beberapa kertas kerja yang menekankan amalan perancangan semasa dalam mewujudkan persekitaran yang selamat, seperti kertas kerja yang dibentangkan oleh Prof. Madya Amiruddin yang memperkenalkan Sistem Sokongan Perancangan (PSS) sebagai salah satu teknik untuk menghasilkan sesuatu keputusan perancangan. Selain itu, ia juga menyentuh mengenai perancangan bandar selamat daripada perspektif Islam serta pertimbangan terhadap faktor-faktor globalisasi. Manakala dua kertas kerja lagi, iaitu oleh Lam Sew Chee dan Nor Kalsum telah menyentuh mengenai perancangan persekitaran yang selamat dengan menggunakan kawasan kajian yang bersesuaian. Melalui kertas kerja tersebut, perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat secara realistik dapat dikenal pasti. Secara keseluruhannya, kandungan prosiding ini dapat menjelaskan mengenai konsep perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat dengan lebih teliti serta dapat dijadikan asas panduan melalui maklumat dan cadangan yang telah diberikan.

Penyunting:

DR. HO CHIN SIONG
DR. HAMID B. SAAD
MOHD. NOOR B. AWANG
NOR KALSUM BT. MOHD. ISA
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

22 Mei 2000

KE ARAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PERSEKITARAN YANG SELAMAT

Y. Bhg. Dato' Hj. Zainuddin bin Hj. Muhammad
Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia

Yang Berusaha Tuan Pengerusi Majlis, Dato'-dato', Datin-datin, Tetamu-tetamu Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengajur atas penghormatan yang diberikan kepada saya sekali lagi untuk menyampaikan ucaptama di Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar ke 18 yang bertemakan 'Ke Arah Perancangan dan Pembangunan Persekitaran Yang Selamat'.

Y. Bhg Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Alaf baru yang kita masuki merupakan tempoh yang penuh dengan cabaran terutama sekali dalam bidang perancangan bandar kerana di bawah pengaruh era globalisasi aktiviti sektor perdagangan (business), perkhidmatan (service sector) serta perkembangan dalam sektor teknologi maklumat terbuka kepada dunia bagi menggalakkan kemasukan (inflow) aktiviti ini ke dalam negara kita.

Maka corak pembangunan bandar kemungkinan besar akan berubah dengan elemen negatif dan juga positif. Justeru, bandar sebagai pusat aktiviti dan penumpuankekayaan ekonomi dan negara perlu menyediakan keperluan masyarakat dan perkhidmatan asas yang mempunyai 'standard' yang tinggi ke arah kearuhan ekonomi tetapi yang terpenting ialah mesti menjamin kesejahteraan hidup dan keselamatan rakyat sejagat. Mengikut jangkaan demografi dunia, kanak-kanak yang lahir dalam tahun 1990-an akan menerima risiko yang tinggi kesan daripada aktiviti globalisasi kerana kadar urbanisasi yang pesat pada tahun 2020 akan berterusan ke abad 21. Lebih ramai penduduk akan menetap di kawasan bandar yang akan menjadi penggerak dan pusat nadi teknologi, ekonomi dan sosial. Adalah dianggarkan menjelang tahun 2020, hampir 65% penduduk semenanjung Malaysia akan mendiami kawasan bandar. Bandar di negara ini tidak terkecuali daripada masalah dan risiko

daripada kesan aktiviti-aktiviti globalisasi, antaranya ialah risiko kesejahteraan dan keselamatan yang tinggi kerana bandar tidak lagi mempunyai ciri-ciri yang selesa (conducive) untuk memberi perlindungan kepada kesejahteraan hidup (well being) manusia.

Masyarakat masih selesa dengan model bandar yang berdasarkan 'growth oriented development' dan ini diteruskan untuk keperluan masyarakat bandarnya, tetapi pertumbuhan ekonomi tidak secara automatik memberi kesan yang positif kepada pembangunan manusia. Maka dalam merancang bandar-bandar, langkah-langkah ke arah pengujudan model pembangunan mampan dan pembangunan berfokuskan manusia (*sustainable people centred development model*) perlu dijadikan prinsip perancangan pembangunan bandar pada masa hadapan bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan penduduk bandar di negara ini, pemangkin kepada perpaduan negara bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 dalam semua aspek sosial, ekonomi dan politik serta budaya. Ini bermakna negara akan membangun sepenuhnya dalam aspek-aspek perpaduan negara, ekonomi, keadilan rakyat, kestabilan politik, kualiti hidup, nilai hidup sosial dan kerohanian. Oleh kerana pembangunan manusia perlu diberi keutamaan, peruntukan dan pembangunan di semua peringkat hendaklah ditumpukan kepada penyediaan kemudahan sosial sebagai **asas** kepada pembentukan masyarakat madani.

Langkah Universiti Teknologi Malaysia untuk menganjurkan seminar yang bertemakan 'Ke Arah Perancangan dan Pembangunan Persekutuan Yang Selamat' adalah tepat pada masanya kerana dari segi perancangan, cabaran yang kita hadapi bukan hanya untuk menjamin perkembangan ekonomi tetapi mencapai perpaduan dan kesejahteraan berdasarkan lunas keselamatan.

Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sebelum saya memperkatakan apakah ancaman, isu dan cabaran yang dihadapi dalam merancang pembangunan persekitaran yang selamat, saya ingin mengimbaskan kembali konsep perancangan dan pembangunan sejagat yang telah diterima pakai oleh kerajaan untuk menjamin wujudnya persekitaran kehidupan yang berkualiti yang dapat dicontohi hasil daripada jalinan tiga hubungan, iaitu Hubungan Manusia Dengan Cipta, Hubungan Manusia Dengan Manusia dan Hubungan Manusia Dengan Alam Sekitarnya. Konsep ini perlu dijadikan model bagi perancangan bandar masa hadapan kerana amalan perancangan kegunaan tanah masa kini kurang mendekati aspek persekitaran serta tamadun kehidupan yang berkualiti dan berkekalan. Konsep perancangan tidak memaparkan dengan jelas nilai-nilai murni yang perlu menjadi asas pertimbangan dalam perancangan dan pembangunan. Akibatnya, telah timbul tanda-tanda kepincangan nilai murni masyarakat dan juga

kemusnahan dan kerosakan kepada alam sekitar. Jika dibanding, perancangan dalam era tamadun Islam telah menunjukkan ciri-ciri perancangan dan pembangunan di mana konsep perancangan yang digunakan mempunyai nilai murni dan keindahan serta penyataan fizikal yang menunjukkan perpaduan ummah. Penggunaan masjid, sekolah, pusat pengajian dan perpustakaan sebagai tumpuan dan fokus pembangunan serta pengekalan alam semula jadi sebagai usaha ke arah memperingati dan menghargai Pencipta, juga merupakan suatu aspek yang dititikberatkan. Segala jenis pembangunan menunjukkan keprihatinan kepada faktor-faktor keselamatan, kesejahteraan, menghormati ruang untuk manusia berinteraksi, perletakan kemudahan infrastruktur yang tersusun dan menghormati hak pengguna. Ciri-ciri ini dapat dilihat dengan jelas pada perancangan bandar-bandar lama Islam seperti Cordova dan Granada di Sepanyol, Fez El-Bali (Bandar Lama Fez) di Maghribi dan Istanbul di Turki.

Berteraskan Dasar Perancangan dan Pembangunan Sejagat ini prinsip-prinsip pembangunan adalah mengenai pembangunan insan iaitu pembangunan manusia dan alam sekitar, fizikal dan sosial budayanya supaya masyarakat bandar mempunyai ciri-ciri bersepadu, penyayang, moral dan etika yang tinggi, sejahtera, selesa dan amanah untuk memelihara alam sekitar dan sumber asli negaranya. Alam sekitar selain daripada mempunyai nilai fungsinya juga mempunyai nilai-nilai kerohanian (seperti kegembiraan, ketenangan dan kesejahteraan kepada manusia). Manusia juga merupakan sebahagian daripada alam sekitar, mempunyai hubungan simbiotik dan sentiasa dalam keadaan seimbang yang dinamik. Dengan itu, alam sekitar sekiranya diganggu secara keterlaluan, dimusnahkan dan dicemari, akan bertindak balas dalam bentuk yang mendatangkan bahaya, bencana dan kemusnahan kepada manusia dan harta benda.

'Such disregard of principles of equilibrium do not fit into a civil society..... we can't proclaim that these are acts of God... rather they are nature's revenge'.

Pemeliharaan alam sekitar dan perancangan sumber-sumbernya adalah penting kerana matlamat pembangunan bukan hanya dalam jangka pendek dan perubahan fizikal luaran sahaja tetapi untuk menjaga keadaan keseimbangan di antara manusia dengan penerokaan alam, supaya generasi akan datang dapat hidup dalam keadaan selamat, selesa, aran dan harmoni dengan alam persekitarannya. Manusia mempunyai peranan sebagai pembina, pengindah dan penyelamat alam sekitar dan bukan melakukan kerosakan, kemusnahan serta memporak-perandakannya.

Firman Allah s.w.t

'...telah timbul pelbagai kerusakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf) dan bertaubat... ?'

Surah Ar-Rum (30): 41

Dato'-dato', Tuan-tuan, Puan-puan hadirin sekalian

Apakah Ancaman (*threat*) Dan Cabaran Yang Dihadapi Dalam Merancang Pembangunan Persekutaran Yang Selamat.

Sebelum saya menerangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam merancang pembangunan persekitaran yang selamat, saya ingin memberikan apakah yang dimaksudkan sebagai keselamatan yang menjadi isu utama ucaptama ini.

Keselamatan

Mengikut John Lang dalam buku Urban Design – ‘The American Experience’ terdapat dua jenis keselamatan dan keperluan keselamatan (safety and security needs) yang penting dari sudut perancangan bandar, iaitu perlindungan ‘physiological’ dan perlindungan ‘psychological’. Perlindungan ‘physiological’ adalah jenis-jenis perlindungan yang diperlukan dari alam persekitaran semulajadi dan alam bina (built environment), manakala perlindungan ‘psychological’ diperlukan untuk kesendirian (privacy).

Sebelum saya menjelaskan apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh jabatan ke arah mewujudkan persekitaran yang berkualiti amnya dan persekitaran yang selamat khususnya, izinkan saya memberikan sepantas lalu kepada ancaman terhadap perancangan kesan daripada globalisasi dan beberapa perkara yang merupakan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi.

Ancaman Terhadap Perancangan Bandar

Pengaruh era globalisasi terhadap pembangunan negara amnya, dan pembangunan bandar khasnya, merupakan salah satu ancaman utama (*threat*) yang perlu ditangani. Sejarah Islam membuktikan beberapa contoh kemasuhan tamadun negara Islam akibat daripada pembangunan bandar yang tidak mengekalkan lunas dan sistem sosiopolitiknya. Salah satu ancaman (*threat*) di peringkat global yang perlu diberikan perhatian kerana perancangan yang tidak sesuai (*unfit*) akan memberi pelbagai masalah sosial yang menggugat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum dalam usaha untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Dalam konteks perancangan, nilai perpaduan yang diperlukan ialah berasaskan ideologi Rukun Negara.

Kemerosotan ekonomi tempatan akan turut berlaku kerana persaingan dengan kepentingan korporat global. Hasil dari persaingan ini telah mewujudkan konflik sosial, keselamatan ekonomi dan kestabilan politik, di samping kesan negatif terhadap perkembangan teknologi maklumat yang seterusnya akan memberi ancaman terhadap perkhidmatan profesionalisme. Bagi menghalang ancaman ini berlaku perancangan bandar mempunyai beberapa cabaran yang perlu dihadapi.

Pertama - Peranan perancangan bandar dan desa perlu mewujudkan bandar berkualiti yang mempunyai ciri-ciri 'futuristik', identiti kepelbagaian, 'personalisation', dan dinamik tetapi masih mampu mengekalkan corak sosio-ekonomi fizikal tempatan seperti warisan kebudayaan tempatan dan suasana alam semula jadi tempatan. Bandar yang bercirikan sedemikian akan mampu berdaya saing dan dilandaskan 'global' dan mempunyai keistimewaan untuk menarik pelaburan datang ke sini untuk menjalankan urusniaga. Cabaran kita bukanlah hanya setakat merancang konsep bandar yang berkualiti yang boleh di contohi dari luar negara tetapi perlu disesuaikan 'modify' dengan tujuan mewujudkan bandar sejahtera dan selamat mengikut acuan kita yang mengandungi aspek-aspek berikut:

- Pertama - mempunyai ciri-ciri fizikal yang bersih dan selamat.
- Kedua - mempunyai ekosistem yang stabil dan mampan
- Ketiga - mempunyai keperluan asas yang mencukupi seperti tempat tinggal
- Keempat - menggerakkan kepada keutuhan ekonomi bandar
- Kelima - mengekalkan unsur-unsur yang lepas seperti warisan budaya semula jadi sesuatu kehidupan bandar (estetik)
- Keenam - mewujudkan masyarakat yang teguh dan saling bantu membantu

- Ketujuh - penyertaan masyarakat dalam membuat sesuatu keputusan dan dasar berhubung dengan kehidupan dan sebagainya
- Kelapan - mempunyai struktur bandar yang bersifat penyayang dan madani yang memenuhi segala aspek keperluan sosial, fizikal dan budaya penduduk.
- Kesembilan - mempunyai nilai-nilai murni yang dijadikan rujukan (reference) kepada negara negara membangun.

Kedua – untuk mewujudkan pembangunan yang mampan, pemangkin kepada persekitaran yang selamat iaitu penekanan kepada keseimbangan antara pembangunan sosial, ekonomi dengan persekitaran alam sekitar. Deklarasi Rio mengenai pembangunan dan alam sekitar pada Agenda 21 yang ditandatangani oleh Malaysia di Rio pada tahun 1992 telah memberi pengiktirafan kepada perancangan kegunaan tanah sebagai satu alat yang penting dalam proses untuk mencapai pembangunan mampan. Di Semenanjung Malaysia pertambahan penduduk yang dijangka meningkat kepada 24.7 juta orang pada tahun 2020 dan pencapaian ekonomi yang kukuh akan mendorong pembangunan terus berubah untuk memenuhi keperluan. Dengan cita rasa masyarakat yang menitik beratkan kualiti dan sumber tanah yang terhad maka bukanlah satu tugas yang mudah untuk menghasilkan perancangan pembangunan yang mampan.

Ketiga – untuk mewujudkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat ke arah pembangunan yang menyeluruh dan seimbang, merangkumi semua aspek kehidupan dan keselamatan dan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan ekonomi semata-mata. Dengan hal yang sedemikian, Indeks Kualiti Hidup Malaysia yang telah dirangka oleh kerajaan meliputi sepuluh bidang terpilih iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial dan keselamatan awam.

Keempat – untuk membasmi kemiskinan, di mana masalah kemiskinan secara amnya adalah satu fenomena iaitu keupayaan penghasilan sektor ekonomi dan sosial tidak mampu menampung keperluan penduduk golongan berpendapatan rendah. Kemiskinan dari sudut perancangan merangkumi tahap kualiti kehidupan yang dinikmati. Kekurangan peruntukan kegunaan tanah untuk perumahan menyebabkan masalah setinggan dan kesesakan (overcrowding), kesukaran penyediaan ruang untuk kemudahan rekreasi dan kemudahan masyarakat selaras dengan saiz penduduk. Kekurangan dalam perkara ini memberi implikasi buruk ke atas kualiti kehidupan masyarakat seperti masalah keselamatan sosial.

Kelima – melaksanakan Sistem Kerajaan Elektronik dalam Perkhidmatan Perancangan Bandar yang mempunyai matlamat untuk meningkatkan keberkesanan kualiti perancangan, kedua, nilai keselamatan dan kesihihan data-data mengawal aliran data serta maklumat dari luar dan akhirnya menerima amalan terbaik (best practice) bandar-bandar yang berkualiti untuk dilaksanakan kesesuaianya di negara ini. Antara cabaran yang dihadapi ialah sejauh mana lengkap dan pintarnya infrastruktur yang disediakan dan sejauh mana minda dan budaya kita menghadapi sistem elektronik itu?

Mewujudkan Persekutuan Yang Selamat

Bagi memastikan bahawa kita berjaya mencapai matlamat persekitaran yang selamat, perkara pertama yang perlu kita lakukan dari sekarang ialah mengadakan beberapa pendekatan perancangan kegunaan tanah yang mengambil kira prinsip keselamatan sebagai parameter utama perancangan.

Pembangunan Persekutuan Yang Selamat Dan Peranan Perancangan Guna Tanah Fizikal

Prinsip keselamatan merupakan salah satu parameter penting dalam merangka sebarang piawaian perancangan kegunaan tanah, khususnya pembangunan kawasan perumahan. Keselamatan bererti perhatian perlu diberi kepada individu dan harta benda. Bagi menentukan keselamatan tidak terjejas, perancangan hendaklah mengikut prinsip-prinsip perancangan dan pembangunan sejagat iaitu:

- i. Perancangan mestilah menghindarkan unsur-unsur yang mendatangkan ancaman, kerosakan dan bahaya kepada sesuatu kawasan supaya penempatan manusia lebih selamat, sihat, 'more liveable' saksama, mampan dan lebih produktif.
- ii. Mewujudkan keperluan infrastruktur dan keperluan manusia yang tersusun, selesa dan selamat.
- iii. Perancangan reka bentuk dan alam persekitaran hendaklah berdasarkan ciri-ciri elemen pencegahan jenayah.
- iv. Semua aktiviti yang mengakibatkan pencemaran seperti bau yang tidak menyenangkan dan bunyi bising tidak sepatutnya diletakkan bersebelahan atau berhampiran masjid atau tempat-tempat penyembahan yang lain serta di kawasan kediaman.

Secara amnya, keselamatan kepada individu dan hartanya merangkumi perhatian kepada merancang dan menyediakan akses yang lengkap untuk mencegah kebakaran, perkhidmatan kecemasan, pencegahan jenayah, memberi kesihatan mental, fizikal dan kesihatan kepada masyarakat. Apabila

diterjemahkan dalam konteks perancangan fizikal, ia memberi erti kepada pengwujudan kawasan persekitaran yang tersusun dan sistematik melalui proses perancangan dan penyediaan komponen perancangan tertentu.

Pendekatan Dan Pemakaian Piawaian Perancangan Ke Arah Persekitaran Yang Selamat

Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Ada beberapa pendekatan yang telah diamalkan untuk memandu perancangan dari masa ke semasa ke arah mencapai taraf hidup (standard of living) yang dikehendaki. Perancangan telah menggunakan piawaian dan konsep perancangan serta mekanisme sebagai alat perancangan yang didapat berkesan. Piawaian adalah penting kepada perancangan dan tanpa piawaian, perancangan akan berlaku secara 'haphazard'. Ini sudah tentu akan memberi satu imej persekitaran yang tidak disenangi (unpleasant environment). Dalam menggubal piawaian bagi sesuatu kegunaan tanah ke arah perancangan yang selamat, penghuni atau 'the potential end users' hendaklah diberi keutamaan. Dalam ucaptama ini saya memberi fokus kepada empat parameter asas yang menentukan piawaian keselamatan persekitaran perumahan iaitu:

- i. Keselamatan fizikal
- ii. Kemudahan yang penting
- iii. Kesihatan mental dan fizikal
- iv. Kesihatan masyarakat

Bagi keselamatan fizikal, perhatian perlu diberi terhadap penyediaan ruang-ruang serta keperluan keluar/masuk yang mencukupi. Dari segi fizikal, langkah-langkah perancangan harus diambil bagi memastikan penyediaan jarak yang minimum antara bangunan-bangunan atau jalan keluar-masuk ke blok-blok bangunan dan rumah-rumah kediaman serta menetapkan had jarak antara rumah kediaman dan laluan kenderaan.

Kemudahan penting (infrastruktur) termasuk jalan keluar masuk yang biasa, sistem perhubungan, sistem perparitan dan saliran, bekalan air, elektrik, lampu-lampu jalan, sistem telekomunikasi dan tempat letak kenderaan hendaklah disediakan dengan ruang-ruangnya tersendiri.

Bagi memastikan asas kesihatan fizikal, reka bentuk unit kediaman perlu mendapatkan pengaliran udara yang cukup. Ruang yang cukup bagi kemudahan latihan fizikal dan rekreasi, terutama sekali

bagi belia dan kanak-kanak perlu disediakan di kawasan rumah kediaman. Jarak yang mencukupi atau munasabah di antara unit kediaman individu perlu supaya setiap penghuni boleh hidup secara ‘privacy’ jauh dari kebisingan, habuk, bau busuk dan tekanan yang lain yang akan timbul dari kesesakan kawasan kediaman. Manakala untuk mencapai parameter **kesihatan masyarakat** pula, perancangan perlu menyediakan persekitaran, di mana manusia boleh hidup melalui proses interaksi sosial dalam masyarakatnya. Kemudahan sosial dalam kawasan perumahan yang penting disediakan adalah di antaranya seperti sekolah, kemudahan agama, kemudahan kesihatan, tanah lapang, polis, bomba dan kemudahan pos. Secara ringkasnya, pendekatannya asas ke arah pemakaian piawaian keselamatan untuk persekitaran kawasan perumahan mestilah tidak mengeneplikan perkara-perkara asas yang diperlukan oleh manusia yang bertamadun untuk menjalankan aktiviti kehidupan harianya.

Piawaian Perancangan

Dengan adanya piawaian perancangan, maka fungsi bangunan, jalan-jalan dan ameniti dapat dicapai. Lima prinsip penting untuk mengawal perancangan bangunan ialah saiz yang cukup bagi penghuni untuk menjalankan aktiviti keperluan asas, buka depan yang mencukupi supaya ruang dalaman boleh digunakan di samping memastikan pengaliran udara yang cukup, laluan awam untuk keselamatan dan terhindar dari bunyi bising, penyediaan jalan sekunder dan penyediaan langkau api bagi keselamatan penduduk dan harta. Laluan utama ke bangunan harus mencukupi, keperluan rangkaian jalan disediakan bagi kenderaan keluar-masuk ke kawasan perumahan, ruang letak kereta mencukupi, penyediaan kemudahan sosial dan kemasyarakatan bagi keperluan penduduk tidak diabaikan.

Piawaian perancangan ke arah persekitaran yang selamat antaranya ialah:

- i. Saiz buka hadapan yang mencukupi.
- ii. Anjakan garis bangunan (building lines) yang selamat.
- iii. ‘Urban Path’ sebagai akses untuk kanak-kanak, golongan kurang upaya dan para ibu.
- iv. Jarak antara dinding bahagian hadapan, sisi atau belakang bangunan dari garisan sempadan rezab jalan.
- v. Ruang untuk kegunaan aktiviti dalaman yang mencukupi dan selesa.
- vi. Ruang persekitaran luaran untuk rekreasi yang lengkap.
- vii. Semua unit kediaman perlu menyediakan minimum tiga buah bilik tidur.

Konsep Perancangan Dan Pembangunan Persekutaran Yang Selamat

Konsep perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat sangat berkait rapat dengan prinsip-prinsip perancangan guna tanah untuk pembangunan kerana kegunaan tanah adalah satu mekanisme asas untuk pembangunan dan perancangan. Kegunaan tanah sebagai alat memandu 'guiding tool' mengarah usaha-usaha pembangunan kepada kemakmuruan dan kemampaman (prosperity & sustainability). Maka, merancang sesuatu kegunaan tanah merupakan satu proses yang melibatkan interaksi antara aktiviti perancangan yang seimbang bagi menjamin pencapaian ekosistem yang baik.

Dalam memperkata dan membincangkan konsep perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat, adalah tidak salah sekiranya kita merujuk kepada hasil penyelidikan ahli falsafah/cendiakawan Islam yang berkaitan. Ibnu Khaldun, di dalam kitab Al-Muqaddimah, telah menarik perhatian kita kepada ciri-ciri sebenar sebuah bandar selamat atau kini sinonim dengan nama 'Safe City'. Beliau menerangkan secara terperinci dan mengklasifikasikan kepada enam aspek iaitu sebuah bandar selamat mempunyai:

- i. Kitaran udara yang lancar lagi bersih (ciri 'air circulation' dan 'ventilation').
- ii. Sistem pertahanan dan keselamatan ('community surveillance' dan 'neighbourhood watch').
- iii. Sistem saliran, perairan dan perparitan yang sempurna dan menyeluruh.
- iv. Eleman hijau dan rangkaian reruang bagi komunikasi dan interaksi sosial masyarakat.
- v. Sistem pengangkutan darat dan air yang menghubungkan sesama penduduk bandar dan dengan penduduk bandar lain.
- vi. Sistem pengeluaran dan penghasilan makanan sendiri tanpa perlu bergantung kepada hasil luar.

Di peringkat jabatan pula berdasarkan Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat, perancangan dan pembangunan guna tanah ke arah persekitaran yang selamat hendaklah berwawasan dan merangkumi prinsip-prinsip seperti berikut:

- i. Sifat menyeluruh – konsep pembangunan merangkumi aspek moral kerohanian dan kebendaan.
- ii. Fokus dan teras pembangunan ialah manusia – keperluan, sikap dan dorongan perasaan dan aspirasi manusia adalah penting.

- iii. Sifat aktiviti pelbagai dimensi – semua aspek kehidupan manusia dan pembangunan hendaklah lengkap dan seimbang.
- iv. Perubahan kuantitatif dan kualitatif – proses pembangunan yang seimbang.
- v. Penggunaan dan pengagihan sumber dengan saksama – pengagihan keperluan manusia berasaskan hak dan keadilan.

Dalam konteks perancangan, kegunaan tanah kawasan perumahan, perancangan kegunaan tanah untuk bangunan dan infrastruktur sokongan adalah dengan tujuan untuk meningkatkan taraf keselamatan dari segi kesihatan, mental, fizikal dan masyarakat. Penyediaan segala kemudahan tanpa mewujudkan matlamat ini merupakan satu pembaziran kepada sesuatu pembangunan yang dilaksanakan. Langkah-langkah perlu diambil untuk mewujudkan piawaian yang dapat menetapkan 'minimum limits' untuk mengawal dan mengurus (regulate) persekitaran yang sentiasa selamat diduduki.

Konsep Susun Atur Perumahan

Perancangan susun atur yang selamat perlulah berpandukan prinsip-prinsip berdasarkan nilai-nilai murni sejagat. Konsep susun atur perumahan yang selamat perlulah berdasarkan beberapa perkara berikut:

- i. Mengelakkan lalu lintas terus yang banyak.
- ii. Lalu lintas harus mengalir mengikut jalan-jalan utama.
- iii. Jalan-jalan kecil perlu menuju ke jalan-jalan utama pada sudut 45 darjah.
- iv. Menggalakkkan jalan-jalan mati.
- v. Jalan perlu mengikut kontor tapak.
- vi. Tapak perdagangan perlu dirancang apabila diperlukan.
- vii. Menyediakan tapak sekolah dan masjid.
- viii. Memastikan penggunaan tanah yang tidak bercanggahan.
- ix. Memastikan lot perumahan dari segi keselamatan, kesihatan dan keselesaan dan jauh dari jalan-jalan utama.

Konsep Susun Atur Berdasarkan Dasar Doktrin Perancangan Dan Pembangunan Sejagat

Berasaskan kepada Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat (DPPS) maka penyediaan susun atur untuk sesuatu pembangunan akan mencorakkan persekitaran yang dikehendaki.

Susun atur yang sistematis, tersusun dan lengkap akan mewujudkan satu persekitaran yang selamat kepada penghuni-penghuni atau ‘end users’. Bagi susun atur perumahan, prinsip selamat yang diterapkan oleh DPPS adalah satu perancangan yang mesti menghindarkan unsur-unsur yang mendatangkan ancaman, kerosakan dan bahaya kepada suatu kawasan supaya petempatan lebih selamat, sihat, ‘more liveable’, saksama, mampan dan lebih produktif. Kawasan penempatan juga perlu dalam keadaan bersih, indah dan teratur dengan kemudahan asas dan awam yang mencukupi serta sistem lalulintas dan pengangkutan yang selesa, pengwujudan satu rangkaian siar kaki yang selesa yang dapat memaksimumkan konsep berjalan kaki di kawasan bandar dan kawasan hijau/rekreasi.

Konsep umum susun atur yang selamat dari sudut perancangan perlu mengambil kira aspek reka bentuk dalam melakukan pecah sempadan sesuatu lot untuk pembangunan ini dilaksanakan. Seringkali didapati bahawa ‘pedestrian path’ tidak diasingkan daripada rangkaian jalan dan ini membahayakan pengguna kenderaan. Garis panduan Service Protokol Bil. 20/97 telah menangani masalah ini dengan mencadangkan supaya sebahagian daripada rezab jalan yang berukuran 50 kaki perlu menyediakan rizab untuk pejalan kaki dan lanskap. Konsep ini tidak melibatkan pengambilan balik tanah tetapi mengoptimumkan pengguna rizab jalan di samping menjamin keselamatan untuk pengguna semua.

Perancangan Tapak

Y. Bhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Keselamatan tempat kediaman adalah bergantung kepada perancangan tapak sesebuah kawasan perumahan. Perancangan tapak sesebuah kawasan perumahan perlu dititik beratkan, di mana tapak-tapak yang curam perlu dielakkan untuk mengelakkan dari kejadian tanah runtuh. Pemotongan yang berlebihan adalah tidak digalakkan, manakala alam persekitaran fizikal perlulah dipelihara untuk mengekalkan tarikan semula jadi. Pembangunan perumahan hendaklah dielakkan di kawasan yang mempunyai laluan lalu lintas yang tinggi.

Laluan Pejalan Kaki.

Keselamatan untuk pejalan kaki perlu diberi keutamaan dalam perancangan sistem sirkulasi sesebuah kawasan perumahan. Laluan pejalan kaki perlu di sepanjang atau boleh dilihat dari semua arah jalan. Laluan pejalan-pejalan kaki perlulah jelas, selesa dan mempunyai laluan terus ke pusat bandar dan

titik-titik transit. Laluan pejalan kaki dan basikal perlu bersempadan dengan kawasan perumahan, taman-taman awam, plaza dan kegunaan perniagaan. Laluan-laluan melalui lot-lot tempat kenderaan atau melalui bahagian belakang kawasan perumahan perlu dielakkan.

Tanah Lapang

Pengagihan dan perletakan tanah lapang dalam kawasan perumahan perlu dirancang dan disusun atur supaya berada di hadapan satu kelompok rumah supaya penduduk dapat memberi pengawasan terhadap pengguna yang menggunakan kawasan tersebut di samping mengelakkan kelakuan merosakkan harta benda (vandalism) dan pada masa yang sama menggalakkan interaksi sosial di kalangan penduduk.

Langkah-langkah keselamatan penting dititikberatkan dalam mereka bentuk taman-taman permainan kanak-kanak dari segi jalan bersempadan, permukaan yang bersesuaian, reka bentuk dan susunan peralatan permainan. Taman permainan perlu mempunyai jarak nampakan yang jelas dan tidak terhalang oleh sebarang objek supaya senang diperhatikan oleh orang dewasa dan juga senang bergerak dari satu alat permainan ke alat permainan yang lain tanpa halangan. Untuk meningkatkan aspek keselamatan, taman permainan perlu diasingkan dari jalan oleh pagar, tumbuhan renek atau halangan yang lain.

Seterusnya saya ingin menyatakan beberapa contoh dari luar negara yang boleh dijadikan panduan dalam merancang pembangunan yang selamat.

Contoh-contoh Pembangunan Bandar Selamat

Untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020, adalah tidak salah jika kita membandingkan pembangunan bandar kita dengan yang ada di negara-negara barat yang maju berdasarkan 'best practices' yang telah diamalkan. Malah, ianya tidak merujukan sama sekali jika kita mencontohi dan meneladani konsep-konsep pembangunan bandar selamat dan mesra pejalan kaki seperti 'woonerf' di Netherlands (1980an), 'Home Zones' di England (1990an) dan yang seumpamanya di Jerman. 'Home Zones' merupakan kawasan yang dikenal pasti dalam sesuatu pembangunan perumahan iaitu pejalan kaki mempunyai keutamaan di jalan-jalan berbanding dengan pengguna kendaraan bermotor yang lain. Kelajuan yang dibenarkan bagi kendaraan juga tidak melebihi daripada kelajuan pejalan kaki bagi menjamin keselamatan mereka. Contoh-contoh susun atur kawasan kejiranan adalah termasuk 'mews court', 'cul-de-sac' dan 'Radburn layout'. Konsep-konsep ini memberi keutamaan

sepenuhnya kepada pejalan kaki dan meletakkan tanggungjawab ke atas pemandu kenderaan sekiranya berlaku sebarang kerosakan jalan raya di kawasan yang telah diketahui pasti sebagai 'Homes Zones' ini. Secara umumnya, konsep ini telah berjaya mengetengahkan ciri-ciri bandar selamat termasuk:

- i. Susun atur jalan yang menyerupai bentuk pokok dan bukannya rangkaian (tree-like versus network road layouts).
- ii. Penyekatan kelajuan kenderaan bermotor sehingga 30km/jam (20 batu/jam).
- iii. Hierarki jalan yang jelas.
- iv. Penyediaan ruang letak kereta yang minimum.
- v. Penanaman pokok.
- vi. Kepakaran dan kreativiti dalam menyusun susun atur reka bentuk kawasan kejiranian.
- vii. Aplikasi Agenda 21 tempatan terutamanya berkaitan penyertaan awam dalam membuat keputusan (dalam membuat 'Homes Zones') dan kenyataan awam (public notice) berkenaan had laju kenderaan bermotor semasa melalui kawasan kejiranian. Bandar selamat juga adalah salah satu petunjuk pembangunan mampan.
- viii. Meminimumkan kawasan lapang awam (public spaces) tetapi sebaliknya memaksimumkan kawasan lapang kejiranian sepunya (semi-private spaces).
- ix. Kemudahsampaian langsung pejalan kaki ke kawasan rumah (direct access for pedestrians).
- x. Penerapan yang meninggikan jalan daripada aras biasa serta lekapan dan lengkapan jalan raya (street furniture & fixture) untuk menghalang pemandu memandu laju di kawasan kejiranian, di samping mesra pengguna terutamanya kepada golongan kurang upaya dan kanak-kanak. Contohnya dengan menjadikan jalan raya dwifungsi iaitu sebagai akses dan juga kawasan permainan/rekreasi tidak formal.

Mekanisme Perancangan Sedia Ada Ke Arah Pembangunan Yang Selamat

Y. Bhg. Dato'-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Seterusnya saya akan memperkatakan mengenai mekanisme perancangan sedia ada ke arah persekitaran yang selamat. Sistem perancangan bandar dan desa yang sedia ada mempunyai beberapa mekanisme bagi membantu pembangunan ke arah pembangunan yang selamat. Mekanisme asas ditentukan oleh peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Selain itu, terdapat juga mekanisme sokongan yang dirumus bersesuaian dengan keperluan mencapai pembangunan yang selamat.

Rancangan Pemajuan

Pelaksanaan dasar perancangan guna tanah telah diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Akta berkenaan telah dipinda pada 1995 (Akta A933) untuk memberi peruntukan buat pertama kalinya bagi pemeliharaan kualiti alam sekitar yang diperlukan dari aspek perancangan guna tanah. Sebagai langkah pertama ke arah memantapkan lagi peranan perkhidmatan perancangan bandar dan desa dalam mencapai matlamat pembangunan berkualiti dan mampan, Jabatan pada masa kini sedang mengambil inisiatif meminda perkara tertentu di dalam Akta 172. Melalui Akta 172, setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab menyediakan rancangan pemajuan, iaitu Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan, bagi memandu pemajuan dan pembangunan guna tanah di kawasannya. Rancangan pemajuan ini antara lain menyediakan dasar dan strategi mengenai pemeliharaan alam sekitar bagi setiap aktiviti pembangunan dan penggunaan tanah.

Satu lagi peruntukan penting dalam Akta 172 Seksyen 19(1) ialah bagi pengawalan rancangan. Ini bermaksud PBT diberi kuasa untuk mengawal setiap pembangunan yang dicadangkan dalam kawasannya sebagai Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) supaya selaras dengan dasar seperti yang terkandung dalam rancangan pemajuan. Melalui kawalan rancangan, Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan boleh menentukan sesuatu pembangunan itu berlaku dalam bentuk dan lokasi yang mesra alam, selamat malah boleh membantu dalam mencapai peningkatan kualiti alam sekitar. Apabila meluluskan kebenaran merancang, Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan diberi kuasa untuk mengenakan syarat-syarat perancangan yang bertujuan menghasilkan hasil bentuk pembangunan yang dikehendaki. Antara syarat yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan, termasuklah bagi tujuan:

- i. Memastikan pemajuan tanah selaras dengan pelan tatatur yang diluluskan.
- ii. Melarang perbuatan merosakkan tanah, keadaan fizikalnya dari segi topografi semula jadi dan landskapnya.
- iii. Melarang pemusnahan atau pengubahan bentuk semula jadi tanah.
- iv. Melarang penebangan pokok.
- v. Memastikan penanaman atau penanaman semula pokok.
- vi. Memastikan tanah lapang disediakan.

Kawalan ke atas pembangunan ini diperkuuhkan lagi oleh Akta A933 yang telah memperuntukkan kewajipan bagi pemohon mengemukakan asas-asas dan justifikasi pemajuan serta maklumat yang

lengkap untuk memohon Kebenaran Merancang melalui penyediaan ‘Laporan Cadangan Pemajuan (LCP)’ (Seksyen 21A). Kerja-kerja perancangan tidak boleh dilaksanakan oleh seseorang tanpa mendapat kelulusan kebenaran merancang terlebih dahulu.

Garis Panduan dan Piawaian Perancangan

Seksyen 58, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) telah menyediakan peruntukan yang memberi kuasa budi bicara kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyediakan kaedah-kaedah berhubung subjek-subjek yang tertentu ke arah persekitaran yang selamat, di antaranya pengawalan pengagihan tanah, kelas-kelas penggunaan tanah dan bangunan-bangunan serta pengawalan ketumpatan, luas lantai, nisbah plot, kawasan plinth dan penggunaan tanah dan bangunan, pengawalan tinggi, reka bentuk, rupa dan tapak bangunan serta tanah lapang. Garis panduan dan Piawaian Perancangan merupakan alat perancangan (planning tool) yang penting bagi perancangan guna tanah dan pembuat dasar bagi merumus dasar yang selaras dengan objektif perancangan pembangunan. Ini kerana garis panduan perancangan menyeraskan maksud dasar-dasar dalam bentuk yang lebih praktikal untuk perancangan. Setakat ini Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia telah menyiapkan 23 garis panduan dan piawaian perancangan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 (Akta A933). Sebanyak tujuh garis panduan dan piawaian perancangan akan dihasilkan sedikit masa lagi. Semua garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Persekutuan ini hendaklah dipatuhi dalam merancang dan mengawal pembangunan ke arah mencapai matlamat pembangunan dan persekitaran yang selamat.

Penilaian Strategik Alam Sekitar (SEA)

Kajian Penilaian Strategik Alam Sekitar (SEA) merupakan suatu aplikasi penilaian kesan alam sekitar di peringkat dasar, pelan dan program. Penilaian SEA digunakan untuk memastikan alternatif pemajuan yang mempunyai kesan alam sekitar yang minimum diperakurkan untuk pelaksanaan dan dilengkapi dengan langkah-langkah mitigasi. Kajian Penilaian SEA bagi kajian kes Rancangan Tempatan Kawasan Sekitar Paya Indah Wetland Sanctuary Selangor, merupakan projek perintis yang dijalankan dalam proses perancangan guna tanah yang bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. SEA memastikan hal-hal berkaitan alam persekitaran diberi penekanan semasa perancangan pembangunan.
- ii. SEA membolehkan langkah-langkah dirumuskan bagi mengatasi masalah kemerosotan alam persekitaran.
- iii. SEA mampu membuat penilaian terhadap alternatif polisi dan strategi pembangunan.

Indikator Pembangunan Bandar Mampan

Selaras dengan kehendak pelaksanaan Agenda 21, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sedang di peringkat akhir mewujudkan satu set indikator bandar untuk diterima pakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia. Pemantauan proses perancangan sesebuah bandar yang berkesan memerlukan indikator supaya penggubal dasar dapat merangka polisi dan program perbandaran dengan lebih tepat. Indikator pembangunan bandar mampan dapat mengukur pencapaian ekonomi bandar, keadaan penduduk, infrastruktur, alam sekitar dan tahap keselamatan bagi mengenal pasti isu-isu yang terdapat di bandar. Indikator ini akan memberi gambaran sama ada pembangunan sesebuah bandar tersebut telah mencapai pembangunan bandar yang berkualiti atau sebaliknya.

Para hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa faktor keselamatan adalah sangat penting ke arah pencapaian pembangunan yang berkualiti dan seterusnya untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Melalui mekanisme sistem perancangan sedia ada serta pemakaian piawaian perancangan dan konsep-konsep perancangan yang telah diperjelaskan, saya berharap pembangunan bagi sesuatu kawasan bandar dan desa yang terlibat akan lebih teratur dan seimbang ke arah mencapai alam persekitaran fizikal yang merangkumi aspek-aspek keselesaan, keselamatan dan kesihatan penduduk. Justeru, kehidupan yang selamat, sejahtera dan lengkap dalam segenap aspek bagi sesebuah bandar atau desa akan dapat direalisasikan selaras dengan strategi utama negara yang memberi tumpuan terhadap pembangunan manusia dan pada masa yang sama menyediakan kualiti hidup yang lebih baik untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Melalui pendekatan perancangan yang baru dan inovatif, perubahan-perubahan dinamik diharap dapat ditangani dengan lebih komprehensif dan bersepadu.

PLANNING TOWARDS THE SAFE LIVING ENVIRONMENT

Ho Khong Ming

Let me first apologise for presenting my paper in English. Let me apologise altering slightly the title of my paper to its present wording: Planning Towards the Safe living Environment.

I would like to begin by defining two things: one is the living environment, and the other is safety. The one is easy enough. It is provided within brackets in the title given to me. It is to be understood as the residential area. I will further refine it, with your permission, as the residential neighbourhood. As for the definition of safety, everybody, I am sure, believes he is quite clear what safety is. However, one man's concept of safety is likely to differ somewhat from another man's. Let me, therefore, try and find a common denominator, even if it is the lowest common denominator.

Safety, I would like to suggest, is freedom from threats. It is a central ingredient of the quality of life. A society in which its citizens' lives are constantly threatened or who live in fear is called a dystopia. It is a word invented to reflect the opposite of utopia. Planning towards a safe living environment implies striving away from dystopia and towards utopia.

Kertas ini secara ringkas menggariskan falsafah dan tujuan kawalan pembangunan dalam mewujudkan persekitaran yang selamat. Persekitaran yang selamat merupakan satu elemen penting dalam pembangunan mampan, dan ini diterangkan dengan ringkas dalam bahagian dua. Ringkasan mengenai beberapa jenis tempat yang dianggap berbahaya memberi gambaran terhadap perancangan dan reka bentuk yang perlu diberi perhatian terhadap perancangan dan pembangunan kawasan-kawasan ini. Kertas ringkasan ini berakhir dengan beberapa garis panduan am dalam perancangan pembangunan yang mengambil kira pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran dan cadangan mengenai penyelidikan dan pembangunan yang diperlukan.

MATLAMAT UTAMA: PEMBANGUNAN MAMPAN

Sebagai suatu wawasan, pembangunan mampan bertujuan membawa mutu hidup yang lebih baik untuk generasi pada masa kini dan masa akan datang, sambil melindungi dan mungkin memperbaiki mutu alam sekitar serta penggunaan sumber asli. Konsep ini merangkumi prinsip-prinsip ekonomi mampan, alam sekitar mampan dan masyarakat mampan. Persekitaran yang selamat dalam konteks kertas ini berkaitan langsung dengan pembinaan masyarakat mampan yang menjadi teras kepada pengwujudan pembangunan mampan.

Kerajaan Negeri Selangor, dalam iltizam Pembangunan Mampan Selangor yang diisyiharkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 4hb Jun 1999, memandang berat terhadap pembinaan masyarakat mampan, sehingga tiga daripada sebab-sabab iltizam adalah berkaitan dengan

masyarakat mampan. Tiga kenyataan iltizam Pembangunan Mampan Selangor yang berkaitan dengan masyarakat mampan ialah:

- Kenyataan Pertama mengenai Masyarakat Mampan: 'Membina sebuah masyarakat berilmu yang bersatu padu, berketerampilan, berkeyakinan diri, bermoral dan beretika, adil dan saksama, makmur dan menjadi agen perubahan menurut lunas pembangunan mampan'.
- Kenyataan Keenam mengenai Pembandaran Mampan: 'Menjamin pembandaran menyediakan petempatan selesa dan sihat serta kemudahan fizikal yang bersepadu dan berperanan sebagai pusat ilmu dan budaya yang beridentiti.'
- Kenyataan Ketujuh mengenai Infrastruktur Mampan: 'Menyediakan infrastruktur yang tersebar luas dan berterusan berdasarkan penggunaan sumber yang bijaksana, Mengoptimum keselamatan, serta mesra alam sekitar dan berfokus kepada keperluan masyarakat setempat.'

Nota: Perkataan-perkataan yang digelapkan ialah yang berkaitan secara langsung dengan persekitaran selamat yang dimaksudkan dalam kertas ini.

Persekutuan yang selamat sangat penting demi untuk mewujudkan 'masyarakat yang berkeyakinan diri' kerana hanya ahli masyarakat yang tidak takut kepada kewujudan jenayah dan punca-punca jenayah yang mempunyai keyakinan untuk menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi demi peningkatan kualiti kehidupan. Dalam masa yang sama persekitaran yang selamat melambangkan pengwujudan masyarakat yang 'bermoral dan beretika', sama ada kerana sifat semula jadi atau kerana tiada peluang yang wujud untuk aktiviti negatif sosial. Infrastruktur mampan pula 'mengoptimumkan keselamatan' penghuni di kawasan kediarian, pekerja di kawasan industri, pembeli di pusat perniagaan dan seluruh masyarakat yang beriadah atau menjalankan aktiviti kehidupan sehari-hari sama ada secara individu, sekeluarga atau sekumpulan masyarakat.

Persekutuan yang selamat sangat penting dalam pembinaan masyarakat mampan, pembandaran mampan dan infrastruktur mampan melalui prinsip-prinsip berikut

Masyarakat Mampan

i. Prinsip Khalifah

Masyarakat mempunyai pegangan bahawa hubungan manusia dengan alam sekitar berteraskan tanggungjawab untuk memelihara ala fizis dan hayati dari mengalami kemerosotan, dan menghormati nilai warisan tabii dan budaya.

ii. Prinsip Bermoral dan Beretika

Pembangunan sosial untuk semua kelompok masyarakat perlu memberikan perhatian asas mengenai peningkatan moral dan etika yang tinggi selaras dengan pembinaan budaya bangsa.

iii. Prinsip Keharmonian Masyarakat

Sentiasa mengutamakan keharmonian dan toleransi antara kaum, prihatin terhadap golongan warga tua, remaja, kanak-kanak dan masyarakat kurang upaya serta tidak membezakan gender, taraf sosioekonomi dan penduduk antara bandar dan luar bandar.

Perbandaran Mampan

i. Prinsip Kesejahteraan Komuniti

Perancangan guna tanah bandar mengambil kira unsur kemampuan bagi menjamin kesejahteraan komuniti, pengurangan pencemaran dan penyediaan peluang pertumbuhan ekonomi.

ii. Prinsip Prihatin Golongan Khas

Penyediaan kemudahan bandar harus mengambil kira keperluan golongan khas seperti warga tua, komuniti kurang upaya dan kanak-kanak.

iii. Prinsip Perancangan Inovatif

Bentuk bandar dirancang herasaskan Strategi Perancangan Bandar Inovatif bagi menangani isu alam sekitar, ekonomi dan sosial.

Infrastruktur Mampan

i. Prinsip Kehidupan Berkualiti

Pembinaan infrastruktur dilakukan tanpa menjaskan mutu hidup dan kesihatan masyarakat setempat serta mutu alam sekitar.

ii. Prinsip Kesesuaian

Pembinaan infrastruktur memberi penekanan kepada kesesuaian kawasan, sumber asli, mengoptimumkan keselamatan, kesejahteraan masyarakat setempat dan mesra alam sekitar.

iii. Prinsip Keutamaan Komuniti Setempat

Pembangunan infrastruktur untuk pembangunan komuniti setempat bagi meningkatkan aktiviti sosial dan ekonomi yang berasaskan komuniti diberikan perhatian saksama.

PERSEKITARAN YANG SELAMAT

Apakah 'persekitaran yang selamat'? Persekitaran yang selamat ialah persekitaran yang tiada wujud jenayah atau perasaan takutkan jenayah. Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, iaitupolis, pencegahan jenayah ialah satu cara untuk mengurangkan jenayah di sesuatu tempat. Pencegahan jenayah pada asasnya ialah mengurangkan peluang-peluang untuk jenayah atau kelakuan jenayah. Ia melibatkan pembinaan ruang terhalang (defensible space). Apa yang diperlukan ialah reka bentuk persekitaran untuk membina kelakuan masyarakat yang menghalang penjenayah.

Reka bentuk persekitaran membawa kepada pengurangan jenayah melalui psikologi persekitaran (environmental psychology) yang berasaskan andaian bahawa terdapat hubungan antara kelakuan manusia dengan konteks fizikal persekitaran, di mana kelakuan itu wujud. Andaian-andaian tersebut ialah:

- Persekitaran fizikal secara ringan memberi keadaan yang kuat ke atas kelakuannya, dan ianya benar walaupun beliau tidak sedar mengenai persekitarannya.

- Jika 'setting' persekitaran fizikal itu diubah dengan cara yang tidak sesuai dengan ciri-ciri kelakuan yang sedang wujud, maka kewujudan kelakuan tersebut akan berpindah ke lokasi lain.
- Kelakuan yang wujud di mana-mana 'setting' fizikal merupakan fungsi kepada struktur-struktur fizikal, sosial dan pentadbiran atau pengurusan 'setting' tersebut. Kelakuan boleh diubah oleh pertukaran mana-mana elemen 'setting' berkenaan.
- Jika diadakan perubahan kepada mana-mana komponen 'setting' fizikal berkenaan, ianya akan membawa kepada perubahan yang besar terhadap ciri-ciri kelakuan dalam 'setting' pada keseluruhannya.

Penjelasan berdasarkan psikologi persekitaran di atas menunjukkan bahawa perjenayahana ada hubungan yang rapat dengan persekitaran. Dengan ini, pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran adalah sangat bertepatan.

LOKASI-LOKASI YANG DIANGGAP TIDAK SELAMAT

Kajian-kajian yang dijalankan di Amerika dan Eropah mengenal pasti terdapat enam jenis lokasi yang perlu diberi keutamaan bagi meningkatkan keselamatan dalam kawasan bandar iaitu:

i. Lokasi Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengangkutan

Penghuni bandar biasanya berasa terancam di struktur-struktur tempat letak kereta seperti bangunan tempat letak kereta atau ruang terbuka untuk letak kereta, tempat menunggu bas, stesen keretapi ringan awam, laluan menuju atau dari tempat menunggu bas, laluan basikal dan pejalan kaki serta terowong pejalan kaki dan basikal.

ii. Kawasan Perniagaan

Jalan-jalan di pusat bandar yang tiada aktiviti pada waktu malam ditakuti dan dijauhi. Ini membawa kesan yang buruk kepada sesuatu bandar. Jalan-jalan di kawasan-kawasan perniagaan, pusat kejiranan dan 'shopping mall' juga memerlukan perhatian yang utama supaya pengguna berasa selamat. Matlamat perancangan yang berkesan ialah untuk mewujudkan perasaan pemilikan (ownership) atau tarikan bagi jalan-jalan di pusat bandar, terutamanya untuk menambahkan penggunaannya pada

waktu malam. Sebagai contoh, bandaraya Nottingham di England mengarahkan reka bentuk persekitaran yang mengurangkan penjenayahana iaitu melalui:

- Reka bentuk untuk koridor pejalan kaki yang selamat dengan memperbaiki perletakan lampu-lampu serta menggantikan 'underpasses' dengan 'overpasses' atau yang setara dengan jalan.
- Mengambil kira keselamatan penduduk dan harta dalam masa yang sama.
- Memperbanyakkan peluang untuk mengawal secara tidak langsung.
- Penyelenggaraan yang baik supaya tidak timbul keadaan usang yang menggalakkan penjenayahana.
- Melaksanakan pendekatan bersistematis untuk mengelakkkan masalah.
- Perkongsian dengan pihak swasta untuk memperbaiki tempat letak kereta, laluan ke pengangkutan awam dan perkongsian maklumat.
- Penubuhan 'pub watch' di pusat bandar untuk mengawal jenayah yang berkaitan dengan minuman arak.

iii. Kawasan Perindustrian

Kawasan-kawasan ini biasanya sunyi atau hampir tiada penghuni di luar waktu bekerja. Pengangkutan awam hampir tidak wujud dan menambahkan keusangan kawasan ini. Di kawasan-kawasan yang lama, hampir tiada kemudahan atau reka bentuk untuk keselamatan pelawat atau pengguna. Ciri-ciri yang disebut membuatkan kawasan-kawasan perindustrian tidak selamat.

iv. Taman Awam

Kebanyakan taman awam dianggap tidak selamat, bukan sebagai satu kemudahan bandar di peringkat kejiranan atau di peringkat wilayah. Ini berbeza daripada matlamat ideal iaitu taman awam sebagai tempat 'sanctuary' kepada pengluini bandar yang kekurangan kawasan hijau. Taman-taman awam ini sering kurang digunakan pada waktu lewat petang atau malam. Laluan semula jadi (nature

trails) pula memberi masalah kerana penyediaan lampu-lampu di laluan ini akan merosakkan ekosistem yang diperlukan untuk mengekalkan ciri-ciri 'nature trail' berkenaan.

v. Kawasan Kediaman

Keperluan utama dalam bandar ialah keupayaan berasa selamat di rumah atau di persekitaran rumah. Ini memerlukan perhatian terutamanya kepada reka bentuk jalan dan pengurusan persekitaran kediaman.

vi. Kawasan Sekolah/Kolej/Universiti

Kawasan-kawasan ini semakin tidak selamat untuk pengguna, terutama sekali di luar waktu belajar. Kawasan letak kereta yang besar serta tidak digunakan di waktu lewat petang atau di waktu malam, laluan pejalan kaki dan basikal, bilik-bilik perbincangan, bilik rehat dan ruang-ruang kosong di antara bangunan merupakan kawasan-kawasan yang dianggap berbahaya.

PRINSIP-PRINSIP KESELAMATAN PERSEKITARAN

Terdapat tiga prinsip keselamatan persekitaran yang perlu menjadi asas kepada reka bentuk persekitaran bandar iaitu:

Kesedaran terhadap persekitaran, iaitu pengguna memahami reka bentuk atau susun atur sesuatu tempat dengan mudah. Ini termasuk kebolehan untuk melihat dan memahami kepentingan apa yang terdapat di sebalik selekoh atau di depan melalui cahaya lampu yang mencukupi, pemandangan yang jelas dan tiada tempat bahaya atau 'entrapment spots'.

Penglihatan oleh orang lain, iaitu pengguna bangunan atau ruang tidak kesunyian. Ini termasuk kebolehan untuk dilihat melalui pengurangan tempat-tempat sunyi, guna tanah campuran dan penggunaan aktiviti yang menjadi penarik kepada pengguna lain.

Mendapat pertolongan, iaitu bermakna pengguna akan mendapat pertolongan dengan mudah. Ini termasuk dengan penggunaan tanda, telefon dan reka bentuk yang mudah untuk mencari tempat keluar atau mudah untuk orang luar memberi pertolongan.

Berasaskan prinsip-prinsip psikologi persekitaran, beberapa garis panduan kasar dalam mereka bentuk persekitaran yang boleh mencegah jenayah telah digubal di Canada iaitu seperti berikut:

- Berfikir dengan ciri-ciri keselamatan.
- Menyertakan orang-orang yang mempunyai kepentingan yang sama, walaupun berlainan perspektif dalam perancangan dan pengurusan.
- Mengambil satu aktiviti jenayah sebagai permulaan perbincangan, bukan penjenayahahan pada keseluruhan.
- Dapatkan semaksimum mungkin maklumat mengenai aktiviti-aktiviti jenayah yang hendak dihapuskan atau dielakkan.
- Jangan terhad dalam membuat cadangan-cadangan alternatif.
- Ambil pendekatan yang kritikal untuk memilih reka bentuk yang efektif dari sudut kos.
- Ambil kira ciri-ciri penduduk dan masyarakat dalam mencari penyelesaian masalah serta mencadangkan reka bentuk baru.
- Memantau dan mengkaji semula keberkesanan sistem atau pendekatan yang dipilih sebelum dan setelah ia dilaksanakan.

PENUTUP

Sehingga kini belum terdapat sebarang penulisan yang bercetak mengenai pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran, apatah lagi mengenai garis panduan yang berkaitan. Adalah dicadangkan supaya pihak institut pengajian tinggi meningkatkan penyelidikan dalam bidang ini sehingga mengeluarkan satu manual atau garis panduan mengenai ciri-ciri atau pendekatan perancangan susun atur pembangunan atau reka bentuk bangunan yang mengambil kira pencegahan jenayah. Namun demikian, walaupun tanpa garis panduan tersebut jururancang dan pemaju boleh memainkan peranan mereka secara efektif jika semua perancangan dan keputusan yang dibuat mengambil kira jenayah atau perasaan takut kepada jenayah.

PERANCANGAN BANDAR SELAMAT BAGI GOLONGAN ISTIMEWA PERANAN JURURANCANG

Prof. Dr. Noor Sharifah bt. Sutan Saidi
Sri Murugappiria a/p Muthukrishnan
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

PENDAHULUAN

Perancangan bandar mempunyai matlamat murni untuk mewujudkan persekitaran yang selesa, selamat dan unggul bagi semua pengguna. Oleh kerana sistem bandar terletak dalam kawalan jururancang bandar, maka peranan jururancang dalam memastikan alam binaan manusia bersifat responsif kepada semua pengguna adalah penting.

Kelemahan jururancang bandar dalam mengatasi isu 'responsif' alam binaan terhadap 'golongan kurang upaya' atau 'golongan istimewa' telah mendapat perhatian serius di kebanyakan negara maju sejak dahulu lagi (Bedner,J.M,1977). Pelbagai tindakan telah dijalankan dalam usaha mengatasi masalah berkenaan, yang mana pengalaman mereka boleh dijadikan iktibar kepada jururancang di negara ini.

'GOLONGAN ISTIMEWA' DI MALAYSIA

Takrif 'Golongan Kurang Upaya'

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO,1980) mentakrifkan 'golongan kurang upaya' (the handicapped) sebagai seseorang yang terbatas dari segi kebolehan untuk mengawal, mengurus dan bergerak bebas serta menghadapi masalah dalam menjalani keperluan harian (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1998).

Di Malaysia, golongan kurang upaya ditakrifkan sebagai seseorang yang 'tidak mampu atau tidak mempunyai sebahagian atau sepenuhnya keupayaan individu dan kehidupan sosial yang normal

disebabkan oleh kekurangan dari segi fizikal atau mental" (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1977). Jenis-Jenis kekurangan keupayaan ini terbahagi kepada :

- i. Cacat penglihatan.
 - Tidak dapat melihat langsung.
 - Penglihatan yang terhad (kurang daripada 20%)
- ii. Cacat pendengaran.
 - Pekak.
 - Separuh pekak (boleh mendengar dengan bantuan alat pendengaran).
- iii. Cacat akal (wujud kekurangan dalam penyesuaian tingkah laku).
- iv. Cacat anggota (kaki atau bahagian tubuh lain) yang tidak kuat atau tidak bertenaga untuk bergerak atau melakukan sesuatu secara bebas.

Istilah 'Golongan Istimewa'

Oleh kerana istilah 'kurang upaya' memberi makna terdapatnya kekurangan pada diri orang yang berkenaan, penggunaan istilah 'golongan istimewa' dirasakan lebih sesuai. Dalam konteks kertas kerja ini istilah 'golongan kurang upaya' digunakan secara lebih menyeluruh melibatkan bukan hanya golongan yang mempunyai kecacatan, tetapi juga termasuk golongan tua.

Jabatan Kebajikan Masyarakat menganggarkan bahawa lebih kurang 1% penduduk negara ini terdiri daripada golongan istimewa. Terdapat kira-kira 180,000 orang di Malaysia yang dikategorikan dalam golongan 'kurang upaya' tetapi hanya sebahagian sahaja dari jumlah ini yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Deklarasi Mengenai Hak-hak Golongan Istimewa

Tahun Antarabangsa Golongan Istimewa telah diustediharkan pada tahun 1981 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan tema 'Penyertaan Yang Menyeluruh dan Persamaan'. Tujuan utama pengistiharan berkenaan ialah untuk menjamin kehidupan yang selesa dan selamat kepada golongan istimewa (Jabatan Kebajikan Masyarakat, Johor Bahru, 1998).

Bersempena dengan pengistiharan berkenaan, satu deklarasi telah dibentuk yang menjelaskan mengenai hak-hak golongan istimewa. Antara lain, ia menyatakan bahawa golongan istimewa berhak diberi keperluan istimewa dalam semua peringkat perancangan ekonomi dan sosial.

KESEDARAN MENGENAI KEPERLUAN PERSEKITARAN BAGI GOLONGAN ISTIMEWA

Di Negara Maju

Kesedaran mengenai keperluan persekitaran bagi golongan istimewa telah lama wujud di negara-negara maju seperti berikut:

i. Amerika Syarikat

Amerika Syarikat memberi tumpuan kepada golongan kurang upaya selepas Perang Dunia Kedua, terutamanya selepas Perang Vietnam. Kesedaran nasional untuk mewujudkan persekitaran tanpa halangan bagi golongan ini bermula sejak awal tahun 1960an (Blank, 1992).

The American National Standard Institute (ANSI) iaitu sebuah organisasi kebangsaan bukan kerajaan, telah membentuk pelbagai piawaian reka bentuk termasuk satu set piawaian (ANSI A117.1) bagi reka bentuk bangunan untuk golongan istimewa. Piawaian berkenaan mula diguna pakai pada tahun 1961. Ia telah digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan kebanyakan Kerajaan Negeri. Semenjak itu piawaian tersebut telah dikaji semula beberapa kali.

Fungsi Kerajaan Persekutuan dalam mempromosikan persekitaran tanpa halangan bermula pada awal 1960. Pada tahun 1965, satu Suruhanjaya Kebangsaan (National Commission) telah ditubuhkan untuk mengkaji halangan reka bentuk dan pemuliharaan bagi golongan istimewa (Rehabilitation Of The Handicapped). Hasil kajian tersebut menunjukkan tiadanya kesedaran sama ada di sektor kerajaan atau swasta mengenai masalah aksesibiliti bagi golongan kurang upaya.

Selepas itu, Architectural Barriers Act, 1968 telah diluluskan. Ia merupakan undang-undang yang berkaitan dengan penyediaan bangunan kerajaan tanpa halangan atau akses yang baik untuk golongan kurang upaya.

The Rehabilitation Act, 1973 yang merupakan undang-undang berkaitan pembangunan keperluan untuk golongan istimewa kemudiannya diluluskan.

Selain daripada tindakan-tindakan yang tersebut di atas, pihak kerajaan turut mempromosi konsep persekitaran tanpa halangan melalui program-program pendidikan semenjak awal 1960-an, di mana kemudahan bagi golongan istimewa disediakan di sekolah-sekolah biasa.

Pada tahun 1990, **American With Disabilities Act** yang merupakan satu undang-undang baru telah diluluskan. Undang-undang berkenaan memberi fokus kepada reka bentuk bangunan untuk golongan istimewa supaya mereka dapat bergerak dengan bebas di bangunan awam dan persendirian.

ii. Jepun

Di Jepun, pada tahun 1987, terdapat seramai 2.5 juta golongan istimewa (2.1% daripada penduduk) (Kose, Nakahoji,1989). Kesedaran untuk memenuhi keperluan bagi golongan istimewa di negara berkenaan bermula lebih awal iaitu semenjak tahun 1949 dengan perundangan yang pertama, iaitu **Disabled Persons Welfare Act, 1950**. Perundangan ini mewajibkan keperluan golongan istimewa dilaksanakan bagi bangunan kerajaan sahaja, tetapi tidak bagi bangunan persendirian.

Pada tahun 1975 dan 1976, dua garis panduan dikeluarkan bagi keperluan mereka bentuk bangunan kerajaan bagi membolehkan golongan istimewa mendapat akses ke bangunan, tetapi konsep 'Bangunan Tanpa Halangan' ini tidak diikuti sepenuhnya oleh para pereka bentuk dan arkitek.

Namun demikian, penggunaan kecerunan dan lif untuk menyesuaikan perbezaan ruang dan ketinggian untuk golongan istimewa terutamanya bagi pengguna kerusi roda telah lama wujud.

iii. Singapura

Lebih kurang 1.7% penduduk Singapura terdiri daripada golongan istimewa (Bedner,1977). Kajian mengenai persekitaran tanpa halangan telah dijalankan di Singapura lebih awal, tetapi 'Housing Development Board' (HDB) telah menyediakan reka bentuk yang pertama pada tahun 1977 melalui pelan induk 'New Towns' nya.

Jawatankuasa Aksesibiliti dan Pengangkutan Singapura telah menjalankan kajian terhadap kemudahan pengangkutan bagi golongan istimewa (Ministry Of Social Affairs, Singapore,1983). Di antara cadangan yang telah dikemukakan ialah tambang murah, mengadakan sistem baucer, dan mengenakan levi terhadap syarikat pengangkutan yang tidak menyediakan kemudahan untuk golongan istimewa .

Satu laporan jawatan kuasa di Singapura telah menekankan keperluan untuk mengkoordinasi bagi mencapai persekitaran tanpa halangan dan mengadakan piawaian-piawaian luaran antara bangunan awam dan bangunan komersial untuk dilaksanakan.

Tidak seperti di Amerika dan Jepun, masih belum ada perundangan yang khusus dibentuk bagi keperluan golongan istimewa di Singapura.

Di Malaysia

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat merupakan kementerian yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan golongan istimewa. Antara persatuan/NGO yang telah memainkan peranan penting ialah Persatuan Spastik, Persatuan Kecederaan Spinal, Persatuan Kurang Upaya Pulau Pinang, 'Johor Area Rehabilitation Organisation' (JARO), dan Persatuan Kanak-kanak Terencat Akal.

Berbanding dengan beberapa negara maju, peranan jururancang bandar di Malaysia dalam menyediakan persekitaran bagi golongan istimewa didapati berada pada tahap yang sangat rendah. Beberapa tindakan yang dapat dikenalpasti ialah:

- (i) Penguatkuasaan Seksyen 34A Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, (Pindaan) 1991 yang mewajibkan penyediaan kemudahan asas untuk golongan istimewa dalam bangunan.
- (ii) Pengistiharan Pulau Pinang sebagai 'Disabled Friendly City'.
- (iii) Penyediaan kemudahan-kemudahan bagi keperluan golongan istimewa oleh pihak swasta seperti PUTRA dan sistem LRT, PLUS yang menyediakan kemudahan bagi keperluan golongan istimewa di kawasan-kawasan rehat dan beberapa kompleks membeli belah yang menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Sehingga kini tiada kajian menyeluruh mengenai keperluan persekitaran bagi golongan istimewa serta tiada garis panduan dan piawaian perancangan lengkap yang dapat dijadikan panduan oleh jururancang bandar.

PERANCANGAN BANDAR BAGI GOLONGAN ISTIMEWA

Pendekatan Negara Maju

Konsep 'Persekutaran Tanpa Halangan' (Barrier-free Environment) merupakan konsep yang diperkenalkan oleh jururancang bandar di negara maju dalam menyediakan persekitaran yang selesa dan selamat bagi golongan istimewa. Konsep ini menekankan persepaduan dan penggunaan yang optimum prinsip-prinsip reka bentuk yang menjurus kepada pembinaan dan penciptaan persekitaran yang berfungsi, selamat dan selesa serta responsif kepada keperluan pengguna (Bednar 1977).

Tiga perkara utama yang perlu ada dalam persekitaran tanpa halangan ialah fungsi (functionality), keselamatan (security) dan keselesaan (comfort) pada ruang yang disediakan.

Fungsi – Persekutaran yang berfungsi perlulah memenuhi keperluan aktiviti bagi memudahkan pengguna untuk menggunakan dan responsif kepada kemampuan pengguna.

Keselamatan – Persekutaran yang diwujudkan perlulah selamat untuk pengguna dalam erti kata ia tidak menyebabkan kecederaan dan kerosakan kepada diri dan peralatan.

Keselesaan – Komponen keselesaan merupakan elemen yang agak sukar untuk ditafsirkan tetapi yang jelas ia melibatkan perasaan. Keselesaan akan wujud apabila persekitaran mencapai keadaan yang diingini iaitu memenuhi keperluan dan tujuan pengguna.

Penerangan di atas jelas menunjukkan bahawa faktor **keselamatan** adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang responsif kepada keperluan golongan istimewa atau dalam erti kata lain mewujudkan 'bandar selamat'.

Masalah Persekutaran Bagi Golongan Istimewa Di Malaysia

Kajian yang dijalankan di Johor Bahru ke atas mereka yang mempunyai kecacatan kaki, tangan dan pendengaran tetapi boleh diatasi dengan penggunaan alat pendengaran (Sri Murugappiria,1999), menunjukkan bahawa 93% dari golongan istimewa berkunjung ke bandar. Terdapat lebih kurang 7% yang tidak pernah ke bandar kerana situasi bandar yang sangat sibuk dan sesak serta rasa tidak selamat jika berkunjung ke bandar.

Antara tempat-tempat yang dikunjungi ialah pusat membeli belah, kedai, pawagam dan stesyen bas. Masalah-masalah utama yang mereka hadapi semasa berkunjung ke bandar ialah:

- (i) Pengangkutan.
- (ii) Ketiadaan kemudahan yang diperlukan.

i. Pengangkutan.

Masalah pengangkutan ke bandar merupakan masalah utama yang dihadapi oleh golongan istimewa. Di samping ketidaan kemudahan pengangkutan yang efisyen, tidak semua kenderaan awam direka bentuk mengikut keperluan golongan istimewa.

ii. Kemudahan.

Kemudahan bandar seperti perhentian bas dan teksi serta laluan pejalan kaki tidak direka bentuk mengikut keperluan golongan istimewa. Ketinggian aras tanah yang berbeza juga sering menyebabkan mereka terjatuh.

Disebabkan oleh kecacatan yang dialami, mereka terpaksa sering berhenti untuk berehat seketika sebelum meneruskan perjalanan. Walau bagaimanapun, di bandaraya Johor Bahru adalah sukar untuk berehat kerana ketiadaan penyediaan tempat duduk.

Kemudahan-kemudahan lain yang turut menjadi masalah kepada golongan istimewa ialah tandas, kiosk, tempat membuang sampah, tempat untuk minum serta ruang masuk dan keluar dari satu bangunan ke bangunan yang lain. Selain daripada itu, kemudahan untuk menyeberang jalan juga didapati tidak selamat.

KE ARAH MEWUJUDKAN PERSEKITARAN BANDAR SELAMAT BAGI GOLONGAN ISTIMEWA.

Rumusan

Berdasarkan penerangan di atas, menunjukkan bahawa berbanding dengan negara maju, kesedaran jururancang bandar dan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia terhadap keperluan persekitaran bagi golongan istimewa adalah rendah. Ini menimbulkan banyak masalah kepada golongan berkenaan untuk bergerak dan menggunakan kemudahan yang terdapat di bandar.

Cadangan

Bagi menyediakan persekitaran yang selesa dan selamat untuk golongan istimewa, beberapa tindakan dicadangkan iaitu:

- i. Pelaksanaan konsep ‘Persekutaran Tanpa Halangan’.
 - ii. Perundangan.
 - iii. Piawaian
 - iv. Garis panduan perancangan
 - v. Kajian/penyelidikan
-
- i. Pelaksanaan konsep ‘Persekutaran Tanpa Halangan’

Setiap kawasan bandar yang dirancang perlulah melaksanakan konsep ‘Persekutaran Tanpa Halangan’. Konsep tersebut dapat dilaksana melalui Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang disediakan. Ini adalah selaras dengan konsep ‘Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat’ yang ditekankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

ii. Piawaian Perancangan

Sehingga kini tiada piawaian perancangan yang lengkap disediakan bagi memenuhi keperluan golongan istimewa. Kebanyakan piawaian yang digunakan sekarang adalah berdasarkan piawaian luar negara yang adakalanya tidak sesuai bagi golongan istimewa di negara ini.

iii. Garis Panduan Perancangan

Garis panduan reka bentuk bagi golongan istimewa di dalam dan di luar bangunan perlulah disediakan bagi membantu para jururancang dan pereka bentuk alam sekitar.

iv. Penyelidikan

Kajian yang terperinci perlu dibuat bagi menghasilkan piawaian dan garis panduan yang tersebut di atas. Justera, kajian-kajian bagi memahami 'persekitaran persendirian', 'persekitaran perhubungan' dan 'persekitaran sosial' golongan istimewa adalah wajar dijalankan (Rajah 1).

v. Perundangan

'Perundangan' merupakan kaedah yang paling berkesan dalam memastikan terlaksananya sesuatu perancangan. Dalam konteks ini, Malaysia memerlukan satu perundangan yang lengkap bagi memastikan keperluan golongan istimewa dipenuhi.

PENUTUP


Penyediaan kemudahan-kemudahan untuk golongan kurang upaya bukankah merupakan suatu pembaziran kerana golongan ini juga mempunyai 'economic value' yang menyumbang kepada ekonomi negara. Menurut Blank (1992) kos bukan halangan penting bagi penyediaan kemudahan untuk golongan ini, kerana bagi menyediakan kemudahan untuk mereka hanya memerlukan 1% tambahan kos dari jumlah kos sesuatu projek.

Sebagai ahli profesional yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan hidup semua penduduk negara, para jururancang haruslah perihatin terhadap keperluan golongan istimewa walaupun mereka hanya golongan minoriti.

*Persekutaran
Persendirian*

*Persekutaran
Perhubungan*

*Persekutaran
Sosial*



Rajah 1 : Skop Kajian Persekutaran Golongan Istimewa

RUJUKAN

American Nasional Standard Institute. (1961) Making Building and Facilities Accessible To And Usable by The Pysically Handicapped , New York.

Advisory Council On The Disabled (1988). Employment, Accessibility and Transportation For Disabled People. Report of The Committee on Employment, Accessibility and Transportation For Disabled People .

Bedner, M.J - (1977). Barrier- Free Environment . Dowden , Hutchinon & Inc.

Blank Thomas O (1983). Building Design for Handicapped and Aged Person. Mc Graw Hill, Inc . New York .

Jabatan Kebajikan Masyarakat(1999). Laporan Tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1998 Use of Building By Physically Disabled People . Ottawa , Ontario,Canada .

Proceedings of The Workshop on Nasional Defination of Disability – Towards A Better Project Of The Disabled People in Singapore. Ministry Of Social Affairs, Singapore.
30 June - 1 Only , 1993 .

Singapore Council of Social Services, Access Singapore : A Guidebook of Accessible Places in Singapore for the Physically Disabled_(1981).

Sri Murugappiria Muthukrishnan (1999). Keperluan Mewujudkan Persekitaran Bandar Yang Lebih Selesa Untuk Golongan Kurang Upaya: Kajian Kes - Bandaraya Johor Bahru. Kajian Projek Sarjana Muda, Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Spare thought for the disabled, city fathers told

PENANG: State authorities have been told to spare a thought for the disabled by ensuring that the kerbs along streets of George Town are disabled-friendly.

Society of Disabled Persons Penang president Tan Kuan Aw said "slight slopes" should be built instead of steps to enable those on wheelchairs to move around easily.

"While work is being carried out to pave many streets in George Town with interlocking tiles, we hope kerbs will be designed with slopes and ramps.

"It will help those in wheelchairs; old people and also mothers with prams," he said, adding that the needs of the minority should not be overlooked.

Tan commended the Botanical Gardens' management for making the park more disabled-friendly when they built slopes instead of steps along kerbs.

However, Tan described many public areas and high-rise buildings as disabled-unfriendly as their basic needs had not been met in these areas.

"It's difficult to move around these public areas and buildings in our wheelchairs as these areas lack disabled-friendly features.

"There are also no public toilets for disabled persons in many of these places," he said.

More than 150 people from the various charitable organisations enjoyed themselves at the party, which was also attended by state executive councillors Dr Toh Kin Woon and Koay Kar Huah. Also present were state assemblymen Lee Hack Teik, Lye Siew Weng and Chong Eng.

KE ARAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN YANG SELAMAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU PANDANGAN

Prof. Madya Dr. Haji Ibrahim bin Ngah
Sdr. Azlizan bin Talib
Sdr. Eusoff Yendo Afgani
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

PENDAHULUAN

Perancangan dan pembangunan sesebuah negara merupakan satu agenda penting bagi setiap kerajaan yang memegang tumpu pemerintahan. Pendekatan dan konsep pembangunan yang dilaksanakan lazimnya berasaskan teori-teori yang tercusus daripada perbahasan ilmiah dan pengalaman-pengalaman yang dilalui dalam proses pembangunan. Umumnya, pada hari ini pendekatan dan konsep pembangunan yang diterima pakai lebih cenderung kepada idea-idea atau ilmu yang diambil daripada tamadun barat yang lebih bersifat materialistik dan sekular. Maka dengan itu, kejayaan pembangunan yang dilakukan seringkali diukur atau sinonim dengan pencapaian dan kemajuan material dan jasmani tanpa mengambil kira kemajuan dan pencapaian dalam bidang kerohanian. Dunia hari ini telah memaparkan kepada kita mengenai kesan-kesan buruk yang lahir daripada pendekatan pembangunan yang diamalkan. Gejala-gejala sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan pelbagai lapisan masyarakat agak berleluasa dipaparkan dalam media masa. Jenayah-jenayah berat seperti pembunuhan yang dulunya hanya dikaitkan dengan 'gangster', kini kerap terjadi di kalangan 'bukan penjenayah' seperti kanak-kanak sekolah, saudara-mara terdekat dengan mangsa dan suami. Pada masa yang sama pula ancaman-ancaman terhadap jiwa secara sengaja atau tidak sengaja termasuk kecelakaan-kecelakaan jalan raya, bencana alam, pertelingkahan kaum dan perperangan kian meningkat. Sebenarnya kita hari ini semakin berada di dalam persekitaran yang tidak selamat! dan kita perlu insafi bahawa semua ini terjadi hasil daripada perbuatan kita sendiri termasuklah yang berkaitan secara langsung dalam bidang perancangan iaitu dalam merancang dan melaksanakan sesuatu peribangunan.


"Telah menjadi nyata kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia, supaya dengan itu Allah menjadikan mereka merasakan sebahagian daripada akibat perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar".

Surah Al- Rum, Ayat 41

Sudah sampai masanya untuk kita memuhasabah diri dengan menilai kembali falsafah dan pendekatan pembangunan yang kita amalkan selama ini, termasuk melihat kesan-kesan perubahan yang telah berlaku terhadap individu, masyarakat, persekitaran serta mencerminkan dan melihat melalui mata hati kita tentang ‘apakah yang menjadi puncanya’. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai perlunya kembali kepada Islam dalam melaksanakan perancangan dan pembangunan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat. Penjelasan akan diberikan terhadap konsep pembangunan dalam Islam, bagaimana pendekatan Islam ini boleh membawa kepada persekitaran yang selamat dan mengemukakan beberapa saranan mengenai peranan jururancang untuk merealisasikan pendekatan Islam dalam perancangan pembangunan yang selamat.

KONSEP PEMBANGUNAN DALAM ISLAM

Kebanyakan penulis yang menulis mengenai pembangunan dalam Islam melihat konsep pembangunan yang berteraskan Islam mencakupi pelbagai dimensi, umumnya melibatkan jasmani dan rohani. Mohamad Syukri Salleh contohnya, mentakrifkan pembangunan dari perspektif Islam sebagai proses yang melibatkan pencapaian serentak penyucian diri individu dalam konteks dalaman dan kemajuan kolektif aspek luaran meliputi sosioekonomi dan organisasi politik. Rangka kerja pembangunan yang dikemukakan oleh beliau mengambil kira dimensi perhubungan manusia sesama manusia, manusia dengan sumber alam, manusia dengan Allah dan manusia dengan komponen dalaman diri sendiri (hati, nafsu, dan akal) serta perkaitan antara kehidupan di dunia dan akhirat (Rajah 1). Pembangunan dalam Islam mestilah berasaskan keesaan Allah (Tauhid) dengan tujuan utamanya untuk mencapai kebahagian di dunia dan akhirat (Al-falah) manakala matlamat akhirnya adalah keredhaan Allah (Mardatillah) (Mohamad Syukri Salleh (1992); Kamal Hassan, (1991).



Rajah 1: Kedudukan Pembangunan Dalam Perjalanan Hidup Manusia
(Mbahamad Syukri Salleh, 1990)

Asas-asas falsafah pembangunan dalam Islam boleh disenaraikan seperti berikut (Kamal Hasan 1991:187):

- Tauhid (Keesaan dan kekuasaan Allah). Asas ini meletakkan peraturan-peraturan tentang hubungan Pencipta dengan manusia dan hubungan antara manusia dengan manusia.
- Rububiyyah (Sifat Allah sebagai pengusa yang membuat peraturan-peraturan bagi menampung dan menjaga serta mengarahkan kehidupan makhluk ke arah kesempurnaannya). Ini merupakan hukum yang asasi dalam alam sejagat yang menunjukkan kepada cara yang ditetapkan oleh Allah bagi menjamin pembangunan sumber-sumber alam secara bermanfaat dan juga hubungan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Dalam konteks peraturan yang ditetapkan oleh Allah, inilah usaha-usaha manusia yang harus dilakukan.
- Khalifah (Peranan manusia sebagai utusan Allah di bumi). Asas ini menentukan status dan peranan manusia; ia menjelaskan tanggungjawab manusia sebagai manusia, sebagai Muslim dan sebagai umat Islam selaku penerima peranan khalifah Allah di bumi. Dari sini, terbitnya konsep Islam tentang manusia sebagai pemegang amanah Allah dalam bidang akhlak, politik, ekonomi dan juga prinsip-prinsip pengaturan masyarakat.

- iv. **Tazkiyah** (Penyucian dan pertumbuhan yang sewajarnya). Misi semua nabi-nabi Allah ialah antara lain menyucikan manusia dalam semua hubungannya dengan Allah, manusia, alam sekitar, masyarakat dan negara.

Antara ciri-ciri pembangunan dalam Islam yang boleh diterjemahkan daripada prinsip-prinsip dasar di atas ialah:

- a. Konsep pembangunan Islam mempunyai sifat yang menyeluruh dan 'multidimensional', merangkumi aspek-aspek seperti moral, kerohanian dan material.
- b. Fokus usaha pembangunan dan terasnya ialah pembangunan manusia.
- c. Pembangunan yang melibatkan perubahan kuantitatif dan kualitatif.
- d. Menekankan prinsip-prinsip hidup yang dinamis seperti penggunaan secara optimum segala sumber alam yang telah dikurniakan oleh Tuhan, pengagihan yang saksama dan meningkatkan perhubungan manusia berdasarkan hak dan keadilan. Islam menggalakkan sifat bersyukur dan adil serta mengeji sifat kufur dan zalim.

Proses pembangunan dalam Islam digerak dan digiatkan dengan menerap nilai syukur dan keadilan yang mana iaanya akan rosak dan punah apabila kekufturan dan kezaliman berlaku di dalamnya.

KE ARAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN YANG SELAMAT

i. Situasi Tidak Selamat

Situasi yang tidak selamat ini perlulah dilihat dalam konteks yang luas merangkumi keselamatan dari segi rohani dan jasmani serta dunia dan akhirat. Situasi yang tidak selamat wujud daripada ancaman-ancaman terhadap adab-adab perhubungan yang dikehendaki antara manusia dan pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam.

Dalam konteks hubungan manusia dengan Pencipta, manusia perlu bertindak sebagai hambaNya untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah (Wakil Tuhan) untuk memakmurkan bumi ini. Sebagai hamba, manusia perlu melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang telah digariskan oleh PenciptaNya mengikut kitab suci yang diturunkan dan sunnah RasulNya. Asas perhubungan antara manusia dan pencipta ialah keikhlasan dalam melaksanakan tanggungjawab, iaitu semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. Mereka hendaklah sentiasa mengingati Penciptanya dengan

mengagungkanNya, berharap dan sentiasa memohon pertolongan serta limpah kurniaNya, bersyukur terhadap segala nikmat yang dikurniakan dan bersabar menghadapi ujian dalam bentuk kesukaran-kesukaran hidup di samping sentiasa memohon keampunanNya serta bertaubat. Situasi tidak selamat akan wujud sekiranya manusia cuai melaksanakan tuntutan daripada PenciptaNya, ingkar terhadap perintah Allah, tidak bersyukur ke atas nikmat, tidak sabar menempuh dugaan hidup dan dinodai dengan dosa.

Untuk memperolehi keselamatan semasa melaksanakan tanggungjawab yang melibatkan interaksi manusia sesama manusia dan alam sekitarnya, manusia juga perlu merujuk peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Pencipta. Setiap peraturan yang ditentukan oleh Allah mempunyai pelbagai hikmah, di mana faedahnya akan kembali kepada manusia juga. Perlanggaran terhadap peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Allah inilah yang akan mewujudkan situasi yang tidak selamat sama ada dalam kehidupan secara individu, keluarga atau masyarakat. Kewujudan gejala jenayah dan pelanggaran hukum-hukum mengenai hak asasi manusia seperti pembunuhan, pencabulan kehormatan dan kecederaan fizikal merupakan manifestasi daripada keangkuhan manusia yang tidak mahu tunduk kepada peraturan-peraturan hidup yang ditentukan oleh Allah s.w.t, termasuk aspek pergaulan sosial, adab-adab hubungan antara ahli keluarga, jiran dan sebagainya.

Dalam kontek perancangan dan pembangunan fizikal, perletakan dan reka bentuk elemen tertentu seperti perumahan, sekolah, jalan raya, perkedaian dan sebagainya haruslah dibuat dengan dengan penuh keikhlasan dan kebijaksanaan dengan memerhatikan keperluan keselamatan. Contohnya, perletakan sesebuah sekolah perlu mengelakkan kanak-kanak sekolah daripada berjalan jauh dan melintasi jalan-jalan utama. Laluau pejalan kaki dan berbasikal pula perlu disediakan di kawasan perumahan bagi mengelakkan konflik dengan kendaraan bermotor. Apa yang menyediakan ialah, kebanyakannya kawasan perumahan di negara ini tidak terdapat situasi yang lebih selamat, yang sepatutnya boleh diwujudkan melalui kaedah perletakan dan reka bentuk elemen-elemen fizikal.

Umumnya situasi yang tidak selamat dalam persekitaran kita lahir daripada beberapa punca iaitu:

- a. Perlakuan individu dalam masyarakat yang wujud dari jiwa yang tidak bersih dan tenang, tidak dipandu oleh peraturan-peraturan hidup yang selamat serta melanggar adab-adab hubungan antara manusia dan pencipta, hubungan baik antara manusia dengan manusia serta hubungan manusia dengan makhluk lain.

- b. Persekutaran fizikal yang diwujudkan oleh manusia yang tidak mempertimbangkan keperluan keselamatan/menjaga adab-adab perhubungan di atas.
- c. Balasan-balasan/musibah yang ditimpa oleh Allah dalam bentuk bencana alam bagi mengingatkan manusia supaya kembali kepada petunjuknya.

ii. Kembali Kepada Jalan Yang Selamat

Kertas kerja ini telah memberi hujah bahawa punca utama kewujudan situasi yang tidak selamat dalam persekitaran adalah berkaitan dengan keingkaran manusia untuk menerima dan mengikuti petunjuk-petunjuk Tuhan mengenai cara-cara atau adab-adab perhubungan manusia dengan TuhanNya dan manusia sesama makhluk. Untuk mengembalikan situasi yang selamat, adab-adab perhubungan itu perlu difahami dan dihayati serta dilaksanakan secara menyeluruh. Antara adab-adab yang perlu diberikan perhatian ialah seperti berikut (rujuk Abu Bakr Jabir Al-Jazari untuk perincian):

iii. Adab Terhadap Tuhan

- Mensyukuri semua rahmat dan kurniaan Allah kepada manusia dengan memuji Allah sama ada melalui kata-kata atau amal perbuatan serta memanfaatkan segala yang dianugerahkanNya untuk ibadah.
- Hati sentiasa takut kepada Allah, menghormati serta mengagungkanNya. Berasa malu untuk berbuat maksiat kepadaNya sama ada dengan menyalahi segala perintahNya atau melanggar laranganNya.
- Mendekatkan diri kepada Allah, menyerah diri dan bertawakkal kepadaNya
- Mengharapkan agar kasih sayang Allah sentiasa bertambah, sentiasa merendah diri sambil berdoa dan mencari jalan kepadaNya dengan ucapan yang baik dan amal soleh.
- Bertakwa dan berprasangka baik kepada Allah dan sentiasa bertaubat apabila terlanjur melakukan maksiat.

iv. Adab Terhadap Rasulullah

- Taat kepada Rasulullah s.a.w serta mengikut jejak langkahnya dalam segala urusan dunia dan agama
- Menjadikan beliau orang yang paling kita cintai, hormati dan kita angungkan daripada seluruh makhluk Allah
- Kita mengikut orang yang diangkat menjadi wali oleh Rasulullah s.a.w dan menganggap musuh orang yang memusuhiya
- Mengagung dan menghormati Rasulullah s.a.w apabila disebut namanya dengan membaca dan salam ke atasnya, mengakui kebenarannya dan menghargai sifat-sifat dan keutamaannya.
- Membenarkan segala yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w sama ada dalam perkara agama, dunia ataupun perkara-perkara ghaib dalam kehidupan dunia dan akhirat.
- Menghidup dan menyebarkan sunnah Rasulullah s.a.w serta ajarannya, menyampaikan seruananya dan melaksanakan wasiatnya.
- Merendahkan suara di kuburnya dan dalam masjidnya bagi orang yang mendapat kehormatan daripada Allah untuk menziarahi ke masjid dan kubur Rasulullah s.a.w
- Mencintai para salihin dan para pengikutnya, kerana mereka mencintai Rasulullah s.a.w dan membenci serta memusuhi golongan fasik kerana mereka membenci Rasulullah s.a.w

v. Adab Terhadap Diri Sendiri

Pada asasnya menjaga diri supaya selalu berbuat kebajikan dan ibadat serta menjauhkan diri dari berbuat kejahatan dan kerosakan, bersungguh-sungguh untuk memperbaiki dan mendidik jiwanya agar suci dan bersih dengan langkah-langkah seperti bertaubat, Muraqabah (Pengawasan), Muhasabah (Cermyn diri) dan mujahadah (Berjuang melawan hawa nafsu).

vi. Adab Terhadap Makhluk

Berbuat Baik Kepada Orang Tua (Ibubapa)

- Taat kepada perintah dan menjauhi larangan kedua orang tua dalam hal-hal yang bukan maksiat kepada Allah.
- Menghormati, merendah diri, memuliakan dan menjaga martabatnya dengan kata-kata dan perbuatan, tidak membentak, tidak boleh mereka diganggu oleh isteri dan anak serta tidak boleh berpergian tanpa izin dan sebagainya.
- Hendaklah berbuat baik kepada orang tua dengan pelbagai kebaikan seperti memberi makan, pakaian dan ubat serta menghindarkan mereka daripada bahaya dan ancaman.
- Bersilaturahim dengan mereka yang telah terjalin hubungan silaturahim dengan kedua orang tua, mendoa, memohon ampun bagi keduanya dan melaksanakan janji-jinya serta menghormati sahabatnya.

Adab Terhadap Anak

Memilih ibu yang baik, memberi nama yang baik, menghantarkan, mengasihi dan menyayanginya, memberi nafkah, mendidiknya dengan pendidikan yang baik, mencerdaskan dan mendidik akhlaknya serta mengajarinya dengan pelbagai ilmu keislaman. Apabila telah dewasa hendaklah mencari jodohnya, lalu disuruh memilih sama ada ingin hidup bersama orang tua atau hidup sendiri.

Adab Terhadap Saudara Kandung/Kerabat

Adab adik terhadap kakak adalah seperti adab kepada orang tuanya sama ada mengenai hak, kewajipan dan sopan santun. Di samping itu, hendaklah berbuat baik kepada kaum kerabat.

Adab Suami Isteri

Termasuk amanah, cinta dan kasih sayang, saling mempercayai, lemah lembut dalam bergaul, bermuka manis, tutur kata yang baik dan hormat serta menjaga hak-hak suami dan hak-hak isteri.

Adab Terhadap Tetangga

Tidak menyakitinya, berbuat baik dengan cara menolongnya bila perlu, memberi bantuan bila diminta, menziarahinya ketika sakit, ucapan selamat/salam, lemah lembut, memberi nasihat, memelihara kehormatannya, memaafkan kesalahannya, menutup aibnya, tidak mengotori halamannya atau gangguan lain, menghormati dan menghargai serta memuliakannya.

Adab Terhadap Orang Yang Telah Meninggal Dunia

Perkara ini mula diabaikan sejak kebelakangan ini, di mana tidak ramai mereka yang menziarahi orang yang telah meninggal dunia, mengiringi jenayah ke kubur, membaca ayat Al-Quran dan berdoa untuk si mati. Masyarakat seolah-olah telah tidak memikirkan hidup sesudah mati di akhirat nanti. Hubungan antara mereka yang hidup dan mati tidak sepatutnya terputus, terutamanya pertalian antara si mati dengan warisnya. Kebajikan untuk si mati sebenarnya boleh diteruskan oleh warisnya (termasuk bukan waris) melalui doa, melaksanakan amal kebajikan untuk si mati dan menghadiahkan pahala seperti hadiah pahala daripada bacaan Al-Quran atau zikir. Dari segi fizikal, pengabaian terhadap mereka yang telah meninggal dunia dapat dilihat dengan memerhatikan tanah perkuburan yang tidak dijaga dengan baik dan kurang perhatian diberikan untuk tanah perkuburan dalam projek-projek pembangunan yang dilaksanakan. Tanah perkuburan dipandang remeh dan perletakannya jauh dari kediaman yang secara tidak langsung menyukarkan penduduk untuk menziarahinya.


Terdapat banyak lagi adab-adab yang telah digariskan oleh Islam semasa berinteraksi sesama makhluk sama ada sesama Islam maupun bukan Islam dan juga haiwan serta sumber-sumber alam lain. Adab-adab tersebut sekiranya dihayati dan diamalkan InsyaAllah akan membawa kepada persekitaran yang selamat. Apa yang berlaku sekarang, adab-adab pergaulan yang asas ini telah diabaikan kerana terlalu mementingkan diri sendiri dan tidak mengamalkan akhlak-akhlak Islam yang luhur.

vii. Peranan Jururancang

Sebagai jururancang, kita seharusnya sedar bahawa kita memegang tanggungjawab yang besar bagi menghasilkan satu persekitaran yang selamat, selesa dan diunggini. Seharusnya ajaran Islam yang tulen ditanamkan di dalam diri setiap jururancang. Ibu kerana, dengan berpandukan kepada ajaran Islam, iaanya akan menghasilkan diri seseorang individu yang bersih jiwarinya, tidak mementingkan diri

sendiri, beramanah, jujur, memperjuangkan keadilan, kebenaran dan seumpamanya semasa melaksanakan tugas. Perkara-perkara berikut disarankan untuk para jururancang:

- Meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap Islam dalam kehidupan termasuk dalam melaksanakan tugas sebagai jururancang. Pendekatan dalam proses perancangan yang mempertimbangkan Al-Quran dan Sunnah dicadangkan dalam Rajah 2.



Rajah 2 : Carta Pendekatan Penyediaan Pelan Perancangan
Menurut Perspektif Islam

- Berusaha untuk menyediakan persekitaran fizikal yang dapat membantu merealisasikan perhubungan baik antara manusia dengan Pencipta, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk lain. Ini termasuk dalam penyediaan kemudahan-kemudahan sosial, reka bentuk dan perletakan elemen-elemen fizikal lain yang mempertimbangkan ciri-ciri keselamatan.
- Memberi fokus kepada penyelidikan mengenai implikasi fizikal terhadap keperluan perhubungan di atas.

- d. Mengimarahkan semula tanah perkuburan dengan memberikan perhatian yang 'istimewa' dalam perancangan dan pembangunan sebagai simbol penghayatan dan kesedaran masyarakat terhadap kehidupan di akhirat yang semuanya bakal tempuh.

RUJUKAN

Abu Bakr Jaber Ben Al-Jaza'iri (1994), *The Methodology Of The Muslim*, Dar El Fikir.

Abu Bakr Jabir Al-Jazairi (1987), *Pedoman Hidup Muslim*, Litera AntarNusa.

Dr. Hussin Salamon (1999), *Pembangunan Dari Perspektif Islam*, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, UTM Johor.

H.E. Sheikh Mohammed al-Salih al-Othaimin (1996), *Essential Right : That The Pure, Innate Nature Calls For But Islam Requires From Muslims*, International Islamic Publishing House, Arab Saudi.

JPBDS (1997), *Garis Panduan Perancangan Dan Pembangunan Sejagat*, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.


Muhammad Kamal Hassan (1991), *Islam Asas Pembangunan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Muhammad Syukri Salleh (1990), *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Prof. Dato' Dr. Haron Din (ed) (1999), *Manusia Dan Islam*, Shah Alam.

Shafie Hj Mohd. Salleh & Mohd. Affandi Hassani (1991), *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar Dan Amalan Dalam Islam*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN I



Rajah 3: Perancangan Bandar Dan Wilayah Dari Perspektif Islam

TOWARDS THE PLANNING AND DEVELOPMENT OF A SAFE ENVIRONMENT: CURRENT PRACTICE

Yg. Bhg. Puan Khairiah binti Haji Mohd. Talha
President,
Malaysian Institute of Planners

INTRODUCTION

The theme of this seminar makes one ponder. Have we not been planning for a safe environment in all developments all this while? Has the issue on safety of our living environment been somehow subconsciously submerged or even neglected, in the frenetic pursuit of development? Have we gone wrong somewhere, such that there is now a need to re-examine our approach to planning and development? These are the inherent questions that immediately dawned upon me when invited to present a paper at this seminar. After looking at the array of papers that have been presented and will be discussed, I do believe that we are still looking for answers and looking for the right formula for the planning and development of a safe living environment.

It is my intention here to draw upon the experiences of the past and the present, that have factored in the question of safety for the people. I intend to point out some weaknesses in current practices and offer suggestions. I do not intend to provide solutions.

SAFETY IN THE DEVELOPMENT OF SETTLEMENTS

Before looking at present day elements of safety in our built environment, let us recapitulate on the practices of the development of settlements of our forefathers. The earliest permanent settlements of mankind arose around 8,000 B.C. Remnants of cities of the past indicated that safety for its inhabitants was uppermost in the minds of the city fathers. The Greeks and Romans who excelled in city planning, built walls to protect their inhabitants. Cities were located in strategic positions to ward off enemies or to protect the citizens from harsh elements such as floods, volcanic eruptions, and earthquakes. The Incas of Peru, for example, built cities in tandem with the power of the universe, to seek protection from their Gods for the safety and prosperity of their people. The

earliest cities in China had walls around them, a physical barrier that prevents intruders, thereby protecting the safety of its citizens. Urban life was insular in medieval Europe, where cities centered around agriculture and defense. Walls and moats were built around settlements of all shapes and sizes.

With the advent of the industrial revolution in the 1700's, cities attracted unprecedented numbers of people. Therein, the physical form of the city that reflected the protection and safety of its inhabitants seemed lost in the quagmire of the need for new housing and services. The once physical barriers like forts and moats were inhibiting expansion of the city. The industrial cities expanded beyond the walls. Protection and safety of its citizens was not uppermost in the minds of city fathers. The issue on safety became imbued into building codes and urban planning standards. The megalopolis that has resulted today and continues into the future, is the last step in our long walk toward complex urban settlements that began with hunter-gatherers 12,000 years ago. Unlike the simple physical statements of safety of long ago cities, safety in today's cities is even more complex.

Wherein then, lie the subject of safety in the planning and development of our cities today? The development of settlements knows no boundaries nowadays. Anywhere and everywhere is possible. New technologies in engineering, and innovations in architecture make it possible for every piece of land, however treacherous, to be built upon. Do we have policies relating to safety inherent in our development objectives and vision?

ELEMENTS OF SAFETY IN NATIONAL DEVELOPMENT POLICY OBJECTIVES

Vision 2020 outlines the hopes and aspirations in the development of the nation. Yet, in all of its nine challenges there is no direct mention about safety of the community. The element of safety may be inherent in the nine challenges only indirectly, or else to be understood as a by-product of the nine challenges.

Similarly, in the five-year Malaysia Plans, which outlines the development policies, objectives and action plans for the country, no distinct goals are mentioned regarding the safety for the people in the process of development. The subject of safety is silent, mostly assumed to be inherent within development objectives such as sustainable development, quality of life, addressing social problems and moral and ethical values. Safety is something to be achieved only if these development

objectives are addressed and achieved. Safety and protection of the nation's citizens is transcribed on a national level in the monetary expenditure on military and defense needs.

LAWS, BYE-LAWS, GUIDELINES AND CODES

All the laws of the land, including bye-laws, guidelines, building and engineering codes, are supposedly undertaking the safety factor in all of our developments. Those pertaining to planning and development would have been elaborated in the first keynote address, and subsequent papers, so the details will not be dwelt upon. Some of the more significant ones that pertain to planning and development and has implications on the safety of citizens are:

- Structure Plans;
- Local Plans
- Planning Guidelines;
- Planning Standards;
- Environmental Impact Assessment;

This paper will next attempt to relate the efforts made by government, principally through planning legislation and guidelines, in ensuring a safe environment, and the practices currently in place that do not meet up with government aspirations. It is hoped that some loopholes will be revealed and measures undertaken to address them.

PLANNING LEGISLATION VERSUS CURRENT PRACTICES

This section will highlight some of the provisions of legislation and guidelines that are tools for planning towards a safer living environment, and the transcription of these into current development practices, with references made on the safety issue.

i. Structure Plans

Enacted under the Town and Country Planning Act 1976 (Act 172), it is a tool for the proper planning and development of a local planning authority through appropriate strategies and policies that are multi-sectoral. Most of the local authorities in Peninsular Malaysia would have their own

structure plans in place. However, there are some issues with structure plans as it is now practiced that have implications on the subject of safety.

a. Goals and Objectives

Most structure plans already gazette or being reviewed, do not mention the issue of safety in any of its development objectives. Even the objective of preparing a structure plan for an area does not highlight the issue of safety for the community in that area. Objectives for the preparation of Structure Plans relate more with the ability for the local planning authority to guide and regulate development. Many structure plan goals in the country relate to achieving a development standard for the area that will provide adequate housing, employment and recreation for the people to live, work and play. Maybe safety is inherent in the plans, but so far, it is not a **conscious** goal to be achieved by planners and decision-makers.

b. Structure Plans and Adjoining Areas

Structure plans are prepared for a local authority area, and there is provision in Act 172, for a local planning authority (LPA) to consult an adjoining authority. In the current practice, adjoining local planning representatives are invited as members of various committees. This is construed to be 'consultation'. However, from issues, to analysis, to the recommended strategies and policies, most structure plans aim to compete for the best development strategy within its own boundaries. Thus one structure plan may not be contiguous with an adjoining structure plan. In a large metropolitan area such as the Klang Valley Region, for example, where there are about 9 local authorities adjoining one another, what happens in one authority will affect another.

The recent floods in Shah Alam, areas around Kuala Lumpur and Klang, are partly attributed to rapid development in the upper reaches of the Klang River. This part of the river falls within the Selayang Municipal authority. So, whatever development projects approved in that municipality, such as the development of a water catchment area, or the clearing of hills, which may nevertheless be in line with the structure plan for the area, has tremendous effects on the population living in the valleys and plains of the river. These happen to fall within the municipalities of Shah Alam, Klang and City of Kuala Lumpur. The pursuit of greater development in one municipality threatens the safety and tranquility of lives in an adjoining municipality.

ii. Local Plans

There are very few gazette local plans in the country at the moment, and their effectiveness as a tool for regulating development within local planning authority areas have yet to be tested. Even so, the current practice in the preparation of local plans indicates that safety is not a conscious goal, but an inferred product of a well planned and regulated development.

For example, the local plan for Bukit Bendera or Penang Hill, Penang, was with the main objective of regulating development by limiting the scale in terms of densities and plot ratios. These are due to environmental concerns that the development of the hill, as had been earlier proposed by a developer, would be a threat not just to the hill but to the rest of George Town itself. This inferred threat from too much development would constitute a safety issue, if one wants to interpret it that way. Again safety for the people of Penang Island was not a conscious and succinct goal in the plan.

iii. Planning Standards

The basic criteria and parameter in evolving planning standards, amongst others, is safety and comfort for people in the community. There are then planning standards for open space, playgrounds, roads, car parking, community halls, schools, etc. These standards must be complied with in any layout plan for a residential area. Only the approving authority can grant waivers on any of the provision of community facilities, in terms of size, or actual numbers.

Current practices illustrate that developers have managed to reduce the sizes and/or numbers of facilities. Community facilities mean less land area that can be built with housing units. Land for community facilities are surrendered free of charge to the local authority. For developers who have purchased the land, these are extra costs incurred, and a trimming of the expected profits. Many a time developers have asked for a reduction in the number or sizes of facilities. When unable to do so, costs are passed on to the purchaser of the housing units.

a. Criteria for Location

One area that planning standards fail to determine is the criteria for the location of such facilities. Most often, developers tend to squeeze a facility such as a playground on any incidental spaces available. This may be located near a major road, beside a large monsoon drain, etc. The criteria for

the location of schools are not determined in the standards. Hence, schools can be found along a major highway, which a threat to the safety of the school children.

When a developer lacks the space for some of the provisions imposed, he will think of alternative measures that will meet up with the requirements, but will not cost extra land. A prime example would be pedestrian footpaths. The local authority insists on its provision, but the developer lacks the space. So, ingenuity comes in the form of building a pedestrian footpath over roadside drain reserves. This not will be hazardous to users, but will incur greater maintenance to the local authority.

b. Criteria for Approval

The authority that approves a layout plan would normally check on the adequacy of the provision of facilities, the circulation system, density and plot ratio allowable. Rarely would the officer look into the criteria for safety of the community. This is due to the lack of location criteria for such facilities.

iv. Planning Guidelines

The Federal Department has produced many guidelines that include Guidelines for the development of Hilly areas, Guidelines for the development of Islands, Guidelines for the development of Roof-top Gardens, etc. The guidelines are presumed to be produced for the proper planning so that recurring problems such as landslides and pollution are avoided, and safety of residents are ensured. These guidelines have been tabled before all the State Planning Committees and accepted for use in all developments.

However, current practices indicate that there are still recurring problems. Landslides continue to occur especially near residential areas. Hill slopes are allowed to be developed with very high density residential developments. People that have bought units and people who are living at lower grounds have the constant fear of landslides.

v. Environmental Impact Assessment

The current practice of preparing an EIA report for a particular project is insufficient to ensure the overall safety and protection of a wider area, In hilly terrain for example, a macro EIA should be

imposed on the development. Similarly, if a development is proposed in a flood prone area, then a macro EIA should be carried out.

The requirement that projects of 50 ha and above prepares an EIA is a loophole whereby developers will develop only small parcels at a time, whatever the terrain. Furthermore, EIA is also not required for agriculture projects. We have recently read in the news about a huge agriculture project in Selangor, in which 161 hectares of forest on high ground, were cleared to make way for an orchid farm project. The massive clearing caused a landslide, which affected a nearby residential area and a golf course.

OTHER ISSUES ABOUT SAFETY

Safety in settlements also means a peaceful, assured existence free from crime. In many cities of the world, crime rates keep increasing. The causes of crime in cities are many and varied. However, one major factor is urban poverty. There are many books and studies about this overseas, but no in depth study about the impact of urban poverty and the levels of crime with the process of urbanisation in Malaysia.

Once again, it is sad to point out that in the planning for a better urban environment in our cities, planners have left out sociology as a sector. Sociological perceptions of the people we plan for have been neglected. The science of people behaviour, perceptions and needs have been given minimal attention in the planning process. The community's needs are assumed by planners and decision makers. Strategies and policies are then imposed upon them.

SUGGESTED MEASURES

As outlined above, current practices in planning and development have not adequately met up with government aspirations. The following are some suggestions that may ameliorate current practices and increase the safety and comfort of the community:

- i. Make safety a conscious goal in all plans: when the subject of safety is foremost in the minds of all planners and implementers and is a clear objective, it will provide a different dimension all together. It adds to the actual physical consideration on a more human scale. For example,

putting a road or highway through an area with the objective of reducing congestion, divotes the mind away from the personal impact that the road will have upon people. However, adding safety to the objective of building a new road will mean that there will be more care and caution.

ii. Planning standards and guidelines must incorporate elements of urban design and location criteria. For example, it must be stated that a neighborhood children's playground should not be separated from the housing area by a dual carriageway. Planning guidelines for development on high terrain should also include elements of urban design to illustrate how best to use land on high ground in the best interest for the safety of residents.

iii. In areas such as the Klang Valley, and in future, Johor Bahru, there is a need for a regional development plan. There is also a need for an authority that will coordinate development plans and projects, much like the metropolitan authority of Manila. Only then can the planning and development of local authority areas be coordinated, without competition between one and another.

iv. EIA must be made compulsory for agriculture projects, and any sized projects that are located on high terrain. A macro EIA should also be made compulsory for projects in environmentally sensitive areas.

v. Safety is an issue that affects people physically and psychologically. Thus, any planning exercise must not neglect the issue on social factors, especially sociology. This is a sector that should be incorporated in the preparation of structure plans and local plans.

vi. These must be more research and development by sociologists on urban issues. For example, there lacks research on the effects of high rise living; has the policy on reducing slum areas and putting people in high rise buildings have any effect on the psychology of people? We do not know the latest figures on urban poverty and its relation to crime in cities of this country. Knowing these will help planners, architects, urban designers, and decision-makers in building for a better and safe urban environment.

CONCLUSION

An article in the most recent issue of *Newsweek* (Feb.28, 2000, pg. 21), tells about the city of Newham in England, where the local government had installed cameras all over the city to watch over crime. In fact, it is not the only one. Over a million cameras now monitor citizen's movement in many cities of Great Britain. Crime has been reduced by 70 per cent. Cameras not only look out for criminals and criminal activity, but also are able to respond quickly to cases of emergency. The sheer scale of supervision by city fathers in Great Britain through the use of technology and the latest software is the modern day example of city fathers watching over the safety of its citizens.

However, before this country reaches to such a scale of crime and unsafe city for our citizens, let us together work towards finding solutions in our planning and development that manifests the safety factor clearly and objectively. Towards this, I congratulate the organisers of the conference for choosing a very appropriate theme.

SISTEM SOKONGAN KEPUTUSAN PERANCANGAN CONTOH APLIKASI: SISTEM UNJURAN DAN AGIHAN RERUANG PENDUDUK

Prof.Madya Dr. Ahris bin Yaakup
Prof.Madya Amiruddin bin Abu Bakar
Satria G. Amiruddin

PENGENALAN

Wujudnya suatu persekitaran yang selamat dan mampu memberikan kesejahteraan fizikal dan sosioekonomi secara menyeluruh kepada penduduk adalah hasil daripada pelaksanaan suatu rancangan pembangunan yang praktikal dan bermutu tinggi serta terlepas daripada faktor politik dan pentadbiran. Kualiti dan praktikaliti sesuatu rancangan pembangunan itu lazimnya sangat dipengaruhi oleh faktor kualiti data dan teknik analisis yang digunakan serta inovasi jururancang. Oleh itu, wujudlah suatu keperluan untuk **mensinergikan** ketiga faktor di atas iaitu **data, teknik analisis** dan **jururancang** ke dalam satu sistem sehingga suatu rancangan yang bermutu itu lebih cepat dihasilkan.


Berdasarkan perkembangan terkini, diperlukan proses pensinergian di atas (data, teknik analisis dan jururancang) boleh dicapai dengan menggunakan teknologi Sistem Sokongan Keputusan Perancangan (PSS). Pada masa ini pelbagai institusi pendidikan dan penyelidikan antarabangsa yang berkaitan dengan perancangan bandar dan wilayah (UNCRD-Nagoya); Universiti Eindhoven, dll.) sedang giat berusaha untuk mengembangkan teknologi ini.

Berkaitan dengan huraian di atas, maka objektif kertas kerja ini ialah untuk memperkenalkan konsep asas PSS dan memaparkan satu contoh aplikasi penggunaan teknologi PSS dalam bidang perancangan bandar di Malaysia, khususnya untuk sektor kajian penduduk.

KONSEP UMUM SISTEM SOKONGAN KEPUTUSAN PERANCANGAN (PSS)

Oleh kerana teknologi PSS ini masih baru, maka terdapat pelbagai tafsiran mengenainya. Batty (1992), misalnya merumuskan PSS, sebagai suatu sistem yang mampu mensinergikan kemampuan simulasi yang dimiliki oleh model-model perancangan, sokongan data dari sistem maklumat bandar, serta suntikan pengalaman dan pengetahuan daripada jururancang, bagi menghasilkan keputusan-keputusan perancangan yang berkualiti tinggi. Pendapat yang serupa juga dikemukakan oleh Ayeni (1994). Beliau menyatakan tujuan PSS dibangunkan ialah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya proses membuat keputusan dalam perancangan bandar.

Berdasarkan huraian di atas, satu konsep umum PSS boleh dirumuskan seperti yang dikemukakan dalam Rajah 1 di bawah ini.



Rajah 1: Konsep Umum Sistem Sokongan Perancangan

Sumber: Disesuaikan dari Sprague dan Carlson (1982)

Daripada rajah di atas dapat dikenal pasti beberapa teknologi komputer yang terlibat dalam membangunkan PSS, iaitu:

i. Teknologi Pangkalan Data (DBMS)

Aktiviti perancangan bandar lazimnya melibatkan analisis reruang fizikal (spatial) dan sosioekonomi (non-spatial). Teknologi pangkalan data yang sesuai bagi memenuhi keperluan ini ialah teknologi pangkalan data berdasarkan Sistem Maklumat Geografi (GIS).

ii. Model-model Simulasi Perancangan

Perancangan bandar berorientasikan masa hadapan. Oleh itu, ia memerlukan model-model simulasi perancangan, bagi meneroka pelbagai pilihan polisi yang terbuka kepada jururancang bagi mengatasi masalah ataupun mencapai matlamat dengan berkesan. Sesuai dengan sifat perancangan yang berdimensi 'spatial' dan 'non-spatial' maka model-model perancangan yang digunakan juga merangkumi model-model spatial dan model-model 'non-spatial' (matematik & statistik).

iii. Sistem Antaramuka Di Antara Jururancang Dengan PSS


Sistem bandar merupakan satu sistem yang organik. Oleh itu keputusan-keputusan perancangan bandar tidak dapat sepenuhnya bergantung kepada proses 'optimization' melalui penggunaan data dan model-model simulasi sahaja. Pertimbangan dan pengalaman manusia (jururancang) mestilah diambil kira. Oleh itu sistem antaramuka ini diperlukan bagi memberi peluang kepada jururancang mengembangkan ideanya berdasarkan sokongan data dan analisis simulasi dengan menggunakan model-model perancangan. Di samping itu, sistem antaramuka mudah guna juga disediakan bagi tujuan agar jururancang boleh berinteraksi dengan PSS secara langsung tanpa memerlukan bantuan tenaga teknikal lainnya. Dengan demikian, diharapkan jururancang boleh secara berleluasa untuk berinteraksi dan bereksperimen bagi mendapatkan penyelesaian yang lebih baik.

PSS: PERANCANGAN BANDAR

Kajian dan analisis perancangan bandar mengandungi pelbagai sektor kajian yang berbeza. Kerana itu, terlalu sukar dan juga tidak praktikal apabila disediakan satu PSS bagi keseluruhan sektor kajian tersebut. Hal ini disebabkan setiap sektor kajian memerlukan data dan model simulasi yang berbeza. Terdapat sektor yang dalam analisismya lebih memerlukan data 'spatial' (Sektor Guna Tanah) dan ada pula sektor yang lebih memerlukan data sosioekonomi (Sektor Penduduk). Kerana itu model simulasi yang diguna pakai juga akan berbeza iaitu ada yang menggunakan model simulasi 'spatial' dan ada pula yang menggunakan model-model matematik dan statistik.

Oleh itu PSS Perancangan Bandar akan mengandungi pelbagai sub-sistem kajian perancangan seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2 di bawah. Dalam Rajah tersebut, setiap PSS menggunakan sumber data yang sama yang berasaskan dari sistem maklumat perancangan bandar. Perbezaannya hanyalah setiap PSS melihat data tersebut mengikut 'view' yang sesuai dengan keperluan model

analisis bagi sektor tersebut. Dalam konteks ini, jururancang melalui modul dialog berfungsi memandu PSS supaya menghasilkan sesuatu yang diperlukannya.



Rajah 2: PSS Perancangan Bandar

Sumber: Olahan Pengkaji


PSS-PENDUDUK: UNJURAN DAN AGIHAN RERUANGNYA

Berkaitan dengan huraihan di atas, PSS-Penduduk disediakan ialah bagi menyokong jururancang yang terlibat dalam kajian penduduk dan kajian-kajian lainnya yang berkaitan dengan penduduk. Analisis bagi mengenal pasti dan memahami perubahan ciri-ciri dan aspirasi penduduk semasa dan masa depan sangat penting ertiinya dalam perancangan bandar. Berdasarkan kepada kefahaman inilah, sesuatu rancangan fizikal bagi membangun persekitaran yang selamat itu boleh dijalankan dengan berkesan. Ini disebabkan matlamat sesuatu perancangan fizikal ialah untuk menyediakan satu habitat (lingkungan hidup) yang mampu memenuhi keperluan hidup dan aspirasi manusia masa kini serta generasi yang akan datang.

Oleh kerana terbatasnya masa, maka perbincangan kertas kerja ini (PSS-Penduduk) akan dibatasi hanya kepada isu amalan kaedah unjuran penduduk yang digunakan sehingga kini. Setakat ini kaedah yang lazim digunakan dalam mengunjurkan perkembangan penduduk ialah kaedah atau model Garis Tren dan Model Kehidupan Kohot. Kerana itu kedua model ini sewajarnya dimasukkan ke dalam Pangkalan Model PSS-Penduduk. Akan tetapi maklumat yang dihasilkan oleh kedua model di atas sebenarnya tidak mencukupi bagi keperluan perancangan bandar yang juga bersifat 'spatial'.

Ini disebabkan kedua-dua kaedah di atas melihat bandar seolah-olah hanya sebagai satu titik pada peta yang berskala kecil. Kerana itu unjuran yang dihasilkannya merangkumi penduduk bagi keseluruhan bandar sahaja. Walau bagaimanapun, dalam keadaan realiti bandar itu berdimensi 'spatial', ianya mengandungi zon-zon perancangan dan sektor-sektor perancangan yang lebih kecil serta memerlukan polisi yang lebih khusus.

Oleh itu, Pangkalan Model PSS-Penduduk memerlukan wujudnya satu lagi model simulasi bagi mengagihkan hasil unjuran bilangan penduduk Model Kehidupan Kohot ke dalam zon-zon perancangan yang lebih kecil. Dengan demikian penjanahan polisi-polisi perancangan yang terlalu umum dan tidak berkesan mengenai penduduk dan aktiviti yang berkaitan dengannya akan dapat dielakkan. Ini disebabkan oleh faktor pesatnya pertambahan penduduk serta agihan ruangnya yang tidak seimbang merupakan penyumbang terbesar kepada wujudnya persekitaran yang tidak selamat.



Rajah 3: PSS-Penduduk

MEMBINA PSS-PENDUDUK


Seperti yang telah diuraikan di atas, PSS-Penduduk berfungsi memberi sokongan dari segi data dan model analisis yang diperlukan oleh jururancang dalam proses membuat keputusan. Sesuai dengan fungsinya tersebut, struktur PSS dibentuk oleh tiga komponen utama yang saling berkaitan, iaitu pangkalan data, pangkalan model dan dialog antara muka pengguna. Ketiga-tiga komponen ini diintegrasikan ke dalam satu sistem digital mudah guna, sehingga fungsinya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh jururancang.

Setiap komponen PSS direka bentuk supaya dapat berfungsi secara optimum. Misalnya, pangkalan model PSS-Penduduk mestilah mengandungi model-model unjurian dan agihan reruang penduduk yang lazimnya diguna pakai oleh jururancang. Manakala pangkalan datanya mestilah mampu menyediakan data dan maklumat yang sesuai bagi mengoperasikan setiap model yang ada dan bagi memenuhi keperluan pencapaian data secara mendadak (ad-hoc). Demikian pula komponen dialog di antara pengguna dengan sistem mestilah bersifat ramah, sehingga pengguna mendapat bimbingan yang diperlukannya dalam mengoperasikan PSS tersebut.

Teknik Pembangunan Perisian Model Air Terjun atau 'waterfall model' (Sommerville, 1992) diguna pakai bagi menyusun proses utama bagi sistem ini. Ini disambung pula dengan penggunaan teknik prototaip yang menyokong kepada pembangunan sistem secara berperingkat. Misalnya bermula dari proses memilih data untuk mengoperasikan model, penggunaan model yang sesuai sehinggalah sampai kepada mengeluarkan cetakan hasil analisis dan unjurian yang telah dijalankan.

Bahasa pengaturcaraan yang diguna dalam membangunkan sistem ini ialah Delphi dari Inprise Corporation dan perisian Ms-Words'97 bagi mengeluarkan cetakan hasil analisis. Kaedah antaramuka yang digunakan bagi melakukan sesuatu operasi adalah berdasarkan konsep 'point and click' dalam persekitaran Ms-Windows'97.

Skrin dalam Rajah 4, adalah skrin pertama yang akan dilihat oleh pengguna apabila aplikasi ini dijalankan. Pada skrin ini pengguna diminta membuat pilihan model mana yang akan digunakan. Model Aggregat dan Model Komponen untuk membuat unjurian unjurian penduduk, sementara Model Agihan Reruang Penduduk pula digunakan untuk menghasilkan maklumat dan peta agihan penduduk mengikut zon-zon perancangan bandar. Pemilihan dilakukan dengan membawa tetikus kepada Label, dan 'klik' pada label model yang ingin digunakan.




Rajah 4: Skrin Pilihan Model

Pangkalan model PSS-Penduduk direka bentuk bagi menyediakan perisian mudah guna bagi model-model simulasi unjurian dan agihan reruang penduduk yang terdapat dalam pangkalan model PSS. Dengan demikian model-model ini boleh berfungsi sebagai satu 'black-box', di mana dalam operasinya jururancang hanya perlu memasukkan data beserta andaian yang digunakan ke dalam sistem. Dan sistem selanjutnya secara otomatis akan mengeluarkan hasil unjurian yang dikehendakinya. Dengan demikian jururancang tidak lagi memerlukan bantuan kakitangan teknikal bagi mengoperasikan model-model berkenaan.

Sistem pangkalan datanya dibentuk dengan menggunakan fail-fail data yang saling berkaitan dan berformat dbf (.dbf). Fail-fail data ini mengandungi jenis-jenis data yang sesuai dengan keperluan bagi mengoperasikan model-model simulasi unjurian penduduk yang mungkin digunakan oleh jururancang.

Seandainya pengguna memilih untuk menggunakan model komponen iaitu Model Kehidupan Kohoh maka skrin bagi memilih dan memasukkan fail data yang dikehendaki akan dipaparkan.



Rajah 5: Skrin Data Masukan Bagi Model Komponen

Bebutang-bebutang di sebelah kanan ialah bebutang yang ditekan untuk mencari fail data. Bebutang ‘Batal’ akan membatakan penggunaan Model Komponen, sementara bebutang ‘OK’ pula diklik untuk menyatakan bahawa operasi pengisian data telah selesai dijalankan.


| Umur | Lelaki 1995 | Lelaki 2020 | Pempuan 1995 | Pempuan 2020 |
|-------|-------------|-------------|--------------|--------------|
| 5-9 | 5,240 | 21,149 | 4,126 | 20,741 |
| 10-14 | 4,231 | 10,724 | 3,756 | 17,198 |
| 15-19 | 3,631 | 9,614 | 2,971 | 8,666 |
| 20-24 | 3,571 | 14,050 | 3,057 | 14,144 |
| 25-29 | 3,434 | 14,074 | 3,131 | 14,143 |
| 30-34 | 3,171 | 13,442 | 3,032 | 13,710 |
| 35-39 | 2,871 | 12,810 | 2,933 | 13,278 |
| 40-44 | 2,544 | 12,178 | 2,835 | 12,845 |
| 45-49 | 2,200 | 11,546 | 2,737 | 12,412 |
| 50-54 | 1,838 | 10,914 | 2,639 | 11,979 |
| 55-59 | 1,466 | 10,282 | 2,541 | 11,546 |
| 60-64 | 1,084 | 9,649 | 2,443 | 11,113 |
| 65-69 | 792 | 9,017 | 2,345 | 10,680 |
| 70-74 | 590 | 8,385 | 2,247 | 10,247 |
| 75-79 | 428 | 7,753 | 2,149 | 9,814 |
| 80-84 | 276 | 7,121 | 2,051 | 9,381 |
| 85-89 | 144 | 6,489 | 1,953 | 8,948 |
| 90-94 | 72 | 5,857 | 1,855 | 8,515 |
| 95-99 | 36 | 5,225 | 1,757 | 8,082 |
| 100+ | 18 | 4,593 | 1,659 | 7,649 |

Rajah 6: Fail Data Model Komponen

Skrin di atas menunjukkan informasi asas dari fail data. Oleh itu, maklumat unjurian diberi nilai 0. Bebutang ‘Kembali’ akan membawa pengguna kepada Skrin 6.4.1 Pilihan Model. Sedangkan bebutang ‘Cetak’ akan mencetak laporan berdasarkan informasi yang telah dikumpulkan. Bebutang ‘Unjurian’ pula digunakan untuk membuat unjurian. Ia kemudiannya meminta bilangan tahun unjurian setiap 5 tahun yang dikehendaki. Setelah bilangan unjurian yang dikehendaki diketahui maka pengiraan unjurian akan dilakukan dan hasilnya ditunjukkan kepada pengguna.


Bebutang ‘Graf’ pula menunjukkan informasi Piramid Penduduk pada tahun berkenaan. Bebutang ‘OK’ ditekan apabila pengguna telah selesai menggunakan Model Komponen. Jika pengguna telah melakukan unjurian, pengguna akan ditanya sama ada ingin menyimpan hasil unjurian tersebut. Jika ya, hasil unjurian ini akan disimpan untuk digunakan oleh Model Agihan Ruang Penduduk sebagai data jumlah penduduknya bagi keseluruhan bandar.

Skrin di bawah ini adalah contoh graf piramid penduduk, di mana pengguna boleh melihat dan membandingkan perubahan struktur penduduk, tahun asas dan tahun unjurian mengikur jantina dengan mengubah data mana yang hendak dilihatnya. Bebutang ‘Informasi’ pula ialah bagi memaparkan kepada pengguna maklumat tambahan iaitu tiga kategori struktur umur penduduk yang diperlukan dalam menentukan bilangan guna tenaga aktif dan nisbah tanggungan penduduk.




Rajah 7: Graf Piramid Penduduk Model Kohort

Seandainya pengguna memilih menggunakan Model Agihan Reruang Penduduk, maka Rajah 8 akan ditayangkan.



Rajah 8: Skrin Masukan Data Bagi Model Agihan Reruang

Bebutang di sebelah kanan pada baris 'Asas' dan 'Jarak' ialah bebutang yang diklik untuk mencari fail data asas Agihan Reruang Penduduk dan fail data Jarak di antara Zon Perancangan. Apabila aplikasi mengetahui tahun asas data, maka program akan cuba mencari dari simpanannya data jumlah penduduk sama ada yang telah dikira oleh Model Aggregat atau Model Komponen. Pengguna boleh mengubah data nilai parameter jarak b. Bebutang 'OK' bermaksud operasi masukan data telah selesai sementara bebutang 'Batal' membatalkan operasi. Hasil pengiraan agihan Reruang Penduduk pada tahun berkenaan akan dipaparkan dalam bentuk jadual dan peta (Rajah 9).



Rajah 9: Operasi Bagi Model Agihan Ruang

KESIMPULAN

PSS merupakan satu teknologi baru yang dibangunkan bagi meningkatkan prestasi jururancang. Dengan wujudnya PSS, masalah banyaknya masa yang terbuang bagi mendapatkan data dan bantuan tenaga teknikal bagi mengoperasikan model-model simulasi bandar boleh diatasi. Dengan demikian jururancang boleh lebih memfokuskan masanya bagi mengembang dan menguji idea-ideanya untuk meningkatkan kualiti rancangan yang dihasilkan.

Bagi menggalakkan penggunaan PSS, maka budaya kerja berteknologi perlulah diamalkan. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengamalkan penggunaan teknologi maklumat dan telekomunikasi dalam pentadbirannya bagi meningkatkan kemajuan negara.

RUJUKAN

- Ayeri, B. (1997), The design of Spatial Decision Support System In Urban And Regional Planning, dalam seminar: Decision Support Systems In Urban Planning, E & FN SPON, London.
- Batty, M. (1994), Chronicle of Scientific Planning: The Anglo-American Modelling Experience, Journal of the American Planning Association.
- Sommerville, I. (1992) Software Engineering, fourth edition, Wokingham, England, Addison Wesley Publishing Company.

PENGENALAN TERHADAP PELAKSANAAN KONSEP BANDAR SELAMAT DALAM KAWASAN PERUMAHAN DI MALAYSIA

Lam Sew Chee
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, negara kita mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat khususnya dalam sektor perindustrian, perkhidmatan dan teknologi informasi. Kesan pembangunan tersebut telah melanjutkan proses perbandaran terutamanya apabila golongan penduduk luar bandar berpindah ke kawasan bandar dan juga pekerja asing semakin membanjiri bandar. Fungsi bandar pada hari ini menjadi semakin kompleks dan pelbagai. Selaras dengan perkembangan bandar, struktur sosial turut menjadi semakin kompleks, dinamik dan rumit.


Masyarakat tempatan kini mudah terpengaruh dengan corak hidup yang mewah dan kebendaan sehingga membentuk sifat individu yang materialistik dan individualistik. Malah nilai sosial semakin merosot di mana keruntuhan akhlak dan kejadian jenayah sering berlaku. Timbalan pengurus Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Datuk Lee Lam Thye dalam '1999 World Town Planning Day Public Lecture and Exhibition' menyatakan bahawa hampir setiap hari dilaporkan tentang kes jenayah seperti serangan terhadap pejalan kaki di taman rekreasi, tempat letak kereta dan pengangkutan awam, 'street crime', keganasan terhadap orang perseorangan, kes rogol serta ragut.

Lantaran itu, kertas kerja ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep Bandar Selamat dan pelaksanaannya di negara Malaysia bagi membentuk imej bandar yang bebas daripada kegiatan jenayah.

LATAR BELAKANG KONSEP BANDAR SELAMAT DALAM KONTEKS MALAYSIA

Di Malaysia, kes-kes jenayah semakin meningkat serta mencapai tahap yang serius sehingga mengancam ketenteraman masyarakat. Statistik polis menunjukkan bahawa kes-kes jenayah telah

meningkat dari tahun 1994 hingga 1997. Dalam tahun 1994, terdapat 75,976 kes jenayah yang terdiri daripada 10,301 kes jenayah kekerasan dan 65,675 kes jenayah harta benda. Manakala bagi tahun 1995 ialah 81,221 kes dan bagi tahun 1996 pula ialah 87,902 kes. Dalam tahun 1997, jenayah telah meningkat kepada 121,176 kes atau 37.9%, antaranya 104,257 kes ialah kes jenayah harta benda dan 16,919 kes jenayah kekerasan (Rajah 1.1) (Utusan Malaysia, 1998).




Rajah 1.1: Bilangan Jenayah Pada Tahun 1994-1997

Sumber: Utusan Malaysia, 11 Februari, 1998


Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Yaacob Md. Amin, kes jenayah harta benda pada tahun 1997 meliputi kes kecurian motosikal (26,726), pecah rumah dan curi malam hari (21,644), pecah rumah dan curi siang hari (7,716), curi kereta (3,299), curi basikal (1,916), curi van dan lori (1,801) serta kecurian lain (41,085) (rujuk Rajah 1.2). Manakala bagi jenayah kekerasan, kes samun tanpa senjata api paling banyak dilaporkan (7,316), diikuti mencederakan manusia (5,871), rogol (1,429), samun berkumpulan tanpa senjata api (1,079), samun bersenjata api (589), bunuh (540), cuba bunuh (52) dan samun berkumpulan bersenjata api (43) (Rajah 1.3).

Selain daripada kes-kes tersebut, DCP Datuk Kamarudin Ali (Pengerusi YPJM Kuala Lumpur) juga turut melaporkan bahawa kes ragut dan seluk saku juga meningkat daripada 1,986 kes dan 70 kes pada tahun 1998 kepada 2,649 kes dan 144 kes pada tahun 1999. Peningkatan kes-kes jenayah tersebut secara amnya membuka peluang kepada pihak berkuasa untuk memperkenalkan konsep Bandar Selamat di Malaysia sebagai langkah inisiatif mencegah kegiatan jenayah.



Rajah 1.2: Jenayah Harta Benda, 1997

Sumber: Utusan Malaysia, 23 Februari, 1998



Rajah 1.3: Jenayah Kekerasan, 1997

Sumber: Utusan Malaysia, 23 Februari, 1998

Definisi Jenayah

Jenayah boleh didefinisikan sebagai perbuatan kejahanan (seperti mencuri, merompak, membunuh dan lain-lain) yang salah disisi undang-undang atau perbuatan kriminal (Kamus Dewan, 1970).


Jenayah tersebut boleh dibahagikan kepada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenayah kekerasan merupakan sebarang tindakan yang mengancam keselamatan seseorang. Tindakan ini terdiri daripada membunuh, cuba bunuh, mencederakan manusia, merogol, samun berkumpulan tanpa senjata api, samun berkumpulan bersenjata api, samun bersenjata api dan samun tanpa senjata api. Manakala jenayah harta benda merupakan kejahanan yang bersangkutan dengan harta benda seperti pencurian kenderaan, pecah rumah dan curi pada waktu malam serta pecah rumah dan curi pada waktu siang. Selain daripada jenayah di atas, YPJM (K.L) turut menyenaraikan ragut dan seluk saku sebagai jenayah yang perlu diatasi di negara kita.

KONSEP BANDAR SELAMAT

Konsep Bandar Selamat pada umumnya berdasarkan prinsip 'Prevention Is Better Than Cure' atau 'Mencegah lebih baik daripada mengatasi' (DCP Datuk Kamarudin, 1999). Dalam pada itu, perancangan menjadi langkah utama untuk mencegah kegiatan jenayah. Konsep Bandar Selamat menekankan kerjasama bersepadu di antara badan-badan kerajaan, pihak polis, organisasi swasta, operasi bukan kerajaan dan rakyat ke arah membanteras kegiatan jenayah melalui reka bentuk persekitaran yang selamat, pembangunan komuniti dan pendidikan (Datuk Lee Lam Thye, 1999).

Masyarakat dan komuniti tempatan memainkan peranan penting dalam merangka cara penyelesaian yang bersifat tempatan (custom design solution). Semangat kejiranan perlu disemai dan diamalkan di kalangan masyarakat. Tanggungjawab menjaga keselamatan merupakan tanggungjawab bersama. Selain daripada komuniti, perancangan fizikal yang memfokuskan reka bentuk persekitaran untuk pencegahan jenayah (Crime Prevention Through Environmental Design) diberi pertimbangan utama khususnya melalui reka bentuk persekitaran yang selamat dan bersifat berketahanan (contohnya 'defensible space').

Pelaksanaan konsep Bandar Selamat dapat mewujudkan sebuah persekitaran kediaman yang selamat dan mengurangkan peluang kejadian kegiatan jenayah. Melalui konsep ini juga diharap dapat mewujudkan bandar yang bebas daripada kegiatan jenayah serta tidak wujud perasaan takut terhadap jenayah (fear of crime) oleh penghuni. Secara ringkasnya, ciri-ciri Bandar Selamat adalah seperti Rajah 1.4.



Rajah 1.4: Ciri-ciri Dalam Bandar Selamat

ASPEK PENCEGAHAN JENAYAH MELALUI REKA BENTUK PERSEKITARAN

Dalam konsep Bandar Selamat, perancangan persekitaran fizikal boleh mempengaruhi kesan kelakuan (behavioural effects) seseorang khususnya untuk mengurangkan peluang kejadian jenayah. Kesan kelakuan tersebut dapat dicapai melalui pengurangan kecenderungan (propensity) persekitaran fizikal yang menyokong kelakuan jenayah (D.C Timothy, 1991). Secara amnya, aspek ini menyatakan bahawa reka bentuk yang sempurna dan penggunaan alam binaan yang efektif boleh membawa kepada pengurangan perasaan ketakutan dan kejadian jenayah demi mewujudkan persekitaran yang lebih selamat.

'Defensible Space'

'Defensible Space' merupakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Oscar Newman (1972). Pendekatan ini bertujuan untuk mencegah kegiatan jenayah melalui pembentukan fabrik sosial yang

dapat mempertahankan komunitinya daripada ancaman kegiatan jenayah. Ia merupakan satu persekitaran kediaman yang kondusif dan berupaya mewujudkan 'sense of community' di kalangan penghuninya. Seterusnya, ia diterjemahkan dalam bentuk kewajipan individu untuk memastikan kediaman yang selamat serta diurus dengan baik demi memberi jaminan keselamatan (security) untuk keluarga dan jiran. Dalam pada itu, ia menstruktur semula persekitaran kediaman supaya menjadi 'livable' dan dapat dikawal oleh penghuni kawasan tersebut.


Arkitek Mary Vogel dalam bukunya 'Design for Saint Paul Public Safety: A Guide for Making a Safer Public Realm (1993)' menyatakan bahawa:

'When we 'own' our communities and take responsibility for our streets, blocks, and neighbourhood, we reinforce the positive effort of police and other city departments, and our communities are safer, because space that are cared for, maintained and looked after are less likely to be crime scenes'.

Dalam teori 'defensible space', terdapat tiga prinsip yang penting untuk diamalkan iaitu:

i. Ruang Awam dan Persendirian

Prinsip ini menekankan bahawa semua kawasan sama ada dimiliki oleh individu atau awam harus dinyatakan dengan jelas kepada ruang awam, separa awam atau separa persendirian dan persendirian.




Definisi ruang yang jelas dapat membantu menentukan siapa yang mempunyai hak untuk menggunakan ruang tersebut di samping memberi keyakinan kepada komuniti bertindak ke atas orang asing atau aktiviti yang mencurigakan dalam kawasan kediaman mereka.

ii. Pengkawasan (Territorial)

Pengkawasan menggambarkan sesuatu zon yang dilakuai (zone of influence) oleh sesebuah komuniti atau seseorang individu. Reka bentuk tatatur yang menggalakkan prinsip pengkawasan dapat membantu mencipta 'sense of community' dan saling mengenal di antara penghuni. Keadaan ini memberi perasaan tekanan kepada penceroboh apabila memasuki kawasan tersebut kerana ia mudah dikenal pasti oleh penghuni tempatan.

Rajah di sebelah menunjukkan Lakaran skematik menunjukkan definisi pengkawasan dengan sokongan peluang pengkawasan (anak panah)



Pengawasan (Surveillance)


Pengawasan merupakan keupayaan komuniti atau individu untuk memerhatikan sesuatu kawasan terhadap aktiviti yang dilakukan pada setiap masa. Peluang pengawasan sebegini dapat mengawal dan menjamin aktiviti yang selamat. Tambahan pula, pengawasan dapat mengurangkan perasaan ketakutan dan keimbangan penghuni di kawasan perumahannya, ini memberi peluang kepada penghuni untuk menggunakan ruang awam dengan lebih kerap.

Ruang permianan di atas tempat letak kereta yang dikepung oleh bangunan memberi tahap pengawasan yang baik dari koridor dan unit bangunan. Ruang tersebut didefinisikan sebagai separa persendirian yang hanya terbuka kepada penghuni bangunan tersebut sahaja.

Selain daripada 'defensible space', perancangan fizikal yang menggambarkan ciri-ciri keselamatan ialah seperti berikut:

Pencahayaan

Pencahayaan yang baik dapat menggalakkan penggunaan ruang awam oleh pengguna pada waktu malam dan berupaya meningkatkan pengawasan (surveillance). Selain daripada itu, ia juga mempertingkatkan kenampakan (visibility) penghuni ke atas persekitaran kediamannya dan mewujudkan 'sense of security'.



Contoh pengawasan dari dalam dan luar bangunan.



Satu contoh reka bentuk bangunan yang mencerminkan 'defensible space'.

Sebagai strategi pencegahan jenayah, pencahayaan yang cukup terang adalah berkesan untuk mendedahkan penjenayah (P. Stollard, 1991). Sebaliknya, kawasan yang gelap dan tidak bercahaya memberi peluang untuk penjenayah melakukan jenayah.



Pandangan (Sightlines)

Sekatan pandangan oleh dinding, pagar, tumbuhan, tiang dan lengongan tajam boleh menimbulkan perasaan tidak selamat. Ini kerana, halangan atau sekatan tersebut berpotensi menjadi tempat persembunyian penyerang. Oleh itu, sekatan pandangan haruslah dielakkan dalam perancangan.

Ruang Perangkap (Entrapment Spot)


Ruang perangkap terbentuk daripada objek seperti dinding atau tumbuhan yang melindungi sesuatu ruang. Contohnya 'gap' di antara tumbuhan atau dinding tinggi, tangga kecemasan, bilik stor dan lif.

Ruang perangkap harus diberi perhatian dengan menerapkan prinsip keselamatan untuk mengurangkan potensi berlakunya kegiatan jenayah. Contohnya memberi pencahayaan yang mencukupi terutamanya pada waktu malam, mengelakkan orang awam daripada memasuki atau melalui ruang tersebut dan mengubah reka bentuk objek tersebut supaya ia tidak terlindung dan mudah dikesan atau dilihat oleh orang awam.



'Movement Predictor'

'Movement predictor' merupakan laluan yang dapat diramalkan (predictable) oleh penjenayah tetapi tidak boleh dielakkan oleh pengguna daripada menggunakaninya.



Contoh 'movement predictor' ialah terowong pejalan kaki, tangga, lorong kaki dan jejantas pejalan kaki. Laluan tersebut mudah memberi peluang untuk membuat serangan ke atas pengguna, keadaan akan bertambah teruk apabila laluan tersebut terasing daripada orang ramai atau berakhir di ruang perangkap. Memandangkan reka bentuk terowong pejalan kaki (underpasses) mengancam keselamatan pengguna, negara-negara barat seperti Netherlands di Amsterdam dan Britain di Manchester menggantikannya dengan laluan penyeberang zebra.

Guna Tanah Bercampur Dan Keperluan Penghuni

Guna tanah bercampur akan menggalakkan orang awam menjalankan pelbagai aktiviti di samping membentuk pengawasan tidak formal untuk kawasan tersebut. Perancangan bercampur perlu mengambil kira skala pembangunan supaya bersesuaian dengan pembangunan sedia ada dan keperluan penghuni. Sekiranya tidak, kesan negatif akan wujud seperti pekerja luar bandar membanjiri bandar atau kediaman sedia ada serta menyebabkan kacau ganggu dan ketidakteraman kepada penghuni.

ASPEK KEMUDAHAN KESELAMATAN

Perkhidmatan Pihak Polis

Pihak polis memainkan peranan penting untuk membanteras kegiatan jenayah melalui pelbagai pendekatan seperti menjalankan rondaan, pemeriksaan, serbuan dan tangkapan. Malahan dari semasa ke semasa, pihak polis sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berkenaan seperti Persatuan Penduduk, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Perpaduan Negara untuk melaksanakan program-program pencegahan jenayah. Kehadiran pihak polis diperdayai dapat meningkatkan tahap keselamatan dan mengurangkan perasaan ketakutan terhadap jenayah (fear of crime).



Alat-alat Keselamatan (Target Hardening)

Pemasangan alat-alat keselamatan seperti kunci, 'grill' pintu dan tingkap, kamera litar tertutup (CCTV), 'entryphone', 'guard dog' dan 'loceng rumah' merupakan pendekatan pencegahan tradisional. Alat-alat tersebut bertujuan memperkuatkan lagi pertahanan bagi mengelakkan pencerobohan daripada penjahat.

Petanda Kecemasan/Pertolongan

Penyediaan tanda petunjuk dan alat-alat komunikasi adalah sangat mustahak untuk memaklumkan kepada pengguna tentang kedudukannya atau untuk memberi pertolongan cemas. Kedudukan kemudahan tersebut perlu diletak di lokasi yang strategik, iaitu mudah dilihat dan dikesan oleh orang awam. Sebagai contoh, tanda gagang telefon menunjukkan kemudahan telefon dan tanda anak panah memaklumkan pergunna tentang laluan keluar.

ASPEK PEMBANGUNAN KOMUNITI

Program 'Neighbourhood Watch'

Program 'Neighbourhood Watch' melibatkan usaha sama di antara pihak polis dan komuniti untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan kediamannya dan mempertingkatkan (heighten) peluang pemerhatian dan pengawasan ke atas harta jiran, terutamanya apabila rumah jirannya kekosongan. Program ini memerlukan komitmen yang tinggi di kalangan penghuni kerana ia memerlukan semangat saling membantu dan mengambil berat di antara jiran bagi membanteras kejadian kegiatan kecurian.

Pembangunan Remaja

Pembangunan remaja perlu memberi penekanan kepada unsur-unsur pendidikan, rekreasi, kebudayaan dan sukan. Ia adalah penting untuk membangunkan remaja yang bersahsiah tinggi, berdikari, berdisiplin dan berupaya menghadapi cabaran. Program pembangunan tersebut menyediakan peluang kepada belia untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dan menggunakan masa lapang secara produktif. Ini seterusnya membantu remaja untuk menjauhi kegiatan yang tidak sihat terutamanya kegiatan jenayah.

Pendidikan

Pendidikan merupakan saluran utama untuk menerapkan nilai-nilai moral kepada golongan muda. Selain itu, pendidikan juga berperanan memberi kesedaran dan maklumat kepada orang ramai tentang kepentingan Bandar Selamat dan tanggungjawab masing-masing untuk mencegah kegiatan jenayah melalui ceramah, dialog, forum dan kursus-kursus berkaitan.



PELAKSANAAN KONSEP BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), pada awal tahun 1998 telah mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji kemungkinan menerima dan melaksanakan rancangan bagi mewujudkan konsep 'Bandar Selamat'. Ia bertujuan meminimumkan peluang berlakunya jenayah serta mewujudkan kehidupan selamat dalam persekitaran masyarakat penyayang.

Pada 9 Mac 1998, EXCO YPJM Persekutuan yang dipengerusikan oleh Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah meluluskan cadangan konsep bandar selamat sebagai satu inisiatif pencegahan jenayah di Malaysia. Satu projek percubaan telah dicadangkan untuk dilaksanakan di kawasan kediaman Bangsar Baru, Kuala Lumpur. Selanjutnya pada tahun 1999, dua projek inisiatif Bandar Selamat telah dicadangkan di Rumah Awam Sri Johor, Cheras, Kuala Lumpur dan Taman Universiti, Skudai Johor.

Kajian soal selidik dengan 120 orang responden telah dijalankan di tiga kawasan kajian iaitu Bangsar Baru, Rumah Awam Sri Johor, Kuala Lumpur dan Taman Universiti, Johor untuk meninjau pandangan penduduk terhadap pelaksanaan Bandar Selamat, di samping memberi cadangan tentang tindakan pencegahan yang berkesan untuk mencegah kegiatan jenayah di kawasan kediaman mereka. Pada masa kini, Rumah Awam Sri Johor telah disediakan sebuah pondok polis dan inisiatif Bandar Selamat akan dilancarkan pada tahun 2000. Manakala di Taman Universiti, sebuah pondok polis dan empat buah rumah pegawai polis yang disumbangkan oleh pemaju masih berada dalam peringkat pembinaan.

Di Bangsar Baru, sebuah pondok polis yang dilengkapi dengan sistem kawalan berpusat dan tiga kamera litar tertutup (CCTV) bagi operasi mencegah jenayah telah disediakan. Kemudahan pondok polis tersebut merupakan sumbangan penduduk dan pihak swasta tempatan.


Latar Belakang Kawasan Kajian

Secara ringkasnya Bangsar Baru merupakan kawasan kediaman mewah jenis rumah sesebuah, rumah berkembar dan rumah teres. Penduduk di kawasan tersebut kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan tinggi serta pelbagai profesi. Manakala Rumah Awam Sri Johor merupakan perumahan pangsa empat tingkat tanpa lif (walkup flat) dan kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. Seterusnya Taman Universiti merupakan pembangunan bercampur yang meliputi rumah kos rendah, rumah kos sederhana dan rumah kos tinggi. Kawasan kediaman ini turut menyediakan tempat kediaman kepada penuntut Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang menyewa bilik dan rumah.

Pandangan Responden Terhadap Tahap Keselamatan Kawasan Kajian


Kajian menunjukkan tahap keselamatan di Bangsar Baru adalah baik. Sebaliknya terdapat sebahagian responden bagi Rumah Awam Sri Johor dan Taman Universiti kurang berpuas hati dengan tahap keselamatan di kediaman mereka (Rajah 1.5). Keadaan ini disebabkan terdapat kes jenayah yang sering berlaku di kawasan tersebut. Sebanyak 30% responden bagi Rumah Awam Sri Johor dan 21.7% responden bagi Taman Universiti pernah mengalami kegiatan jenayah berbanding 16.7% responden di Bangsar Baru. Daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa kegiatan jenayah bukan setakat berlaku di kawasan kediaman golongan berpendapatan tinggi tetapi golongan berpendapatan rendah juga sering menjadi mangsa.

Antara jenis kegiatan jenayah yang sering dilaporkan oleh mangsa jenayah di Rumah Awam Sri Johor ialah kecurian basikal, diikuti kecurian motosikal dan meragut (Rajah 1.6). Manakala di Taman Universiti, 33% mangsa jenayah melaporkan kes kecurian motosikal dan 25% melaporkan kes pecah rumah serta lain-lain kecurian (Rajah 1.7). Di Bangsar Baru, kes meragut dan lain-lain kecurian seperti mencuri kasut dan pakaian mewah serta aksesori kereta paling banyak dilaporkan (Rajah 1.8).




Rajah 1.5: Pandangan Responden Terhadap Tahap Keselamatan

Sumber: Kajian Projek Sarjana Muda, 1999/2000




Rajah 1.6: Peratusan Jenis Kegiatan Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Mangsa Jenayah di Rumah Awam Sri Johor, Cheras, Kuala Lumpur.

Sumber: Kajian Projek Sarjana Muda 1999/2000



Rajah 1.7: Peratusan Jenis Kegiatan Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Mangsa Jenayah di Taman Universiti Skudai, Johor .

Sumber: Kajian Projek Sarjana Muda 1999/2000




Rajah 1.8: Peratusan Jenis Kegiatan Jenayah Yang Dilaporkan Oleh Mangsa Jenayah Di Bangsar Baru, Kuala Lumpur

Sumber: Kajian Projek Sarjana Muda 1999/2000

Tahap Kesedaran Responden Terhadap Bandar Selamat

Kajian juga menunjukkan penduduk Bangsar Baru mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap Bandar Selamat berbanding dengan sebilangan kecil responden sahaja di dua kawasan kajian yang lain (Rajah 1.9)



Rajah 1.9: Peratusan Responden Terhadap Kesedaran Bandar Selamat di Kawasan Kajian

Sumber: Kajian Projek Sarjana Muda 1999/2000

Untuk mengetahui kesedaran tentang konsep Bandar Selamat di kalangan penduduk, pendidikan dan pendedahan tentang konsep Bandar Selamat perlu disalurkan kepada orang ramai secara intensif (Lampiran 1). Ini bertujuan untuk memastikan penduduk tempatan memahami secara jelas tentang peranan masing-masing di samping memberi kerjasama yang bersepada kepada pihak pelaksana.

Keutamaan Bandar Selamat Daripada Persepsi Responden

Kajian tersebut juga mendapati bahawa ‘keselamatan nyawa’ merupakan objektif utama yang perlu dicapai dalam matlamat pelaksanaan Bandar Selamat. Seterusnya, ‘keselamatan harta benda’ menduduki tempat kedua penting, diikuti ‘mewujudkan perasaan keselamatan (sense of security)’ dan ‘mengurangkan perasaan takut terhadap penjenayah’. Objekif untuk ‘meningkatkan ilmu pengetahuan dan penglibatan komuniti’ adalah kurang penting.

Cadangan Tindakan Pencegahan

Responden telah diminta untuk memberi cadangan mengenai tindakan pencegahan jenayah. Didapati bahawa majoriti responden (63%) mencadangkan supaya penduduk harus bekerjasama dengan pihak polis sebagai cadangan tindakan utama. Contohnya, melaporkan kepada pihak polis apabila jenayah berlaku atau menemui orang asing yang bertindak luar biasa di sekitar kediaman mereka. Polis juga diminta membuat rondaan khususnya pada waktu malam untuk menjamin keselamatan penduduk.

Manakala cadangan kedua penting yang diberikan oleh responden Rumah Awam Sri Johor (51%) dan Taman Universiti (47%) ialah memastikan keselamatan di rumah masing-masing dengan mengunci pintu rumah dan pagar, menyediakan ‘grill’ pintu dan tingkap, menyalaikan lampu di ruang halaman pada waktu malam, di samping sentiasa menjaga harta persendirian dengan cermat. Sebaliknya, sebanyak 47% responden di Bangsar Baru mencadangkan penduduk perlu saling bantu membantu dan mengambil berat di antara jiran seperti menjaga rumah jiran semasa mereka tiada. Aspek yang dinyatakan ini akan mewujudkan semangat kejiranan yang kuat di kalangan penduduk supaya mampu membentuk benteng pertahanan (defence) terhadap jenayah selain daripada bergantung kepada pihak polis untuk menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka.

Cadangan lain yang diberikan ialah pencahaayaan yang mencukupi di sekitar kawasan kediaman seperti di langkau api, pondok telefon dan perhentian bas, terutamanya di tangga Rumah Awam Cheras. Selain itu, penyelenggaraan juga perlu dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan tiang lampu berfungsi dengan berkesan. Responden dari tiga kawasan kajian tersebut didapati kurang menaruh minat untuk menyertai program pencegahan seperti rukun tetangga atau rondaan secara sukarela untuk menjaga keselamatan kediamannya (Jadual 1.0).

Jadual 1.0: Perbandingan Peratusan Responden Terhadap Cadangan Tindakan Pencegahan Jenayah

| Cadangan Responden Tentang Tindakan Pencegahan Kegiatan Jenayah | Bangsar Baru | Taman Universiti | R.A. Sri Johor 4C |
|---|--------------|------------------|-------------------|
| 1. Bekerjasama dengan pihak polis | 77% | 55% | 66% |
| 2. Alat-alat keselamatan rumah | 38% | 47% | 51% |
| 3. Pencahayaan yang mencukupi | 30% | 29% | 35% |
| 4. Semangat kejiranan | 47% | 22% | 17% |
| 5. Terlibat dengan program pencegahan | 6% | 11% | 8% |

Sumber: *Kajian Projek Sarjana Muda 1999/2000*

Penilaian Keberkesanan Tindakan Pencegahan

Penilaian keberkesanan terhadap tiga aspek tindakan pencegahan (aspek reka bentuk persekitaran, aspek kemudahan keselamatan dan aspek pembangunan komuniti) oleh responden telah dilakukan. Sekali lagi, keputusan soal selidik menunjukkan bahawa responden bagi ketiga-tiga kawasan kajian menyatakan bahawa aspek kemudahan keselamatan iaitu perkhidmatan polis sebagai tindakan yang paling berkesan dalam konsep Bandar Selamat untuk mencegah kegiatan jenayah. Selain itu alat-alat keselamatan seperti kunci, loceng keselamatan 'grill' dan 'guard dog' harus turut diberi keutamaan.

Aspek kedua merupakan pembangunan komuniti yang merangkumi program 'neighbourhood watch', program pembangunan remaja dan program pendidikan. Manakala aspek ketiga berkesan ialah reka bentuk persekitaran iaitu 'defensible space', pencahayaan yang mencukupi, mengelakkan ruang perangkap dan sekatan pandangan serta penjanaan aktiviti/guna tanah untuk mencegah kegiatan jenayah.

Penemuan Kajian

Daripada kajian yang dijalankan, boleh dirumuskan bahawa objektif utama yang perlu dicapai melalui pelaksanaan Bandar Selamat ialah untuk memastikan 'keselamatan nyawa' dan 'keselamatan harta'. Tidak kurang penting juga, konsep Bandar Selamat dapat mewujudkan perasaan yang selamat dan pada masa yang sama mengurangkan perasaan ketakutan di kalangan penghuni.

Kajian juga menunjukkan bahawa penduduk lebih bergantung kepada pihak polis untuk mendahului usaha pencegahan jenayah berbanding dengan aspek pembangunan komuniti dan reka bentuk persekitaran. Untuk tujuan itu, penyediaan kemudahan perkhidmatan polis adalah penting di kawasan kediaman. Dalam bidang perancangan, saiz kejiranan perlu dipertimbangkan untuk

mengurangkan peluang kegiatan jenayah berlaku. Kajian di Lamberth, United Kingdom (1969) menunjukkan bahawa saiz kejiranan yang kecil (5,000-7,500 penduduk) kurang berlakunya jenayah berbanding dengan saiz kejiranan yang besar (melebihi 15,000 penduduk). Secara logiknya, pengagihan kemudahan perkhidmatan juga adalah lebih berkesan untuk menampung keperluan penghuni di unit kejiranan yang kecil, khususnya perkhidmatan polis untuk menjalankan operasi kawalan keselamatan. Selain daripada saiz kejiranan, lokasi kemudahan perkhidmatan polis yang strategik juga penting seperti di jalan masuk utama unit kejiranan. Dengan itu, perlindungan yang lebih menyeluruh kepada penghuni tempatan.

Perancangan juga perlu menggalakkan interaksi positif antara penduduk dan semangat kejiranan memandangkan ia merupakan prinsip penting dalam mewujudkan 'defensible space'. Contohnya, konsep susun atur rumah berkelompok dan cul-de-sac mampu menggalakkan semangat kejiranan kerana saiz jiran dalam kelompok tersebut adalah kurang dan mudah dikenali antara satu sama lain. Di samping itu, kepungan unit rumah ke atas kemudahan sosial dan rekreasi juga dapat memberi pengawasan yang baik terhadap aktiviti yang dilakukan (Stollard, 1991).

Dari semasa ke semasa, pendidikan dan pendedahan tentang konsep Bandar Selamat perlu disalurkan kepada orang ramai secara intensif sama ada melalui media seperti surat khabar, risalah television/radio atau sesi perbincangan, forum dan dialog di antara pihak pelaksana dan penduduk. Hal ini bertujuan memastikan penduduk tempatan memahami secara jelas tentang fungsi masing-masing di samping memberi kerjasama yang bersepadu kepada pihak berkenaan.

RUMUSAN

Memandangkan kadar kegiatan jenayah di negara kita semakin mencapai tahap yang serius, konsep Bandar Selamat diperkenalkan sebagai pendekatan pencegahan baru untuk memperkuatkuhan lagi penguatkuasaan perancangan (law enforcement) semasa supaya mencapai tahap pencegahan yang optima. Berdasarkan kajian yang dijalankan di ketiga-tiga kawasan kajian di atas, tindakan pencegahan haruslah lebih menjurus kepada tanggungjawab pihak polis. Perlu ditegaskan bahawa menjaga keselamatan adalah tanggungjawab bersama. Pelaksanaan Bandar Selamat untuk mencapai persekitaran kediaman yang aman, sejahtera dan selamat memerlukan usahasama yang bersepadu dan penglibatan yang tinggi di antara semua golongan masyarakat, termasuklah penduduk, agensi kerajaan dan pihak profesional seperti jururancang bandar dan arkitek.

Konsep Bandar Selamat perlu diaplิกasikan di skim perumahan yang baru dan tidak setakat untuk kawasan perumahan sedia ada. Selaras dengan ini, perancangan pembangunan masa sekarang dan hadapan perlu mempunyai perspektif baru ke arah perancangan bandar selamat, khususnya dalam peringkat perancangan konsep pembangunan baru dan reka bentuk susun atur. Untuk tujuan tersebut, garis panduan perancangan yang komprehensif juga perlu disediakan untuk menyelaraskan aktiviti perancangan bandar demi mewujudkan petempatan manusia yang lebih selamat, sihat dan 'more liveable'.

RUJUKAN

- Joseph De Chiara (1984). "Time-Saver Standards For Site Planning-Defensible Space" United States: Semline, Inc.
- Kylie Eastly, 1997. "A Safe City Is A Happy City." City of Toronto, Green Edition
- National Crime Prevention Council Of Canada (1996). "The Problem Of Crime"
<http://www.crime-prevention.org/ncpc/database/models/safe-e.htm>. Akses 15 November, 1999
- National Crime Prevention Council Of Canada (1996). "Dealing With Crime" <http://www.crime-prevention.org/ncpc/database/models/safe-e.htm>. Akses 15 November, 1999
- National Crime Prevention Council Of Canada (1996). "What Works" <http://www.crime-prevention.org/ncpc/database/models/safe-e.htm>. Akses 15 November, 1999
- Oscar Newman (1973). "Defensible Space-Crime Prevention Through Urban Design". New York: The Macmillan Company.
- Poyner, B. (1983). "Design Against Crime-Beyond Defensible Space" Great Britain: University Press, Cambridge.
- Reeves, Dory (1996). "Safe City". Journal Of Urban Design, Vol 1.375.2p
- Stollard, P. (1991), "Crime Prevention Through Housing Design". Great Britain: T.J. Press (Padstow) Ltd
- Surrey City Council (1998), "Safe City" <http://www.city.surrey.bc.ca/citycouncil/safecity.htm>.
Akses: 15 November ,1999
- Timonthly, D. Crrove (1991). "Crime Prevention Through Environmental Design." USA: National Crime Prevention Institute.

- Wekerly, G.R. dan Whitzman, C. (1995). "Safe City-Guidelines For Planning, Design and Management." New York: Van Nostrand Reinhold.
- Whitzman, C. (1994). "In Toronto, Planning Is The Best Defence" Planning, Vol.60, p10, 2p.
- Jabatan Perpaduan Negara (2000). "Skim Rukun Tetangga".
http://www.kempadu.gov.my/jpn/skim_rukun_tetangga.htm. Akses: 12 Januari, 2000
- Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (1999), "Buletin Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Kuala Lumpur".
- Lee Lam Thye (1999). "1999 World Town Planning Day-Public Lectures and Exhibition: Safe City."
- Joseph F. Sheley (1987). "Exploring Crime: Reading in Criminology and Criminal Justice." United State of America: Wadsworth Inc.
- R.V.G. Clarke and P. Mayhew (edited) (1980). "Designing Out Crime" Home Office Research Unit, London: Her Majesty's Stationery Office
- The Design Council (1979). "Designing Against Vandalism". United Kingdom: A. Wheaton & Co. Ltd, Exeter.

Help the police to help you.

If you see a crime in progress or a suspicious situation, give the police the following information on the suspicious character/s. This information is valuable to the police in their investigation.

Face

- Shape
- Complexion
- Facial Defects / Marks / Acne
- Spectacles / Sunglasses
- Moustache / Beard

Any Scar / Tattoo / Deformity

Clothes

- Style / Type (pants - long / short, T-shirt - short-sleeved / long-sleeved / sleeveless, with collar / collarless etc)
- Colour of clothes

Body Shape

- Fat, thin

Hair

- Hairstyle
- Colour

Jewellery / Accessories

- Bracelet, bangle, chain, pendant, earring, ring, etc

Weapon

- Type - gun, knife



Getaway Vehicle

number plates

Colour

Type of vehicle - car, motorcycle, lorry



Footwear

- Type - shoes : sandals
- Colour

CRIME PREVENTION BEGINS WITH YOU

Lampiran 1

Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang cara-cara untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah

AWAS

Peragut dan Penyeluk Saku



Jangan dedahkan wang anda di khalayak ramai.

Never show money away from the eyes of others.



Jangan berjalan seorang diri di tempat sunyi atau semasa menaiki lif.

Avoid walking in deserted areas or taking the lift alone.



Kepikan beg tangan dengan ketat ketika berada di tempat awam.

Hold up tight to your handbag at public places.



Berwaspada sebelum menyim atau selepas mengeluarkan wang dari bank atau mesin telan automatik (ATM). Pastikan anda tidak diekor. Bawalah kawa untuk menemani anda.

If you are picking money from or depositing money into an ATM, make sure that no one is following you. Take a friend or a companion just in case.



Kunci kesemuanya pintu kereta ketika memandu. Jangan dedahkan wang atau beg anda di atas tempat duduk. Sedangkan beg anda dengan baik atau simpan di dalam laci sumpanan kereta.

Lock all your car doors while driving. Do not leave your money or wallet exposed on the seats. Keep them in a safe place in the glove compartment.



Jauhi dari matal u leweson yang senak atau berbut-rebut ketika menuju bas.

Avoid going through crowded places, especially with others near by.



Jangan terlalu mendekatkan barang-barang lemas yang dipakai.

Do not give out your wallet.



REKA BENTUK PENGANGKUTAN YANG 'BARRIER - FREE'

Oliver Ling Hoon Leh
Tee Szu Fong
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN 'BARRIER-FREE'

Pembangunan perlu mewujudkan elemen kesihatan, keselamatan dan keselesaan dalam memenuhi cara hidup semua golongan penduduk. Golongan muda, kanak-kanak, golongan tua dan golongan kurang upaya mempunyai hak yang sama untuk hidup dengan selesa dan selamat.

Oleh itu, persekitaran yang 'barrier-free' adalah penting diwujudkan. Konsep 'barrier-free' bermaksud aksesibiliti untuk setiap orang iaitu tiada laluan yang dipisahkan mengikut jenis manusia, serta tiada akses yang tidak selesa untuk golongan kurang upaya, terutamanya pengguna kerusi roda (Draft Cyberjaya Urban Design Guidelines, ISI).

TUJUAN KERTAS KERJA

Berdasarkan buku-buku berkaitan, kertas kerja ini disediakan dengan tujuan untuk membincangkan masalah-masalah mengenai aksesibiliti golongan kurang upaya, di samping cadangan reka bentuk pengangkutan yang 'barrier-free'.

DEFINISI GOLONGAN KURANG UPAYA

Golongan kurang upaya (disabled persons) didefinisikan sebagai manusia yang mempunyai keupayaan yang kurang atau batasan dalam kebolehan untuk mengawal, mengurus dan bergerak bebas serta menghadapi masalah dalam menjalankan keperluan harian (World Health Organisation, 1980).


JENIS-JENIS KURANG UPAYA

Kira-kira 1% daripada penduduk Malaysia merupakan golongan kurang upaya iaitu lebih kurang 142,612 orang (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1998). Golongan kurang upaya ini boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu, cacat penglihatan, cacat pendengaran, cacat akal dan cacat anggota.


Masalah pengangkutan merupakan halangan kepada golongan kurang upaya untuk bekerja di tempat yang lebih jauh dari tempat tinggal mereka serta menjalankan aktiviti kehidupan sehari-hari seperti orang sempurna.

DATA DIMENSI


Reka bentuk sistem pengangkutan semasa di Malaysia yang hanya mengambil kira dimensi manusia sempurna sebagai 'functional design' menyebabkan halangan pengangkutan kepada golongan kurang upaya dari segi fizikal. Ini menyebabkan golongan cacat anggota sukar untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Dengan mengambil kira dimensi golongan kurang upaya dalam reka bentuk sistem pengangkutan, ia akan menjadi lebih bermakna kerana 'barrier-free' dan dapat digunakan oleh semua golongan manusia.



Rajah 5.1: Perbandingan dimensi bagi golongan kurang upaya dengan golongan sempurna. Golongan kurang upaya memerlukan lebih ruang untuk pergerakan yang selesa.



Rahah 5.2: Ukuran dimensi minimum untuk golongan kurang upaya berada dalam sebuah kerusi roda.



Rajah 5.3: Dimensi ukuran golongan kurang upaya berkerusi roda dengan pergerakan yang berkebolehsampaian



Rajah 5.4: Dimensi ukuran pengguna bertongkat.

INGATAN : Golongan kurang upaya memerlukan ruangan lebih untuk pergerakan yang selesa tetapi prinsip asas rekabentuk fungsi diamalkan semasa adalah untuk golongan sempurna sahaja.

MASALAH-MASALAH GOLONGAN KURANG UPAYA

Masalah Gangguan Pergerakan

Objek gangguan di persekitaran telah menyukarkan aksesibiliti semasa pergerakan di jalan raya, lorong pejalan kaki dan sebagainya.

Jaringan pejalan kaki yang tidak bersambungan menyebabkan bahaya dan tidak selesa. Keadaan ini wujud apabila golongan kurang upaya melintas jalan raya, sungai dan landasan keretapi (Rajah 5.5).


Jalan yang tidak separas juga sukar digunakan oleh golongan kurang upaya. Sebagai contoh, penggunaan tangga (penukarar aras dari paras bawah ke paras atas) telah membentuk paras tanah yang berbeza dan menyebabkan pengguna kerusi roda tidak dapat akses dengan baik begitu juga bagi golongan sempurna semasa berbasikal (Rajah 5.6). Gangguan persekitaran yang berbentuk sementara atau kekal di atas tanah iaitu batu-batan, lubang, takungan air selepas hujan (keadaan cuaca) juga mengganggu pergerakan yang lancar (Rajah 5.7).



Rajah 5.5: Reka bentuk jalan raya yang menyebabkan masalah semasa melintas jalan.



Rajah 5.6: Tangga merupakan objek gangguan kerana parasnya yang berlainan menyukarkan pergerakan golongan kurang upaya.



Rajah 5.7: Pengguna bertongkat sukar untuk mengesan permukaan bumi yang bertakung air.

Selain daripada itu, unjuran objek gangguan pergerakan seperti perabot jalan, pintu dan tingkap menyebabkan bahaya kepada golongan buta (Rajah 5.8 dan Rajah 5.9).



Rajah 5.8: Permukaan laluan pejalan kaki yang kurang baik, menyusahkan pergerakan pengguna tongkat.




Rajah 5.9: Contoh halangan di kaki lima

Oleh itu, sistem jaringan pejalan kaki yang berterusan, reka bentuk yang mudah dikenal pasti, mudah digunakan dan bebas daripada segala gangguan di luar jangkaan merupakan asas ukuran dimensi semua golongan masyarakat.

Masalah Akses Masuk Ke Bangunan

Masalah akses ke bangunan berkenaan dengan orientasi, reka bentuk serta aksessibiliti

Ukuran dimensi sesuatu pembinaan yang berasaskan keperluan golongan sempurna seperti ukuran pintu, tangga dan pemegang pintu menimbulkan masalah kepada golongan kurang upaya (Rajah 5.10 dan Rajah 5.11).



Rajah 5.10: Pintu masuk yang sempit direka bentuk tanpa mengambilura keperluan golongan kurang upaya.



Rajah 5.11: Kesukaran untuk mengenal pasti akses masuk ke sesuatu bangunan disebabkan oleh reka bentuk yang seragam atau tiada kepelbagaiannya.

Oleh itu, setiap bangunan perlu disediakan akses yang sesuai untuk semua golongan masyarakat. Dengan itu, prinsip keadilan sosial (social justice) akan dapat direalisasikan melalui reka bentuk sistem pengangkutan yang 'barrier free' oleh semua golongan masyarakat.

CADANGAN SISTEM PENGANGKUTAN YANG 'BARRIER-FREE'

Bas dan Perhentian bas

Bas yang berparas rendah adalah dicadangkan supaya pengguna kerusi roda dapat menggunakan perkhidmatan tersebut. Dengan ini, pintu masuk bas mestilah sekurang-kurangnya sebar 1 meter. Di samping itu, ruang mestilah disediakan di tempat yang berdekatan dengan pintu bas untuk

Perhentian Kereta Api dan LRT

Reka bentuk perhentian kereta api haruslah mempunyai ciri-ciri berikut:

- Paras kereta api dan platform yang sama.
- Ruang atau tempat duduk khas untuk golongan kurang upaya yang terletak berdekatan dengan pintu kereta api.
- Paras lantai dalam kereta api hendaklah sama dengan pintunya.

Tempat Letak Kereta

Tempat letak kereta khas perlulah disediakan di kawasan yang berdekatan dengan akses sesuatu bangunan (Rajah 7.1).

Laluan Pejalan Kaki


Kelebaran Pejalan Kaki (Pedestrian)

Laluan pedestrian atau kaki lima yang membolehkan dua buah kerusi roda berselisih memerlukan kelebaran sebanyak 1.8 meter. Walau bagaimanapun, kelebaran sebanyak 1.55 meter adalah mencukupi untuk membolehkan sebuah kerusi roda berselisih dengan seorang pejalan kaki yang sempurna (Rajah 7.2).


Kecerunan

Kecerunan maksimum bagi laluan pejalan kaki ialah sebanyak 1:12 (5°) atau 1:20. Bagi jarak yang jauh, ia memerlukan bahagian rata sepanjang 1.3 meter untuk membolehkan golongan kurang upaya berehat seketika (Rajah 7.5).


Pada kebiasaananya, tangga direka bentuk untuk menghubungkan dua paras tanah yang berlainan. Walau bagaimanapun, ia boleh digantikan dengan reka bentuk yang cerun sebagai alternatif I (Rajah 7.3).




Rajah 7.1: Saiz tempat letak kereta yang membolehkan golongan cacat anggota bergerak berdikari dari kereta.




Rajah 7.2: Ruang untuk pergerakan yang selesa di lorong pejalan kaki bagi pengguna kerusi roda dengan pejalan kaki



Rajah 7.3: Kawasan yang cerun membolehkan semua golongan manusia bergerak dalam alternatif I.




Rajah 7.4: Pembinaan tangga yang responsif dengan ukuran dicadangkan dalam alternatif II.



Rajah 7.5: Reka bentuk laluan pejalan kaki yang bercerun 1:12 dan mempunyai bahagian rata di pertengahan laluan pejalan kaki untuk membolehkan pengguna kerusi roda berahat.


Kerbs

Kerbs adalah perlu untuk mengelakkan kenderaan daripada menaiki laluan pejalan kaki. Walau bagaimanapun, bagi tempat lintasan jalan raya, kerbs perlu dikurangkan kepada $\frac{1}{4}$ kaki (4cm) (Rajah 7.6, Rajah 7.7 dan Rajah 7.8).




Alternatif I


Laluan pejalan kaki yang mempunyai kerbs dengan ketinggian $\frac{1}{4}$ berbanding dengan kebiasaan iaitu $\frac{1}{2}$.




Alternatif II




(a) Returned Curb



Rajah 7.6: Alternatif I - Perbezaan permukaan yang kurang daripada $\frac{1}{4}$ kaki tidak memerlukan 'edge'.



Rajah 7.7: 'Built-up Curb Ramp'



Rajah 7.8: Reka bentuk 'curb ramps'

Atasi Halangan

Halangan yang tidak diperlukan mesti dielak daripada laluan pejalan kaki. Bagi halangan sementara seperti kerja pembinaan, maka penyediaan lampu, 'barriers' dan papan tanda adalah perlu untuk meningkatkan perhatian pengguna laluan pejalan kaki (Rajah 7.9).

Permukaan


Laluan pejalan kaki perlu mempunyai permukaan yang kasar. Selain itu, dengan menggunakan struktur yang berlainan, ia dapat menunjukkan laluan kepada golongan buta yang menggunakan tongkat untuk menentukan arah perjalanan mereka (Rajah 7.10).

Handrail


Selain daripada itu, 'handrail' adalah diperlukan bagi membantu golongan kurang upaya untuk bergerak secara berdikari (Rajah 7.11, Rajah 7.12 dan Rajah 7.13).




Rajah 7.9: Pagar (sementara) sebagai halangan di laluan pejalan kaki untuk keselamatan.



Rajah 7.10: Ilustrasi perubahan struktur permukaan padestrian.



Rajah 7.11: Contoh-contoh penggunaan 'handrail'.



Rajah 7.12: Pandangan hadapan yang menunjukkan kelebaran laluan pengguna kerusi roda.



Rajah 7.13: Contoh pembinaan 'handrail' dalam menghubungkan antara bangunan di kawasan cerun.


Perabot Jalan Raya

Tempat Duduk

Tempat duduk yang disediakan harus mempunyai ruang untuk golongan kurang upaya duduk bersama dan berkomunikasi dengan orang sempurna (Rajah 7.15). Di samping itu, ketinggian kerusi mestilah sama dengan kerusi roda supaya semua orang dapat duduk dengan paras yang sama tinggi dan mengelakkan perbezaan yang nyata antara manusia.




Rajah 7.14: Ketinggian tempat duduk yang sama aras dengan ketinggian kerusi roda dapat memudahkan mereka mengalih tempat.



Rajah 7.15: Ruangan yang mencukupi untuk membolehkan pergerakan pengguna kerusi roda.

Papan Tanda

Papan tanda harus mempunyai ketinggian yang tertentu supaya maklumat tersebut dapat disampaikan secara efektif serta mengelakkan bahaya (Rajah 7.16).



Rajah 7.16: Ketinggian papan tanda yang bersesuaian dengan semua golongan masyarakat.

Akses Masuk Ke Bangunan

Akses utama untuk masuk ke sesebuah bangunan harus meliputi ciri-ciri yang mudah dikenali, senang dibuka dan mudah dilalui. Perbezaan paras tanah antara sebelum masuk ke bangunan dengan selepas masuk ke bangunan tidak ketara iaitu tidak melebihi $\frac{1}{4}$. Dalam Rajah 7.17 menunjukkan reka bentuk tempat bangunan yang mengambil kira keperluan golongan yang menggunakan kerusi roda.



Rajah 7.17: Cadangan ukuran ruang yang selesa untuk golongan kurang upaya.

KESIMPULAN

kesimpulannya, pihak pentadbir, para perancang, jurutera dan arkitek perlulah mengambil kira keperluan pergerakan bagi semua golongan manusia tanpa mengasingkan golongan kurang upaya. Pengangkutan yang 'barrier-free' perlu untuk membentuk masyarakat yang penyayang dan adil.

RUJUKAN

- Albert Peloguin (1994), *Barrier-free Residential Design*, McGraw-Hill, Inc., New York.
- Charles W. Harris & Nicholas T. Dines (1988), *Time Saver Standard For Landscape Architecture*, United States of America.
- United Nations (1981), *Designing With Care: A Guide to Adaptation of The Built Environment for Disabled Persons*, United Nations, Australia.
- Institute Sultan Iskandar (1999), *Draft Cyberjaya Urban Design Guidelines*, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Persekutuan, Malaysia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (1998), *Laporan Tahunan Jabatan Kebajikan Masyarakat*, 1998.

PERANCANGAN KAWASAN LAPANG YANG SELAMAT DI KAWASAN PERUMAHAN KAJIAN KES: MAJLIS BANDARAYA IPOH

Nor Kalsum bt. Mohd. Isa
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Pertambahan penduduk, kesesakan lalu lintas, persaingan dan tekanan cara hidup yang serba mencabar telah mewujudkan pertambahan permintaan untuk beriadah dan menenangkan fikiran pada masa lapang. Walau bagaimanapun, penyediaan kawasan lapang yang kurang selamat di kawasan perumahan telah menyebabkan kawasan lapang tersebut tidak digunakan. Penyediaan kawasan lapang yang tidak selamat ini ialah ekoran daripada penyediaannya yang sambil lewa dan secara 'ad-hoc'. Selain itu, sesetengah pihak pemaju sering menjadikan ruang 'SLOP' (Space Left Over After Planning) yang tidak dapat dimajukan sebagai kawasan lapang. Ini mengakibatkan lokasi kawasan lapang berkenaan tidak dirancang sepenuhnya. Ekoran daripada lokasi yang kurang sesuai telah menyebabkan kawasan lapang berkenaan kurang selamat digunakan.

Kertas kerja ini akan menyentuh mengenai tahap keselamatan kawasan lapang sedia ada dan seterusnya mengemukakan cadangan yang bersesuaian bagi tujuan mempertingkatkan tahap keselamatan kawasan lapang di kawasan perumahan.

DEFINISI KAWASAN LAPANG

Kawasan lapang merupakan kawasan yang tidak dibina. Jika kawasan ini dikhaskan untuk nilai estetik, ia akan digelar sebagai kawasan rekreasi. Pada asasnya, sebarang kawasan yang tidak dibina mempunyai kemungkinan untuk digunakan sebagai kawasan rekreasi (Zainuddin Muhammad, 1993).

Dalam konteks kajian ini, kawasan lapang didefinisikan sebagai mana-mana kawasan hijau atau lapang yang tidak dimajukan oleh pihak pemaju sebaliknya diserahkan kepada Pihak Berkuasa

Tempatan untuk tujuan kegunaan awam atau untuk dijadikan sebagai kawasan pengimbal serta akan diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, Akta A933 dalam seksyen 2(f) mentakrifkan kawasan lapang sebagai:

'mana-mana tanah sama ada yang dikepung atau tidak yang dikhaskan atau direzabkan untuk dikbaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin, tempat jalan kaki awam atau suatu tempat awam'.

Kawasan lapang dan rekreasi adalah saling berkaitan. Kawasan lapang merupakan suatu ruang yang dikhaskan untuk tujuan seperti yang ditetapkan oleh akta. Manakala rekreasi pula merupakan aktiviti yang dijalankan di atas mana-mana tanah lapang (Garis panduan Perancangan Kawasan Lapang dan Rekreasi, 1999).

KAWASAN KAJIAN

Untuk mengenal pasti tahap keselamatan kawasan lapang di kawasan perumahan, satu kajian telah dijalankan ke atas tiga buah kawasan perumahan di kawasan Majlis Bandaraya Ipoh iaitu Taman Desa Kenicana, Taman Bersatu dan Taman Rasi Jaya. Di samping itu, kajian soal selidik juga telah dijalankan di kawasan kajian tersebut dengan jumlah sampel sebanyak 114 (tahap keyakinan 90%)

MASALAH KAWASAN LAPANG YANG KURANG SELAMAT

Berdasarkan kajian analisis, didapati terdapat beberapa masalah yang membawa kepada penyediaan kawasan lapang yang kurang selamat iaitu:

i. Dikelilingi Jalan Raya Yang Sesak

Berdasarkan pengamatan yang telah dijalankan oleh pengkaji, didapati kawasan lapang yang terdapat di Taman Desa Kenciana dan Taman Bersatu terletak di tengah-tengah kawasan perkedaian dan dikelilingi oleh jalan raya selebar 15 meter. Kedua-dua kawasan lapang tersebut mempunyai masalah yang sama diakibatkan oleh perletakannya yang kurang strategik. Aktiviti perkedaian yang aktif di sekililing kawasan lapang tersebut menyebabkan ia kurang selamat digunakan terutamanya

oleh golongan kanak-kanak berusia 14 tahun ke bawah. Ini kerana, aktiviti tersebut telah menjana banyak kenderaan seperti lori, van dan kereta menggunakan jalan selebar 15 meter yang terdapat di sekeliling kawasan lapang berkenaan.

ii. Berhampiran Pencawang Elektrik dan Kolam Oksidasi

Kawasan lapang yang berhampiran dengan kolam oksidasi dan pencawang elektrik pula sangat berbahaya untuk kegunaan kanak-kanak. Ini kerana, dikuatirkan kanak-kanak akan menghampiri pencawang tersebut. Selain itu, kolam oksidasi juga sering mengeluarkan bau busuk yang mengganggu keselesaan penggunanya.

iii. Dikelilingi Longkang Besar Yang Tidak Ditutup

Didapati kawasan lapang yang terdapat di Taman Bersatu dan Taman Desa Kencana dikelilingi oleh longkang yang besar dan tidak ditutup. Keadaan ini telah membahayakan pengguna kawasan lapang berkenaan terutamanya kanak-kanak.

iv. Gangguan Anjing-anjing Yang berkeliaran

Kawasan lapang yang tidak berpagar juga menyebabkan kanak-kanak yang menggunakan kawasan lapang di kawasan kajian sering diganggu oleh anjing terutamanya di kawasan perkedaian. Selain itu, penyediaan pagar yang kurang sesuai di kawasan kajian telah menyebabkan ia kurang berfungsi sebaliknya hanya digunakan sebagai ampaian.

v. Aktiviti Yang Kurang Sesuai

Kawasan lapang yang berhampiran kawasan perumahan dan jalan raya selebar 15 meter di Taman Bersatu digunakan untuk bermain bola sepak. Berikutnya aktiviti tersebut, lokasinya yang berhampiran dengan kawasan perumahan telah menimbulkan masalah gangguan. Ini kerana, bola sering tersepak ke rumah yang berhampiran denganannya. Oleh itu, keadaan ini menimbulkan konflik di antara aktiviti di kawasan lapang tersebut dengan guna tanah di sekelilingnya.

vi. Kurang Penyelenggaraan

Taman Rasi Jaya mempunyai sebuah kawasan lapang yang mencapai taraf padang kejiraninan seluas 14.20 ekar. Selain itu, kawasan perumahan ini juga mempunyai sebuah padang permainan seluas 1.53 ekar. Kedua-dua kawasan lapang ini terletak di kolam bekas lombong yang menarik dan boleh dieksplorasi. Walau bagaimanapun, kedua-dua kawasan lapang berkenaan tidak diselenggarakan dengan baik. Ekoran daripada itu, kedua-dua kawasan lapang berkenaan tidak selamat digunakan terutamanya oleh golongan kanak-kanak.

Hasil kajian soal selidik mendapat bahawa majoriti responden di kawasan kajian berpendapat bahawa semua kawasan lapang di kawasan kajian yang menghadapi masalah di atas tidak selamat digunakan (Jadual 1 dan Rajah 1). Ekoran daripada itu, majoriti responden (81.75%) di kawasan kajian tidak menggunakan kesemua kawasan lapang yang telah disediakan (Rajah 2).

Hasil ujian ‘independence chi-square’ bagi pendapat responden terhadap keselamatan penggunaan kawasan lapang di keseluruhan kawasan kajian pula menunjukkan bahawa nilai ‘chi-square’ yang diperhatikan (18.030) adalah lebih besar daripada nilai kritikal taburan ‘chi-square’ (12.592) pada darjah kebebasan 6 dan paras keertian 0.05. Ini menunjukkan wujud pertalian (association) antara penggunaan kawasan lapang di kawasan kajian dengan penilaian responden terhadap keselamatan penggunaan kemudahan rekreasi untuk kawasan lapang berkenaan. Hasil jadual silang mendapati bahawa responden yang memberi penilaian terhadap keselamatan penggunaan kawasan lapang di kawasan kajian sebagai tidak memuaskan lebih cenderung untuk tidak menggunakan kawasan lapang berkenaan dan sebaliknya.

Jadual 1: Pendapat Penduduk Terhadap Keselamatan Penggunaan Kawasan Lapang

| Kawasan Kajian | | Taman Desa Kencana | | | | Taman Bersatu | | | | Taman Rasi Jaya | | | | | | | |
|-----------------------------|-----------|--|---|------|------|---------------|--|-----|-----|-----------------|---|-----|------|------|---|---|--|
| | | Pendapat Responden | | | | | | | | | | | | | | | |
| Tidak Memuaskan | Menuaskan | Bil. | Padang Permainan 1.77 ekar (Perkedahan, jalan 15m) | | | Bil. | Padang Permainan 2.75 ekar (Perumahan, jalan 15m) | | | Bil. | Padang Permainan 1.15 ekar (Perkedahan, jalan 15m) | | | Bil. | Padang Permainan 0.61 ekar (Tengah-tengah Perumahan) | | |
| | | % | - | - | * | * | - | * | * | * | - | * | * | - | * | * | |
| Sangat Baik | Baik | Bil. | - | - | * | * | - | * | * | * | - | * | * | - | * | * | |
| | | % | - | - | * | * | - | * | * | * | - | * | * | - | * | * | |
| Sederhana | Buruk | Bil. | - | - | * | * | - | * | * | * | - | * | * | - | * | * | |
| | | % | - | - | * | * | - | * | * | * | - | * | * | - | * | * | |
| | Buruk | Bil. | 10 | 12 | 1 | - | * | - | * | - | * | - | * | 7 | 7 | | |
| | | % | 33.3 | 40.0 | 3.3 | - | * | - | * | - | * | - | * | 15.9 | 15.9 | | |
| Sangat Buruk | Buruk | Bil. | 20 | 18 | 29 | 40 | 40 | 40 | 40 | 40 | 40 | 40 | 37 | 37 | | | |
| | | % | 66.7 | 60.0 | 96.7 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 84.1 | 84.1 | | | |
| Jumlah | Buruk | Bil. | 30 | 30 | 30 | 40 | 40 | 40 | 40 | 40 | 40 | 40 | 44 | 44 | | | |
| | | % | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | | | |
| Pendapat Majoriti Responden | | - Tidak Berkenna dengan Pendapat Responden | | | | | | | | | | | | | | | |

Sumber: Kajian Pengkaji, Jan 2000



Rajah 1: Pendapat Penduduk Terhadap Keselamatan Kawasan Lapang di Kawasan Kajian.

Sumber: Kajian Projek Sarjana Muda, 1999/2000



Rajah 2: Kadar Penduduk Yang Menggunakan Kawasan Lapang.

Sumber: Kajian Projek Sarjana Muda, 1999/2000

CADANGAN PERANCANGAN KAWASAN LAPANG YANG SELAMAT DI KAWASAN PERUMAHAN

Secara umumnya untuk mewujudkan kawasan lapang yang selamat di sebuah kawasan perumahan, penyediaannya haruslah menjamin keselamatan pengguna. Manakala pengguna di kalangan kanak-kanak pula selamat menggunakan kawasan lapang berkenaan walaupun tanpa kawalan penjaga masing-masing. Antara ciri-ciri kawasan lapang yang selamat ialah seperti berikut:

i. Kombinasi Guna Tanah Persekitaran Yang Sesuai

Secara umumnya, lokasi kawasan lapang harus strategik serta mempunyai kombinasi guna tanah sekitar yang sesuai. Kawasan lapang yang disediakan untuk semua golongan peringkat umur pengguna harus dielakkan daripada berdekatan dengan guna tanah perkedaian dan jalan selebar lebih daripada 12 meter. Ini kerana, guna tanah perkedaian serta jalan besar berkenaan akan menjanakan kesibukan kenderaan di kawasan lapang tersebut yang secara tidak langsung menggugat keselamatan dan ketenangan penggunanya. Kawasan lapang juga tidak sesuai diletakkan berhampiran dengan kolam oksidasi, longkang besar dan dalam yang tidak ditutup, pencawang elektrik serta bahagian belakang bangunan yang sukar dilihat. Ini bertujuan untuk menjamin kesejahteraan pengguna terutamanya daripada golongan kanak-kanak yang masih tidak dapat membezakan sesuatu yang merbahaya atau selamat digunakan untuk berekreasi.

ii. Ruang Rekreasi Yang Mudah di Awasi (Defensible Space)

Kajian analisis mendapati bahawa majoriti pengguna kawasan lapang di kawasan kajian terutamanya kanak-kanak memerlukan penjaga untuk mengawal keselamatan mereka. Ini merupakan ekoran daripada kawasan lapang sedia ada yang kurang selamat digunakan serta sifat semula jadi manusia yang sangat perihatin terhadap keselamatan anak-anak. Justeru, kadar penggunaan kawasan lapang oleh golongan kanak-kanak sangat dipengaruhi oleh keadaan penjaga masing-masing. Sekiranya penjaga dalam keadaan sibuk, maka kanak-kanak tidak dibenar menggunakan kawasan lapang berkenaan.

Bagi mengatasi situasi tersebut, unit kediaman dan kawasan lapang perlu bersifat saling tampak serta 'defensible'. Ini bermakna, kawasan lapang harus diletakkan menghadap unit-unit kediaman untuk memudahkan penjaga mengawasi kanak-kanak yang sedang bermain di kawasan lapang berkenaan daripada rumah masing-masing. Selain itu, penghuni unit-unit kediaman tersebut juga boleh berperanan sebagai pemerhati kanak-kanak yang sedang bermain serta mengambil tindakan segera sekiranya berlaku kemalangan kepada kanak-kanak berkenaan. Keadaan ini juga dapat mewujudkan 'kepungan penuh' kawasan lapang oleh unit-unit kediaman yang secara tidak langsung dapat mewujudkan 'sense of belonging' kepada kawasan lapang tersebut oleh unit-unit kediaman berkenaan (Rajah 3). Ini mendorong penduduk di kawasan perumahan tersebut agar sama-sama menjaga kawasan lapang berkenaan tanpa menyerahkan sepenuhnya hal-hal pengurusan dan penyelenggaraan kepada pihak kerajaan.




Rajah 3: Kepungan Penuh Kawasan Lapang Oleh Unit Kediaman

iii. Bahan Binaan Yang Selamat

Pemilihan bahan binaan bagi sesebuah kemudahan rekreasi merupakan faktor yang sangat penting bagi melindungi keselamatan kanak-kanak. Kemudahan rekreasi harus dipilih daripada bahan-bahan yang tidak membahayakan penggunanya. Iklim negara Malaysia yang panas dan lembap sepanjang tahun memerlukan penggunaan bahan binaan kemudahan rekreasi yang boleh bertahan lama. Semua kemudahan rekreasi harus tertanam kukuh atas permukaan lantai untuk mengelakkannya daripada tertumbang. Tempat duduk buaian harus diperbuat daripada bahan yang ringan seperti plastik atau getah yang membenarkan seorang sahaja kanak-kanak duduk dalam satu-satu masa.

iv. Penyediaan Kemudahan Rekreasi Untuk Golongan Cacat

Kajian analisis mendapati bahawa kawasan lapang sedia ada di kawasan kajian tidak menyediakan kemudahan rekreasi untuk golongan cacat dan orang tua. Terdapat ramai kanak-kanak yang cacat seperti kekurangan dari segi fizikal, pancaindera, emosi atau lambat dalam proses belajar kurang berpeluang untuk menikmati kemudahan rekreasi di kawasan lapang. Manakala, rekreasi pasif untuk golongan tua juga kurang diitikberatkan. Oleh itu, kemudahan rekreasi untuk golongan cacat dan tua harus diambil kira dalam penyediaan sesebuah kawasan lapang. Antara kemudahan rekreasi yang perlu disediakan ialah 'ramps' (Rajah 4). Permukaan yang sesuai untuk aksessibiliti kerusi roda iaitu 'uniform wood chips' dan bahan tiruan seperti jubin.



Rajah 4: 'Ramp'

iv. Pemisahan Antara Ruang Aktiviti Rekreasi Yang Berbeza

Perletakan sesuatu kemudahan rekreasi di sesebuah kawasan lapang harus bersesuaian dengan kemudahan atau aktiviti rekreasi lain yang berhampiran dengannya. Setiap ruang kemudahan rekreasi yang berbeza harus mempunyai pemisah untuk memberikan perbezaan kegunaan bagi setiap ruang (Rajah 5). Contohnya aktiviti yang memerlukan ruang yang luas seperti bermain bola sepak harus dipisahkan dengan perletakan kemudahan rekreasi berpelantar untuk kanak-kanak. Ini supaya bola

'absorbing' yang cukup ketebalannya serta menyapu lantai untuk mengelakkan permukaan menjadi licin. Walau bagaimanapun, kajian lanjutan perlulah dilakukan terhadap cadangan penswastaan ini bagi mengenal pasti kesesuaianya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, didapati bahawa penyediaan kawasan lapang semasa di kawasan perumahan kurang mempertimbangkan faktor-faktor keselamatan. Ini menyebabkan kawasan lapang berkenaan kurang digunakan. Ekoran daripada itu, pembaziran tanah berlaku secara berleluasa. Oleh itu, di harapkan cadangan perancangan kawasan lapang yang selamat di kawasan perumahan seperti yang telah dibincangkan dalam kertas kerja ini akan dapat mewujudkan kawasan lapang yang selamat kelak.

RUJUKAN

- Alan Jubenville. (1976), *Outdoor Recreation Planning*. University of Wyoming,
- Anon (1986), *Laporan Pemeriksaan Pelan Struktur Ipoh, Majlis Bandaraya Ipoh*.
- Anon (1991), *Pelan Struktur Ipoh, Majlis Bandaraya Ipoh*.
- Anon (1998), *Laporan Teknikal Rancangan Struktur Ipoh (Pengubahan)*, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia.
- Anon (1999), *Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang dan Rekreasi*, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia,
- Arthur B. Gallion (1963), *The Urban Pattern, City Planning And Design*, Van Nostrand Reinhold & Co, New York.
- Azlinia bt. Hashim (1996), *Konsep Dan Bentuk Kemudahan Rekreasi Di Kawasan Rumah Pangsa Kos Rendah Kajian Kes; Rumah Pangsa Kos Rendah Sri Pahang Dan Rumah Pangsa Tunku Abdul Rahman*, DBKL, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Carr, Rrancis, Rivlin and Stone (1992), *Public Space*, Cambrigde University Press, United States of America.
- Chang Foh Choon (1996/97), Penilaian semula piawaian penyediaan kawasan lapang untuk rekreasi bagi skim perumahan di kawasan bandar, *Kajian kes: Kawasan Rancangan Tempatan Kempas, Larkin dan Tampoi*, (MBJB), Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.
- George Torkildsen. (1986), *Leisure and Recreation Management*, second edition London New York.
- Haji Zainuddin Muhammed (1993), *Seminar Kebangsaan Perancangan Kemudahan Sukan dan Rekreasi di dalam Proses Perbandaran, Perancangan Kemudahan Sukan dan Rekreasi ke Arah 2020*, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia

Jabatan Perancangan Bandaraya (September 1998), Laporan Keperluan, Fungsi dan Peranan Taman Rekreasi, Majlis Bandaraya Ipoh.

Joseph De Chiara, (1984): Time-saver Standards for Site Planning. United States of America, McGraw-Hill Book Company.

Maggie Anak Tomeng, (1996): Konsep Perancangan Taman Permainan Kanak-kanak di Kawasan Perumahan Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia.

Micheal Laurice (1975), An Introduction To Lanscape Architecture, American Elsevier, New York

Vikneswaren A/L Jeyasivam (1998). Kajian Terhadap Kekurangan Kemudahan Rekreasi Di Kawasan Perumahan Kajian Kes Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah.

GLOBALISASI DAN PERANCANGAN BANDARAYA SELAMAT

Hamzah Jusoh
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

PENGENALAN

Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan pengangkutan yang menjadi enjin kepada proses globalisasi menuntut satu pendekatan baru dalam merancang sesebuah bandar. Dengan merebaknya proses globalisasi yang menjadikan dunia ini tanpa sempadan, perancangan sesebuah bandar ataupun sesebuah bandaraya di mana-mana pelusuk dunia kini tidak seharusnya hanya mengambil kira faktor-faktor 'endogenous' sahaja dalam proses perancangannya, apa yang lebih kritikal ialah turut sama mempertimbangkan faktor-faktor 'exogenous'. Malah, kedomininan faktor 'exogenous' terutamanya gerak kuasa globalisasi dalam mempengaruhi pembangunan sesebuah negara dan bandaraya menjadikannya satu komponen utama dalam proses perancangan walaupun kewujudan faktor ini akan menjadikan proses perancangan tersebut bertambah kompleks. Perkembangan terbaru dalam pembangunan global secara langsung turut mengubah konsep dan falsafah perancangan sesebuah bandar. Perancangan pembangunan sesebuah bandar tidak dilihat berdasarkan penekanan aspek-aspek fizikalnya sahaja, tetapi juga perlu menekankan kepada aspek fungsinya, sejajar dengan peranan yang harus dilakukan dalam abad baru ini. Persoalannya, bagaimanakah kedomininan gerak kuasa globalisasi ini sewajarnya dipertimbangkan dalam proses perancangan sesebuah bandaraya, terutamanya ke arah mewujudkan sebuah bandaraya selamat. Kertas kerja ini akan meneliti persoalan tersebut dan cuba memberikan beberapa pandangan berhubung dengan persoalan yang tidak berkesudahan ini.

GLOBALISASI DAN PEMBANGUNAN BANDARAYA

Dalam tempoh dua dekad yang lalu, semakin jelas bahawa proses globalisasi telah menguasai sebahagian besar kehidupan manusia. Bandaraya dan masyarakat di seluruh dunia kini mengalami satu transformasi struktur yang sangat berbeza berbanding pada masa lampau. Nadi kepada transformasi ini

adalah revolusi teknologi, terutamanya dalam teknologi maklumat dan pengangkutan. Perkembangan pesat di peringkat global seiring dengan kemajuan pesat teknologi telekomunikasi dan pembentukan ekonomi global telah menyebabkan semua bandar sama ada di negara dunia pertama, kedua dan ketiga saling berkaitan di antara satu sama lain, terutamanya dalam sistem fungsi kotaraya global. Kewujudan sistem jaringan kotaraya global ini juga mempengaruhi proses pembangunan bandar-bandar di wilayah-wilayah lain dunia (Friedmann, 1986). Dengan pembahagian kerja antarabangsa (Frobel et al. 1986) yang menekankan kepada pengeluaran berorientasikan global oleh syarikat-syarikat 'multinational' dan 'transnational' secara langsung telah memperkuatkan lagi pengaruh global dalam menentukan pembangunan dunia secara keseluruhannya.

Terdapat tiga aspek globalisasi yang secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi pembangunan sesebuah bandar iaitu globalisasi ekonomi, budaya dan politik. Globalisasi ekonomi telah dipesaskan oleh peningkatan dalam aliran aktiviti ekonomi ke seluruh dunia, termasuklah pergerakan penduduk, barang, modal dan maklumat yang merentasi sempadan nasional. Secara umumnya terdapat tiga gerak kuasa globalisasi ekonomi utama yang mendorong pergerakan ini, iaitu sistem kewangan global, ekonomi perkhidmatan global dan rangkaian telekomunikasi global. Globalisasi kewangan merujuk kepada meningkatnya kebebasan dalam pergerakan, pemindahan serta 'tradability' mata wang dan modal ke seluruh dunia. Ini berlaku apabila sebahagian besar institusi kewangan di seluruh dunia dihubungkan melalui satu sistem pusat kewangan global yang bersepada. Bagi ekonomi perkhidmatan global pula, pertumbuhan yang mendadak terhadap pengeluar-pengeluar perkhidmatan seperti perakaunan, pengiklanan, komputer dan pemrosesan data, kejuruteraan, kewangan, perundungan dan perundingan telah menjadikan perkhidmatan sebagai sektor penting dalam ekonomi global hari ini. Pembangunan dan penyelerakan pesat kilang-kilang 'multinational' dan industri kewangan serta perkhidmatan telah meningkatkan lagi permintaan terhadap aktiviti-aktiviti perkhidmatan khusus bagi tujuan mengurus dan mengawal rangkaian global kilang, 'outlet' perkhidmatan dan pejabat cawangan (Sassen, 1991). Dalam banyak hal, kedua-dua aktiviti ini diperlancarkan lagi dengan pembangunan pesat rangkaian telekomunikasi global (Castells, 1989, 1996). Dicken (1998) merumuskan bahawa pengglobalan aktiviti ekonomi terjana daripada empat proses, iaitu strategi-strategi firma terutamanya syarikat-syarikat 'transnational', strategi-strategi yang diambil oleh sesebuah negara/kerajaan, interaksi dinamik dan kompleks di antara firma dan kerajaan, dan perubahan teknologi. Salah satu kesan yang ketara daripada globalisasi ekonomi ialah kemunculan satu kelompok masyarakat yang dikenali sebagai 'transnational society' atau 'transnational elite' atau pun 'the fourth generation' yang mempunyai implikasi yang besar kepada proses perancangan sesebuah bandaraya.

Perkembangan pesat kelompok masyarakat ini yang terdiri daripada para profesional, ekspatriat dan ahli-ahli perniagaan metropolitan menggambarkan satu fenomena penting, iaitu pengantarabangsaan atau pengglobalan pusat-pusat metropolitan bandaraya. Kelompok masyarakat ini semakin dominan, iaitu tidak hanya mendiami di sebuah bandaraya, tetapi di beberapa buah bandaraya dan memberi implikasi yang besar kepada morfologi serta fungsi pusat-pusat bandar utama. Kelompok ini merangkumi para ekspatriat dan profesional dalam organisasi awam dan swasta sama ada bertaraf nasional, wilayah atau antarabangsa, perunding antarabangsa, ahli-ahli akademik, para penghibur, ahli sukan dan sebagainya. Kelompok ini memerlukan satu bentuk perkhidmatan dan kemudahan yang agak seragam di mana-mana tempat di dunia ini, sama ada hotel, pejabat dan tempat mesyuarat, restoran, pusat membeli-belah, kemudahan rekreasi dan sebagainya dengan penekanan kepada piawaian antarabangsa. Keadaan ini agak terserlah di bandaraya-bandaraya global pada masa kini, seperti yang diungkapkan oleh Friedman & Wolff (1982: 322-323)

'... transnational elite are the dominant class in the world city, and the city is arranged to cater to their lifestyle and occupational necessities'.

Perkembangan pesat globalisasi ekonomi sebenarnya secara langsung mempercepatkan proses globalisasi budaya. Dalam konteks globalisasi budaya, Waters (1995: 126) melihatnya sebagai;

'... a continuous flow of ideas, information, commitment, values and tastes across the world, mediated through mobile individuals, symbolic tokens and electronic simulations'.

Menurutnya, budaya dunia hari ini telah diglobalkan oleh perkembangan pesat dalam media elektronik dan komputer, peningkatan imigrasi dan pelancongan, selain daripada organisasi antarabangsa, acara-acara global dan industri hiburan. Dalam masa yang sama, proses-proses pengglobalan ekonomi dan budaya juga turut membantu mempertingkatkan aliran budaya di peringkat antarabangsa. Kewujudan budaya global terutamanya di negara-negara dunia ketiga telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat tempatan. Dalam konteks perancangan, apakah kewujudan budaya global perlu diiktiraf dan diberi pertimbangan dalam membangunkan sesebuah bandaraya? Kegagalan mengambil kira kewujudan budaya global yang kemungkinan besarnya berkonflik dengan budaya tempatan akan menyukarkan proses perancangan sebuah bandaraya selamat.

Penembusan organisasi-organisasi antarabangsa seperti TNCs dan MNCs yang menggalakkan pertumbuhan 'transnational elite society' di negara-negara sedang membangun kadang kala boleh mengugat kestabilan politik dan pentadbiran sesebuah negara dan bandaraya. Istilah 'global

'governance' banyak digunakan oleh pelbagai pihak untuk menggambarkan arah dunia yang telah ditransformasikan. Waters (1995) menghujahkan bahawa globalisasi politik yang membawa kepada 'governance' global boleh didefinisikan sebagai satu siri proses yang rumit termasuk pengurangan campur tangan kerajaan, pengglobalan isu-isu politik, peningkatan bilangan organisasi antarabangsa, pembentukan blok-blok serantau dan penyebaran demokrasi liberal ke seluruh dunia.

Secara keseluruhannya, proses globalisasi telah meningkatkan kepentingan sesebuah bandar sama ada di peringkat tempatan, nasional atau supra-nasional. Ia juga telah membenarkan proses pengeluaran menjadi lebih fleksibel, 'fragmented' dan intensif serta dalam masa yang sama menjadikan bandar 'accessible' kepada semua pihak. Kepesatan perkembangan teknologi maklumat ini membuatkan sesebuah bandar tidak lagi mempunyai sempadan. Justeru, globalisasi harus dipertimbangkan secara serius kerana ia telah menjadi satu ideologi 'hegemoni'. 'Think globally - act locally' merupakan teras kepada strategi korporat bagi kebanyakan syarikat besar yang menjalankan operasi antarabangsa (Clarke & Gaile, 1997). Keadaan ini perlu diambil kira dalam perancangan sesebuah bandar bagi memastikan bandar tersebut tidak hanya harmoni dan lestari daripada segi fizikalnya, tetapi juga berupaya berfungsi sejajar dengan arus pembangunan global semasa.

Justeru, dalam konteks perubahan ekonomi global dan kapitalisme moden, beberapa unsur penting pembangunan perlu dipertimbangkan dalam merancang sesebuah bandar. Sesebuah bandar di mana-mana negara pada masa kini sama ada secara langsung atau tidak langsung telah terangkai dalam sistem jaringan bandaraya dunia yang didominasikan oleh London, New York dan Tokyo serta beberapa buah bandaraya lain di peringkat serantau seperti Hong Kong dan Singapura. Oleh itu, perancangan sesebuah bandar dalam era global ini tidak seharusnya hanya mempertimbangkan faktor-faktor 'endogenous' sahaja, malah lebih kritikal lagi merupakan pertimbangan kepada faktor-faktor 'exogenous' terutamanya yang berkaitan dengan proses globalisasi. Tahap penembusan syarikat-syarikat 'transnational' dan 'multinational' ke negara-negara dunia ketiga yang begitu ketara dapat menggambarkan bahawa proses pembangunan di negara-negara ini begitu dipengaruhi oleh faktor-faktor 'exogenous' (Appold, 1997). Di samping itu, sebab, kriteria dan signifikan pembangunan sesebuah bandaraya pada masa kini hanya boleh difahami dengan menganalisis sesebuah bandar tersebut daripada segi hubungan/rantaian 'transnational'nya. Penekanan haruslah diberikan terhadap hubungannya dalam dunia ekonomi kapitalis, firma-firman 'multinational' yang dominan dan proses-proses pengstrukturran semula ekonominya.

Hal ini menimbulkan satu persoalan besar kepada sesebuah bandar, iaitu adakah bandar tersebut benar-benar selamat?. Pencerobohan maklumat dan gangguan terhadap 'privacy' menerusi media elektronik dan komputer mungkin membayangkan bahawa kini tidak ada satu tempat lagi di dunia ini yang benar-

benar selamat untuk didiami. Perancangan yang hanya memberi penumpuan kepada aspek-aspek keselamatan fizikal dan alam sekitar adalah tidak memadai untuk menjadikan sesebuah bandaraya itu selamat. Begitu juga, perancangan yang mengabaikan keperluan sebenar kelompok-kelompok masyarakat, sama ada kelompok yang terdiri daripada penduduk tempatan atau antarabangsa, kelas tinggi, pertengahan atau bawahan akan menyebabkan sesebuah bandaraya itu tidak selamat.

KONSEP BANDARAYA SELAMAT DALAM ERA GLOBAL

Dalam era global yang dipacu oleh kepesatan teknologi maklumat, fungsi sesebuah bandar telah berubah secara drastik. Dengan penembusan gerak kuasa global dan penekanan terhadap daya persaingan bandaraya di peringkat supra-nasional, konsep bandaraya selamat yang difahami secara mudah sebelum ini perlu diteliti semula. Secara mudah, bandaraya selamat bolehlah didefinisikan sebagai sebuah bandaraya yang bebas daripada segala bentuk ancaman, seperti jenayah, pencemaran alam sekitar, ketidakcukupan dan ketidak sempurnaan penyediaan kemudahan asas dan awam yang boleh menjelaskan keharmonian serta kesejahteraan hidup masyarakat dan individu sama ada secara fizikal, batin atau mental. Dalam konteks sebuah bandaraya yang bersifat 'isolated', sebahagian besar daripada kriteria-kriteria bandaraya selamat adalah lebih berorientasikan persekitaran fizikal dan bersifat 'endogenous'. Walau bagaimanapun, dalam konteks dunia tanpa sempadan yang dipacu oleh gerak kuasa globalisasi, selain daripada kriteria-kriteria fizikal, bandaraya selamat juga perlulah dilihat dalam dimensi yang lebih luas iaitu merangkumi aspek fungsinya. Sesebuah bandaraya yang lengkap dengan segala kemudahan fizikal yang canggih tidak boleh dianggap selamat sekiranya masih terdapat unsur-unsur yang boleh menjelaskan reputasi dan daya saing sesebuah bandaraya di peringkat supra-nasional, tahap kualiti hidup yang rendah, terutamanya bagi memenuhi keperluan pelbagai kelompok masyarakat, meningkatnya rasa perkauman, diskriminasi berasaskan kaum, bangsa, ugama dan sosial, serta wujudnya prasangka buruk dan ketidakadilan dalam segala aspek.

Kepelbagaiannya penduduk di sesebuah bandaraya yang telah terintegrasi dalam sistem jaringan bandaraya global menyebabkan kriteria-kriteria ke arah bandaraya selamat menjadi lebih kompleks. Ini lebih relevan bagi sesebuah bandaraya yang bertaraf global serta mempunyai pelbagai peranan seperti pusat kuasa politik di peringkat nasional dan antarabangsa, pusat perdagangan nasional dan antarabangsa yang bertindak sebagai 'entreport', pusat perbankan, insuran dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan kewangan, pusat pelbagai jenis aktiviti profesional, pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat, pusat seni, budaya dan hiburan serta aktiviti-aktiviti berkaitan (lihat Friedmann, 1986, Sassen, 1994, 1996, 1999; Hall, 1998).

KE ARAH PEMBANGUNAN BANDARAYA SELAMAT DALAM ERA GLOBAL: SATU RENUNGAN AWAL

Apakah keutamaan sesebuah bandaraya dalam menghadapi arus pembangunan global ini? Terdapat tiga pilihan dalam menghadapi era globalisasi ini, iaitu sama ada mempertingkatkan daya saing di peringkat antarabangsa, memperteguhkan kemampuan pembangunan, mempertingkatkan aspek keselamatan bandaraya, atau gabungan ketiga-tiga pilihan tersebut. Secara umumnya bagi menjamin kemampuan pembangunan dalam era global ini, sesebuah bandaraya harus lebih kompetitif di peringkat antarabangsa, terutama daripada segi ekonominya. Bagi memastikan daya kompetitif yang tinggi, sesebuah bandaraya perlu mempunyai infrastruktur komunikasi yang hebat dan kawasan pusat bandar yang beratikulasi dengan bandaraya-bandaraya lain. Dalam jangka masa panjang, sesebuah bandaraya yang paling kompetitif di peringkat antarabangsa merupakan bandaraya-bandaraya yang menyediakan kualiti hidup yang terbaik kepada penghuninya, termasuklah dalam aspek keselamatan.

Perbahasan tentang kotaraya global dan kritikan pasca-kemodenan terhadap perancangan era moden menguatkan keyakinan bahawa dalam era persaingan kotaraya yang semakin sengit, tanggungjawab perancangan bandar semakin mencabar, iaitu untuk menjual kotaraya tersebut di peringkat antarabangsa (Gudell, 1994). Membangunkan sebuah bandaraya dalam perspektif persaingan adalah penting bagi mencapai hasrat ini. Walau bagaimanapun, penekanan terhadap persaingan yang berlebihan boleh menjadikan sesebuah bandaraya itu tidak seimbang serta akhirnya menjelaskan keselamatan bandaraya itu sendiri.

Daya tarikan sesebuah bandaraya bergantung kepada kombinasi beberapa faktor, termasuk kualiti sumber manusia dan keupayaan inovasi (latihan vokasional, pemodenan teknologi dan perdagangan), penyediaan infrastruktur (aksesibiliti, perhubungan, tapak industri, ruang pejabat dan sebagainya) kualiti persekitaran sosial dan fizikal. Pengantarabangsaan dan pengglobalan ekonomi ke arah mempertingkatkan daya saing turut mempengaruhi budaya, maklumat, fesyen dan tingkah laku para penghuninya, kesan daripada aliran maklumat. Dalam masa yang sama, tiada kontradiksi yang tidak dapat diatasi antara daya saing dengan integrasi sosial dan antara pertumbuhan dengan kualiti hidup. Perbezaan yang begitu ketara di antara golongan miskin dan golongan kaya yang terdapat di sesebuah bandaraya perlu ditangani. Fenomena kemiskinan yang keterlaluan mendorong golongan ini bertindak di luar batas perundungan dan menjadikan golongan kaya sebagai sasaran mereka. Kadar kemiskinan yang tinggi di bandaraya sebenarnya menggambarkan tahap keselamatan yang rendah. Begitu juga, kewujudan sebuah bandaraya yang jelas memaparkan sifat-sifat dualism, pemisahan antara pusat dan pinggiran atau pemisahan antara kumpulan-kumpulan penduduk dan aktiviti dalam konteks sosial dan

fungsi akan menjelaskan tahap keselamatan sesebuah bandaraya. Sesebuah bandaraya yang selamat seharusnya bersifat 'polycentric', kejiranan yang bersifat 'plural' dan zon aktiviti yang mempunyai pelbagai fungsi yang akhirnya berupaya mewujudkan sebuah bandaraya demokratik. Ini termasuklah 'accessibiliti' penduduk bandar yang miskin kepada kemudahan teknologi maklumat yang membolehkan mereka mendapat 'access' yang sama dengan golongan penduduk yang kaya. Seharusnya, tidak timbul sebarang hujah ekonomi yang boleh menjustifikasi ketajadaan kemudahan-kemudahan ini kepada penduduk sesebuah bandaraya. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan tempatan perlu mengakal dan menjanakan pertumbuhan ekonomi, menyediakan jambatan penghubung antara ekonomi formal dan informal serta mencipta peluang-peluang pekerjaan.

Sesebuah bandaraya selamat seharusnya berupaya mempastikan beberapa hak asasi manusia (human right) terpelihara, antaranya hak kepada kemudahan perumahan, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, kesamaan taraf dan keselamatan individu daripada keganasan serta aksi-aksi sembarang. Salah satu komponen utama dalam perancangan bandaraya selamat ialah perumahan. Walaupun pihak berkuasa tempatan tidak berupaya menyediakan perumahan yang 'standard' kepada semua penduduk untuk selamanya, namun mereka boleh mengiktiraf kawasan-kawasan penempatan penduduk, dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas, menjalinkan kerjasama dan mekanisma dengan penduduk bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Pendidikan asas dan perkhidmatan kesihatan seharusnya 'accessible' dan percuma kepada seluruh penduduk. Tidak ada seorang penduduk pun yang tidak 'access' kepada pendidikan dan budaya sesebuah bandaraya, tanpa latihan yang berterusan, tanpa kemudahan kesihatan atau tanpa perkhidmatan asas yang lain. Oleh itu, dalam abad ke-21, kawasan kediaman di bandaraya utama perlulah mempunyai kesemua perkhidmatan asas (bekalan air, perparitan, bekalan elektrik dan sebagainya), kebolehsampaian kepada kemudahan pengangkutan yang memastikan mobiliti ke seluruh kawasan, mempunyai peluang latihan yang memberikan kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan dan penerimaan sosial, penempatan secara sah dan pengiktirafan secara budaya bagi sesebuah daerah atau zon. Kawasan kediaman bandaraya merangkumi keseluruhan elemen-elemen ini dan bukaninya satu elemen yang terpisah. Di samping itu, lokasi kawasan kediaman tersebut perlulah terlebih dahulu dipastikan keamanan dan keselamatannya.

Rasa takut yang menimbulkan sikap tidak bertoleransi (intolerance), dan tiadanya jaminan keselamatan menyebabkan hak-hak sebagai seorang warga kota tidak dapat dinikmati sepenuhnya. Ketorpinggiran dan 'social exclusion' sebahagian daripada penduduk merupakan punca timbulnya sikap tidak bertoleransi di kalangan penduduk yang lain. Jenayah ekonomi dan kemiskinan pula merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan tiada keselamatan. Sebuah bandaraya yang selamat ialah bandaraya yang memerangi masalah kemiskinan dan jenayah ekonomi, sikap tidak bertoleransi, serta rasa tidak

selamat. Sebuah bandaraya selamat secara berterusan merancang dan melancarkan projek-projek yang boleh memperkuatkan 'solidarity' dan komunikasi di kalangan penghuninya. Bagi mengatasi masalah 'insecurity', satu bentuk polisi yang mengintegrasikan aspek sosial dan budaya serta mengiktiraf hak untuk berbeza dengan yang lain (right to be different), dan juga mempunyai program-program pencegahan yang bersepuduh haruslah diwujudkan. Polisi-polisi pencegahan, walaupun merupakan polisi keselamatan terbaik dalam banyak hal amat bergantung bukan sahaja kepada pihak kerajaan, tetapi juga kepada tanggungjawab individu secara kolektif. Keadaan ini memerlukan 'urban contract' antara kerajaan dengan wargakota, antara kerajaan dengan syarikat dan antara badan awam dengan persatuan penduduk. Dalam sebuah masyarakat bandar, jaminan ini diberikan oleh kedaulatan undang-undang (the rule of law):

"... if the presence of the state is weak, if justice is practically inaccessible for the population of the urban outskirts, and social provision does not reach everyone, then the urban habitat does not comply with the minimum prerequisites for providing security and facilitating peaceful coexistence..." (Borja & Castells, 1997: 217).

Dalam era global, proses urbanisasi boleh bersifat kreatif atau destruktif kepada sesebuah bandar, atau kedua-duanya sekali. Di sesetengah bandaraya, penduduk tempatan tidak menjadi pemain utama dalam aktiviti-aktiviti penting sesebuah bandaraya, terpinggir daripada kedaulatan undang-undang (the rule of law) dan budaya masyarakat kontemporari, 'underemployed' atau hidup di bawah sektor informal dan tinggal di kawasan-kawasan yang mempunyai kemudahan yang tidak mencukupi serta merupakan sebahagian daripada 'a crisis of the city'. Masalah yang perlu diselesaikan bukan setakat menyediakan kemudahan perumahan dan kemudahan asas yang lain, tetapi masalah bagi membangunkan bandaraya dalam dimensi ruang 'urban-regional-global' yang baru.

KESIMPULAN

Perancangan dan pembangunan bandaraya selamat menuntut satu pendekatan yang lebih menyeluruh, tidak hanya menekankan aspek pembangunan fizikal semata-mata, tetapi juga kepada aspek-aspek bukan fizikal. Ia juga perlu dilihat dalam konteks dan dimensi yang lebih luas, terutamanya selari dengan arus perdana pembangunan sernas, yang dalam banyak hal tertakluk kepada gerak kuasa globalisasi. Penekanan kepada aspek keselamatan sesebuah bandaraya adalah selari dengan hasrat ke arah pembangunan yang mementingkan kualiti hidup yang tinggi iaitu pra-syarikat utama untuk melonjakkan daya saing sesebuah bandaraya di peringkat antarabangsa. Daya saing yang tinggi kini dilihat sebagai

satu aspek kritikal bagi memastikan kemampuan sesebuah bandaraya dan negara dalam era global ini, terutamanya dalam usaha memposisikan sesebuah bandaraya dalam sistem jaringan kotaraya global. Satu pendekatan pembangunan yang lebih praktikal perlu diterokai dalam usaha untuk mencapai kesemua matlamat pembangunan ini yang merangkumi aspek keselamatan, kemampuan dan kepesatan kemajuan ekonomi. Pendekatan berdasarkan ‘Smart Growth’ mungkin boleh dilaksanakan untuk mencapai matlamat pembangunan sesebuah negara dan bandaraya, terutamanya ke arah ‘people and place prosperity’.

RUJUKAN

- Appold, S. J. 1997. Third world cities in global perspective: The political economy of the uneven urbanization. *Social Forces*, 76 (1): 333-334.
- Borja, J & Castells, M. 1977. Local & global: management of cities in the information age. London: UNCHS & Earthscan.
- Castell, M. 1989. The informational city: information technology, economic restructuring and the urban-regional process. Oxford: Blackwell Publishers.
- Castell, M. 1996. The rise of the network society. Massachusetts: Blackwell Publishers Inc.
- Clarke, S.E. & Gaile, G.L. 1997. Local politics in a global era. Thinking locally, acting globally. *The Annals of the American Academic*, 551: 28-43.
- Dicken, P. 1998. Global shift: Transforming the world economy. New York: The Guilford Press.
- Frobel, F. et al. 1982. The new international division of labour: Structural unemployment in industrialised countries and industrialisation in developing countries. Cambridge: Cambridge University Press.
- Friedman, J. 1986. The world city hypothesis. *Development and Change*, 17(1): 69 - 83.
- Friedmann, J. and G. Wolff. 1982. World city formation: An agenda for research and action. *International of Urban and Regional Research*, 6: 309 - 344.
- Gudell, H.A. 1994. Building a strategy for metropolitan and regional international competitiveness. *Economic Development Review*, 12(3): 16-23.
- Ohmae, K. 1995. The end of the nation state: The rise of regional economies. London: HarperCollins Publishers.

- Sassen, S. 1991. *The global city*: New York, London, Tokyo. New Jersey: Princeton University Press.
- Sassen, S. 1996. Cities and communities in the globe economy: Rethinking our concepts. *The American Behavioral Scientist*, 39 (5): 629-638.
- Sassen, S. 1997. Electronic Space: Embedded and Segmented. *International Planning Studies*, 2 (2):229-240.
- Sassen, S. 1999. Global Financial Centers. *Foreign Affairs*, 78 (1): 75-87.
- Waters, M. 1995. *Globalization*. London & New York: Roudledge.